

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2002	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.17	(Halaman 14)
Maksud B.18	(Halaman 47)
USUL-USUL:	
Anggaran Pembangunan 2002	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.17	(Halaman 14)
Maksud P.18	(Halaman 47)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia	Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
Yang Amat Berhormat	Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
"	Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
Yang Berhormat	Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
"	Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
"	Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
"	Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
"	Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
"	Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
"	Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
"	Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
"	Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
"	Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
"	Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
"	Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
"	Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
"	Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
"	Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
"	Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
"	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

Yang Berhormat	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
Yang Berhormat Mulia	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
“	Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)

Yang Berhormat	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
"	Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)

Yang Berhormat	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
”	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
“	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
“	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
“	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
“	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
”	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
”	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
”	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
”	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)

Yang Berhormat	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
Yang Berhormat	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

Yang Berhormat	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUM ENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Ruhana binti Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Selasa, 20 November 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) statistik kes-kes sumbang mahram mengikut negeri dari tahun 1999 hingga tahun 2000 dan hingga pertengahan tahun 2001; dan
- (b) adakah kerajaan berhasrat untuk melaksanakan tatacara syariah dalam menangani kes-kes sumbang mahram yang berlaku di negara ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sepanjang tahun 1999 sehingga Jun 2001 sejumlah 403 kes sumbang mahram dilaporkan berlaku di seluruh negara. Darpada jumlah tersebut sebanyak 184 kes dilaporkan berlaku dalam tahun 1999, 136 kes dalam tahun 2000 dan sehingga Jun 2001 sejumlah 83 kes telah dilaporkan.

Perangkaan kes sumbang mahram mengikut negeri pula menunjukkan bahawa sepanjang tempoh di atas negeri Johor, Sabah dan Selangor mencatatkan kes tertinggi dengan masing-masing 59, 53 dan 49 kes. Ini diikuti oleh:

Negeri	Bil. Kes
Sarawak	43
Kedah	32
Perak	30
Pahang	27
Pulau Pinang	24
Negeri Sembilan	20
Terengganu	19
Kelantan	16
Melaka	14
Kuala Lumpur	9
Perlis	8

- (b) Semua negeri termasuk Wilayah-wilayah Persekutuan telah mengadakan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan jenayah syariah termasuk perbuatan sumbang mahram, bagi Wilayah-wilayah Persekutuan, perbuatan sumbangan mahram ini telah diperuntukkan dalam seksyen 20 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah

Persekutuan 1997, Akta 559 yang berbunyi "Mana-mana orang yang melakukan perbuatan sumbang mahram adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu." Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri di atas jawapan dan butiran yang telah diterangkan kepada Dewan yang mulia ini. Daripada apa yang kita lihat, alhamdulillah, Kelantan dan Terengganu mencatatkan angka yang terendah dalam kes-kes ini. *[Ketawa]* Ini memang benar yang dicatatkan oleh Setiausaha Parlimen sendiri, jangan main-main.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini, soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan sedar di mana ada pihak-pihak tertentu yang menjadi penyumbang utama sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada bertambahnya berlaku sumbang mahram ini. Di antara lain tersebar secara meluas majalah-majalah hiburan yang kita boleh dapati di mana-mana sahaja, filem-filem, video-video VCD dan sebagainya. Juga terpapar di dada-dada akhbar di negara kita ini. Yang saya melihat, yang saya banding dengan akhbar-akhbar di tiga buah negara....

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, soalnya, menampakkan bahawa akhbar-akhbar kita banyak melabelkan hiburan-hiburan di mana sepatutnya kerajaan mengambil daya usaha supaya perkara-perkara ini tidak berlaku. Dan yang keduanya, apakah kerajaan bersedia menggunakan hukuman yang lebih berat bukan sekadar enam sebatan sahaja, khususnya kepada pelaku-pelaku sumbang mahram terhadap kanak-kanak, anak-anak dia sendiri, cucu dia, anak saudara dia sebagaimana yang telah tersiar dalam surat khabar barubaru ini. Tiga orang menjadi mangsa kepada bapa saudaranya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu Yang Berhormat sudah jadi rogol. Jikalau sekiranya kanak-kanak perempuan, rogol namanya Yang Berhormat, di bawah umur 14 sampai 20 tahun.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Apakah tindakan kerajaan kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, banyak soalan, ada tiga soalan tambahan walaupun sepatutnya satu. Yang pertama, saya hendak beritahu Yang Berhormat, itulah sebab sebelum kita bercakap kita kena buat kajian secara terperinci. Walaupun Selangor merupakan negeri yang terbanyak tetapi peningkatannya berkurangan - 49 itu jumlah dalam masa tiga tahun, tetapi jumlahnya berkurangan. Tahun 1999 - 16 kes, tahun 2000 - 24 kes, tahun 2001 - hanya tinggal 9 kes. Di Johor pun sama, walaupun jumlah semua 59 kes, tetapi kes peningkatan tiap-tiap tahun semakin berkurangan. Tahun 1999 - 33 kes, tahun 2000 - 15 kes, tahun 2001 tinggal 11 kes. Yang peliknya di Kelantan dan Terengganu, kes ini makin bertambah. *[Ketawa]*

Saya ambil contoh, di Kelantan, tahun 1999 - 3 kes, tahun 2000 naik satu kes, jadi 4 kes. Tahun 2001 naik sampai 9 kes. Lagi lama PAS memerintah lagi banyak kes sumbang mahram berlaku di Kelantan. *[Ketawa]* Di Terengganu pun sama, kesnya juga kalau kita lihat, ia semakin meningkat. Jadi, walaupun jumlahnya banyak daripada negeri-negeri yang BN memerintah, tetapi peningkatan kes nampaknya semakin banyak di negeri Kelantan. Kalau lagi lama PAS memerintah agaknya dua kali ganda, kes ini berlaku di negeri Kelantan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai hukuman yang tinggi. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru ini kita telah membuat pindaan di bawah Kanun Keseksaan, Yang Berhormat pun mungkin sudah lupa, mungkin Yang Berhormat tidak mengambil bahagian dalam perbincangan. Kita sudah letakkan hukuman yang lebih serius kepada mereka yang melakukan sumbang mahram. Selama ini di dalam Panel Code tidak ada sumbang mahram, yang ada cuma rogol. Jadi, kita tambah seksyen yang baru dan kita kenakan hukuman yang lebih berat seperti mana mandatori

penjara sehingga enam tahun dan juga dia boleh dikenakan sebatan. Itu undang-undang mahkamah sivil.

Mengenai Mahkamah Syariah, kita sedia maklum bahawa undang-undang yang menetapkan maksimum enam sebatan, kerana ianya tertakluk kepada peruntukan di bawah undang-undang Persekutuan, Akta 355 Akta Mahkamah Syariah Bidang Kuasa Jenayah 1995 di mana tiap-tiap Mahkamah Syariah diberi kuasa terhadap iaitu dia tidak boleh penjara lebih daripada tiga tahun dan denda tidak lebih RM5,000 atau sebat tidak melebihi enam sebatan. Walau bagaimanapun, undang-undang ini agak terhad tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat, oleh kerana enakmen jenayah syariah ini terletak di bidang kuasa kerajaan negeri, di negeri Kelantan, dalam kes jenayah syariah ini hanya tiga sahaja kes yang dikenakan hukuman rotan. Itu pun tak sampai ke maksimum enam rotan.

Jadi, kita yang kita suruh sebat enam rotan ini pun Kerajaan Negeri Kelantan tak mampu hendak laksanakan lagi. Jadi, bagaimana Yang Berhormat kata hendak suruh minta tinggi lagi hukuman untuk di peringkat Federal ini. Okay, terima kasih.

2. **Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada pihak kementerian bersetuju atas cadangan bagi melaksanakan sebuah rangkaian jalan raya Persekutuan yang akan menghubungkan Miri atau Marudi terus dari Limbang/Lawas/Sipitang, Sabah dan sebaliknya tanpa melalui Brunei Darussalam

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang jalan dari Sematan di daerah Lundu ke Miri telah sedia ada dan sekiranya perjalanan disambungkan terus ke Limbang dan Lawas, pengguna-pengguna jalan raya terpaksa melalui dua daerah negara Brunei Darussalam. Sekiranya satu jalan terus yang akan menghubungkan Miri atau Marudi ke Limbang, Lawas, Sipitang, Sabah dibina tanpa melalui negara Brunei Darussalam, kerajaan perlu menanggung kos pembinaan yang agak tinggi, sedangkan faedah yang akan diperolehi tidak seimbang dengan pelaburannya.

Peruntukan Persekutuan Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM2.2 bilion yang diluluskan bagi negeri Sarawak perlu dioptimumkan dan adalah lebih wajar jika ia dibelanjakan bagi projek-projek yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi, di samping memberi manfaat kepada penduduk-penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, dalam jangka panjang jalan terus ini adalah satu cadangan yang akan diambil kira dan akan dipertimbangkan oleh Kementerian Kerja Raya.

Namun demikian, sebelum jalan terus ini dapat dibina, satu kajian kemungkinan perlu dijalankan untuk menentukan sama ada projek ini berdaya maju dan seterusnya menuntutkan jadual yang paling sesuai untuk projek ini dilaksanakan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengalu-alukan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya di atas cadangan tadi. Tetapi pada masa ini, apakah kementerian telah meneliti masalah yang dihadapi oleh penduduk kedua negeri ini iaitu negeri Sabah dan Sarawak yang mana apabila kita ingin pergi sama ada daripada Sabah ke Sarawak atau dari Sarawak ke Sabah, kita terpaksa melalui negara orang lain yang mempunyai banyak birokrasi.

Pada masa ini, kerajaan jiran kita, kita ingin juga berbaik dengan negara ini, tetapi nampaknya mereka tidak ada kesungguhan untuk membina jalan tersebut. Apakah kerajaan bercadang untuk mempercepatkan proses kajian yang melalui kawasan pedalaman sama ada Long Parsia, Long Semadu, Marudi yang mana kawasan ini walaupun kosnya tinggi tetapi beri manfaat kepada negara dan rakyat dalam banyak. Misalnya, kawasan ini kawasan pertanian tanah tinggi dan juga kawasan pelancongan yang berpotensi. Apakah kerajaan ingin melihat perkara ini. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita kena ikut dengan negara lain mesti ada birokrasi, itu kita tidak boleh, mengadulah, oleh kerana itu undang-undang mereka. Kalau kita mahu juga mengadakan jalan seperti apa yang saya jelaskan tadi, ini akan mengambil perbelanjaan yang tinggi, oleh kerana itu kerajaan tidak berminat untuk melaksanakan projek ini, ini bukan bererti kita tidak melaksana masa akan datang, oleh kerana itu sahaja saya kata, perkara ini ada dalam

pertimbangan, satu masa yang sesuai, saya percaya Kerajaan Pusat mesti menimbang perkara ini semula.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Berhormat Menteri diucapkan terima kasih. Kalau orang Sabah hendak pergi Sarawak atau orang Sarawak hendak pergi ke Sabah, pasport dia kena cop 28 kali menerusi Brunei dan balik menerusi Sabah dan sebagainya dan sekarang negara Brunei telah mewujudkan central transit centre di negara Brunei, 100 kilometer masuk ke negara Brunei yang mana lori, teksi, bas dan sebagainya mesti unload, sama ada passenger ataupun good, di transit centre sedemikian.

Jadi, mendatangkan kerosakan kepada barang-barang yang kita hendak hantar ke Lawas, ke Sabah daripada Sarawak, bukan ini sahaja mendatangkan masalah kepada industri pengangkutan tetapi juga telah mendatangkan masalah kepada orang yang berniaga di antara negeri sendiri dengan sendiri-sendiri, itu Miri dengan Lawas umpamanya, begitu juga orang daripada Sabah ke Lawas dan ke Limbang.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, walaupun saya mengalu-alukan jaminan daripada menteri tadi untuk menyelidik dengan secara cepat, tetapi kita jangan melihat secara economic return dengan seberapa cepat yang boleh, perpaduan di antara rakyat Malaysia, Sabah dan Sarawak itu mesti diambil kira dan infrastruktur prasarana untuk negara di pedalaman ataupun negeri di dalam ini mesti juga dipandang sebagai satu perkhidmatan sosial kerajaan, tidak melihat kerana Kerajaan Brunei - saya sendiri sudah tahu, saya sudah berhubung dengan Kerajaan Brunei empat, lima kali, Tuan Yang di-Pertua, jadi masih penerimaan Kerajaan Brunei ialah mereka tidak akan memberi laluan yang begitu senang untuk rakyat Sarawak dan Sabah untuk masuk ke Brunei dan menerusi ke negara Malaysia di sebelah lagi itu.

Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat jangan lihat economic return immediate sahaja, kena lihat perpaduan, lihat kesenangan rakyat setempat, bukan di Kuala Lumpur sahaja. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat, penjelasan daripada saya, projek ini jikalau mahu juga memula pembinaan sekarang, ini akan menjadi satu gajah putihlah, [*Disampuk*] tidak boleh dibersihkan, setiap hari ada juga masalah.

Jadi, kerajaan telah mengambil kira semua rancangan pembinaan jalan. Oleh kerana itu juga, beberapa jalan persekutuan telah disiapkan di kedua-dua negeri dengan pandangan iaitu untuk menyambung Sarawak dengan Sabah di mana rakyat jelata boleh juga mengadakan hubungan yang lebih rapat, tetapi jalan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi, saya percaya, saya tidak boleh memberi apa-apa jaminan sekarang, oleh kerana jaminan itu digantung atas peruntukan yang akan disediakan oleh Kerajaan Persekutuan.

3. **Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah perkembangan terbaru bagi rancangan pembinaan landasan kereta api yang menghubungkan Malaysia, Thailand dan Kunming, China.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kajian ini untuk mengadakan Trans-Asian Railway adalah cadangan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, apabila ianya menghadiri satu mesyuarat Summit ASEAN beberapa tahun dahulu.

Dan pada ketika itu dan pada ketika sekarang juga, cadangan ini adalah dibuat oleh kerana ianya adalah satu visi iaitu jikalau kita dapat berhubung dengan negara-negara ASEAN dengan satu jaring landasan kereta api, ini akan membolehkan meningkatkan pelaburan pelancongan dan perdagangan dan ini akan membawa kebaikan kepada ASEAN pada keseluruhannya dan mewujudkan satu rantau yang makmur, yang aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, laporan akhir kajian mengenai Singapore-Kunming rail link atau Trans-Asia Railway telah disiapkan oleh juruperunding dari Malaysia iaitu KL Consult dan juruperunding Zaaba Sendirian Berhad dan kajian ini telah disiapkan pada penghujung tahun 2000 dan kemudian taklimat kepada Kabinet telah diadakan dan seterusnya cadangan laluan yang dipersetujui oleh Malaysia dibentangkan di

Mesyuarat Khas ASEAN yang dihadiri oleh semua ketua-ketua kerajaan negara ASEAN, China dan Jepun di Singapura pada penghujung tahun 2000. Mesyuarat ini bersetuju dengan perakuan laluan yang dibuat oleh Malaysia. Apa yang sangat menarik, Tuan Yang di-Pertua, jaring ini adalah semua negaranegara ASEAN yang mengadakan landasan kereta api termasuk juga Province Yunan di China, semuanya menggunakan meter gage, gage railway yang serupa, meter gage dan ini adalah sesuatu kelebihan untuk kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara ASEAN yang terlibat diminta memberi keutamaan dan merangkumkan pembangunan rangkaian rail link ini dalam national infrastructure developments plan masing-masing.

Di Malaysia, tindakan pembangunan sistem rail daripada Johor Bahru ke Padang Besar sedang dilaksanakan dengan giatnya sebagai tanda komitmen kita untuk menjayakan projek SKRL ini dan tanggungjawab memperolehi funding support, projek ini telah diserahkan kepada Thailand dan kemajuannya akan dilaporkan oleh Thailand di mesyuarat jawatankuasa khas projek di Myanmar pada awal tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dan Thailand juga telah mempergiatkan aktiviti di sini dan kita telah membina land bridge, iaitu landasan kereta api yang menghubungkan Haadyai dengan Pulau Pinang, Padang Besar, Sadau dengan Pulau Pinang dan juga Lembaga Pelabuhan Klang dengan Pelabuhan Bangkok dan Lamcabang. Dan ini adalah satu perkhidmatan yang begitu menarik oleh kerana untuk mengangkut satu kotak kontena antara Bangkok ke Pelabuhan Klang mengambil masa 60 jam berbanding dengan lima hari jikalau diangkut melalui kapal daripada Bangkok ke Pelabuhan Klang.

Tuan Yang di-Pertua, kajian ini telah menentukan beberapa gaps atau di antara di mana tidak ada landasan, misanya dengan laluan melalui Singapore, Kuala Lumpur, Bangkok, Kambohia, Vietnam ke Negeri China, Kunming, gap yang pertama adalah antara Poipat Sisofon, jarak jauhnya 48 kilometer. Gap yang kedua untuk membolehkan seluruhnya diperbaiki adalah di antara Ph nom Penh ke Log Nim ke Ho Chih Minh City. Dan daripada Ho Chih Minh City ke Hanoi dan Kunming, semua landasan sedia ada, jadi ini adalah sesuatu yang boleh menjadikan impian ini menjadi realiti.

Selain dari itu, kajian ini telah menentukan gap antara Bangkok ke Yangon yang patut melalui Three Pagoda Pass di sempadan Myanmar dengan Bangkok dan di bahagian utara Myanmar, landasan sedia ada sampai Lasio dan kena dari Lasio ke Ruli, Temusi dan Darly ke Kunming dan apabila ini siap, Tuan Yang di-Pertua, kita menganggarkan iaitu oleh kerana Yunan adalah satu land lord province yang tidak ada pelabuhan, banyak kontena yang kita menganggarkan sebanyak dua juta TEU setahun akan melalui laluan ini datang ke Sungai Irawadi ke Yangon dan ke seluruh negara.

Selain daripada itu, satu lagi laluan adalah melalui Bangkok terus ke Kunming dan apabila Perdana Menteri China melawat Bangkok baru-baru ini, ianya telah menawarkan satu sum tawaran AS\$4 bilion untuk menyambung daripada Bangkok ke Kunming.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang baru-baru ini oleh kerana kita telah tidak ada lagi bipolar world, sekarang kita hanya unipolar world. Trans Siberian Railway adalah sesuatu cara, seperti land bridge yang begitu menarik di mana kotak kontena daripada North Asia iaitu satu rantau yang begitu makmur - Korea, Jepun, China, Taiwan dan lain-lain boleh menggunakan Trans Siberian Railway terus ke Eropah dan masa yang diperlukan hanya 16 hari berbanding dengan 26 hari melalui laut. Dan ianya mengurangkan per belanjaan sebanyak AS\$800 setiap kontena.

Semua ini adalah peluang-peluang yang begitu menarik dan saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sesuatu yang boleh dicapai dan funding support saya percaya akan datang daripada institusi-institusi kewangan dunia seperti Bank Dunia, Asian Development Bank dan lain-lain institusi-institusi dan di rantau ini di Asia juga adalah kebolehan-kebolehan yang mencukupi daripada China, Malaysia, India untuk membuat kerja ini.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan mesyuarat khas yang dihadiri oleh semua ketua kerajaan negara ASEAN, China, Jepun telah bersetuju dengan perakuan laluan yang dibuat oleh Malaysia. Bolehkah Yang

Berhormat Menteri memberitahu kesemuanya terdapat berapa pilihan laluan untuk Singapura-Kunming Rail Link ini dan alasannya pilihan yang kita buat, mengapa kita buat pilihan laluan yang kita mengakukan itu. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya menyatakan tadi, saya telah memberi tiga laluan yang telah dipilih dan ini adalah untuk menghubungi semua negara di ASEAN iaitu Singapura, Malaysia, Thailand, Myanmar, Cambodia, Laos dan Vietnam termasuk Yunan dengan satu jaring landasan kereta api, itu adalah tujuan utama untuk membolehkan hubungan antara satu sama lain, untuk membolehkan peningkatan perdagangan pelancongan dan semua kegiatan ekonomi.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, di peringkat Malaysia, negara kita sedang bercadang untuk membina landasan berkembar dari Rawang ke arah utara supaya menyediakan asas rangkaian rel ini dan ada satu laporan bahawa kontraktor dari negara China sehingga hari ini masih belum dapat memulakan cadangan landasan berkembar ini iaitu dari Rawang ke arah utara oleh kerana contract agreement belum lagi ditandatangani, ini mungkin kerana Malaysia menawarkan minyak kelapa sawit untuk menukarkan mereka membina rel kita.

Jadi, apa masalah berkenaan hal ini, dan dalam memendekkan masa dari negara kita untuk pergi ke Kunming atau lain-lain negara, negara kita sendiri dari Kuala Lumpur hingga Butterworth, ia mengambil masa lapan hingga sembilan jam, walhal bas ekspres hanya mengambil empat setengah jam untuk sampai dari Butterworth ke Kuala Lumpur, apa rancangan Yang Berhormat bercadang supaya memendekkan masa rel dari Butterworth hingga ke Kuala Lumpur.

Dato' Seri Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Negeri China telah ditawarkan satu projek untuk landasan berkembar adalah betul tetapi apa yang tidak betul ialah bukan bahagian utara, bahagian selatan, daripada Seremban ke Johor Baharu. Dan sekarang ini juruperunding Malaysia sedang menjalankan *preliminary engineering studies* dan negeri China belum terlibat dalam hal ini oleh kerana selepas mereka dapat laporan *engineering studies* ini barulah mereka boleh memulakan kerja-kerja mereka. Antara *term of reference* yang telah diberi kepada juru perunding, Tuan Yang di-Pertua, adalah *alignment track* (landasan) perlu untuk membolehkan kereta api lari selaju 160 k.s.j sampai 180 k.s.j. iaitu jikalau Ahli Yang Berhormat dari Bagan bawa kereta di jalan raya mengikut had laju 110 k.s.j kereta api boleh potong atas kelajuan itu dan ini akan memendekkan masa antara satu-satu bandar ke satu bandar yang lain.

4. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan keberkesanan memasang papan tanda yang mencatatkan nombor talian hotline JKR dan Kerajaan Tempatan untuk kemudahan orang ramai melaporkan kerosakan awam. Talian tersebut mendapat layanan yang sepatutnya daripada kakitangan-kakitangan yang berkaitan. Adakah kerajaan mempunyai cara lain yang lebih baik untuk mempertimbangkan kemudahan yang amat berfaedah ini.

Dato' Seri S.Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cara sedia ada yang diamalkan adalah merupakan cara yang terbaik sekali bagi melaporkan sebarang aduan kepada agensi kerajaan yang bertanggungjawab menyelenggara jalan tersebut. Bagi mengatasi masalah ini maka latihan yang bersesuaian adalah diperlukan supaya tindakan segera diambil. Walau bagaimanapun, bagi talian hotline JKR yang dipasang di jalan-jalan Persekutuan adalah dimaklumkan bahawa talian ini tidak aktif lagi memandangkan program penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia telah diswastakan. Syarikat konsesi akan mengambil tindakan menyediakan talian hotline yang baru bagi kemudahan orang ramai membuat aduan.

Selain daripada itu, laman web JKR ada disediakan bagi membolehkan para pengguna untuk berkomunikasi dengan JKR. Laman web JKR ini menyediakan ruangan bagi para pengguna membuat aduan berkaitan kecacatan dan kualiti penyelenggaraan jalan Persekutuan. Buat masa ini penggunaan laman web ini adalah terhad kepada pengguna-pengguna yang mempunyai kemudahan internet sahaja. Terima kasih.

Dato' Goh Sow Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Aduan-aduan dibuat bahawa di sesuatu tempat lebuhraya apabila hujan

ada takungan air dan ini telah mengganggu kenderaan serta membahayakan. Contohnya Lebuhraya Kuala Lumpur–Seremban dekat kawasan Nilai, pada minggu lalu telah melibatkan 20 buah kenderaan dalam satu kemalangan. Aduan-aduan ini sentiasa tidak dapat *response* yang cekap. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S.Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal Yang Berhormat merujuk kepada jalan raya bukan lebuhraya. Jalan raya lain daripada lebuhraya. *[Ketawa]* Jadi, jikalau ada juga masalah di lebuhraya suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, kita ada juga beberapa hubungan melalui telefon tetapi perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, saya akan menyiasat untuk mendapat satu jawapan yang baiklah kepada Yang Berhormat, ya.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menghuraikan apa sebab-sebab hingga kini masih kurang koordinasi antara jabatan terutama dengan syarikat utiliti hingga kita sentiasa memantau jalan baru diturap semula, selepas itu syarikat utiliti datang menggali balik dan ini satu masalah yang boleh dikatakan telah disuarakan dalam Dewan ini sudah lama. Mengapa hingga masa kini kita sedang menuju ke negara moden mencapai Wawasan 2020 hingga sekarang masih tidak dapat dicapai. Mengapa? Saya harap dapat penerangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu tidak bersangkutan dengan soalan asal. Hendak jawab tidak? *[Ketawa]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, koordinasi dan juga hubungan menjadi satu masalah besar di dunia ini. *[Ketawa]* Kita manusia tidak boleh berhubung dengan manusia yang ada depan kita. Manusia depan kita tidak suka hubung dengan kita. Macam mana kita boleh tukar perkara ini? Macam itu jugalah alat-alat yang kita guna pun ada juga masalah koordinasi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya. *[Ketawa]*

[Soalan No. 5 – Y.B. Datuk Yong Teck Lee [Gaya] tidak hadir]

6. **Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali [Parit Buntar]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah kerugian akibat kejatuhan harga-harga saham yang ditanggung oleh syarikat-syarikat yang tersenarai dalam BSKL dalam dua minggu pertama urusan perdagangan selepas serangan tempatan strategik di New York dan Washington D.C. serta syarikat-syarikat yang terjejas teruk dan jumlah kerugian yang dialami dan sektor yang paling teruk terjejas; dan
- (b) kerugian yang ditanggung oleh saham negara-negara serantau.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Bismillahir Rahmaanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, kesan serangan pada 11 September 2001 di Amerika Syarikat terhadap pasaran saham BSKL dapat diukur berdasarkan prestasi indeks komposit BSKL serta nilai permodalan pasaran atau dengan izin, *market capitalization*. Sehingga 26 September 2001, indeks komposit BSKL telah menurun sebanyak 88.03 mata atau 12.8% daripada 690.54 mata pada 11 September 2001 kepada 602.51 mata pada 26 September 2001. Berdasarkan kepada nilai permodalan pasaran pada 26 September 2001, secara keseluruhan, sektor-sektor di BSKL mengalami penurunan nilai permodalan pasaran sebanyak RM68.05 bilion atau 14.7% iaitu menurun kepada RM354.28 bilion pada 26 September 2001 berbanding dengan RM462.3 bilion pada 11 September 2001. Sektor teknologi mengalami kejatuhan yang ketara sebanyak 23.7% berbanding dengan sektor barangan pengguna yang jatuh sebanyak 10.4%.

Tuan Yang di-Pertua, kerugian juga dialami oleh bursa-bursa asing yang juga boleh diukur mengikut prestasi indeks utama pasaran berkenaan. Jika dibandingkan dengan prestasi pasaran serantau seperti Singapura yang mengalami kejatuhan sebanyak 18.5%, Thailand sebanyak 16.6%, Taipei sebanyak 13.2%, kejatuhan yang

dialami oleh pasaran BSKL sebanyak 12.8% adalah yang terendah. Malahan boleh dikatakan bahawa pasaran saham BSKL mempunyai daya tahan yang lebih tinggi dalam menghadapi kejatuhan pasaran saham dunia. Terima kasih.

Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Kalau kita lihat bahawa kejatuhan penurunan itu ialah 12.8% dan melibatkan RM98 bilion. Ini bukan sahaja merujuk kepada aliran pasaran saham di Malaysia dan negara-negara serantau tetapi saya fikir supaya perkara ini tidak berulang dan kemungkinan peristiwaperistiwa seperti ini akan berlaku semula. Tetapi tidakkah peringkat kementerian termasuk MITI misalnya, untuk memikirkan satu arah alir pembangunan ekonomi seterusnya sebagaimana yang dikatakan oleh World Bank bahawa pembangunan 10 tahun yang akan datang, pembangunan akan berpusat dalam dunia ini di antara pusat-pusat pembangunan ialah negeri China. Sebab itu kita lihat dalam sektor teknologi yang disebutkan tadi, kemungkinannya tidak tahu bagaimana supaya aliran pelaburan dari segi makronya kalau dapat difikirkan salah sebuah negaranya untuk dilaburkan dan diusahakan pelaburan sebagaimana negara-negara lain termasuk negara Eropah ke negara China. Bagaimana kalau ini dapat dijadikan sebagai satu cara untuk kita mengekang kalau berlaku peristiwaperistiwa yang sedemikian, yang tidak menentu, yang kemungkinannya akan berlaku. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat Parit Buntar. Memang kerajaan menyedari hakikat bahawa kita tidak boleh lagi bergantung terus kepada Amerika Syarikat lebih-lebih lagi selepas insiden 11 September yang baru lalu. Ini telah mengesahkan lagi bahawa kita harus mengubah arah aliran ekonomi kita seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Di antaranya ialah bahawa kita sekarang ini lebih memberi fokus kepada *investment* dalam negara sendiri dan kita juga perlu merangsang penggunaan ataupun perbelanjaan oleh rakyat kita sendiri. Itu kaedah yang pertama.

Yang kedua, kita juga sedar bahawa ancaman daripada negara China dengan buruhnya yang rendah dan *volume consumption*nya yang tinggi, dengan izin, kerana itulah maka kerajaan kita sekarang ini sedang mengalih perhatian kita kepada beberapa negara dunia yang lain. Misalannya selepas peristiwa 11 September di Amerika ada pendapat mengatakan bahawa Malaysia akan menjadi, dengan izin, *save haven* negara-negara Asia Barat kerana kita mempunyai satu infrastruktur ekonomi yang berasaskan Islam yang mantap. Dengan perbankan Islamnya, dengan Takaful Islamnya, dengan Pajak Gadaai Islamnya, maka jikalau di Amerika keadaan tidak begitu menjamin pelabur-pelabur daripada Asia Barat, Malaysia boleh menjadi satu pasaran dengan izin, *save haven* bagi mereka untuk melabur ke sini dan di samping itu langkah-langkah proaktif, *pro-business government* kerajaan kita untuk melayani semua pelabur-pelabur daripada luar, daripada semua negara dan ini merupakan kelebihan bagi kita dan insya-Allah dengan adanya kelebihan-kelebihan ini maka saya rasa kita tidak perlu bergantung terus kepada Amerika dengan jumlah eksport yang agak besar tetapi negara rantau lain di sekitar kita lebih besar Tuan Yang di-Pertua, misalnya Singapura, lebih bergantung kepada Amerika daripada Malaysia sendiri. Taipei, Hong Kong, mereka mempunyai *volume* eksport yang lebih besar ke Amerika Syarikat dan kita cuma lebih kurang 20% sahaja dan ini ertinya kita selama ini pun tidak bergantung kepada Amerika dan kita mempunyai cara dan kaedah sendiri untuk memastikan bahawa ekonomi kita terus mapan dan terus mantap serta stabil. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis : Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Adakah benar walaupun boleh dikatakan seluruh pasaran dunia jatuh selepas insiden 11 September ataupun apa yang berlaku di World Trade Center terjejas, NASDAQ 20% turunnya, 23%, boleh dikatakan semua pasaran saham dunia jatuh mendadak. Namun demikian, kalau kita lihat di negara kita sendiri Malaysia, tidak begitu teruk kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Singapura lebih teruk daripada kita. Banyak lagi negara yang lebih teruk daripada kita. Mengapa Malaysia umpamanya tidak jatuh seteruk yang lain? Adakah ini kerana *fundamental* negara kita begitu baik? *Fundamental* ekonomi kita, keselamatan dalaman negara kita, kestabilan negara kita, adakah ini asas punca bahawa kita terus tidak seperti yang lain seperti di Singapura, negara jiran? Ini diakui oleh dunia. Ha, ini sebelah sana tidak mahu terima hakikat ini. Hendak godam sahaja, hendak minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Memang saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Rompin bahawa ada segelintir pihak pembangkang boleh saya katakan sebagai *'the prophet of dome'*.

Katanya Rasul, Nabi yang membawa yang meramalkan kemusnahan. Misalnya ada satu atau dua, Yang Berhormat bagi Kemaman [*Ketawa*]. Minta maaf ya, Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Parit Buntar, kalau dia bercakap soal ekonomi Malaysia seolah-olah tidak ada hari esok untuk Malaysia [*Beberapa Ahli ketawa*]. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan bahawa *figure* yang saya sebut tadi menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai satu *resilient* ketahanan yang tersendiri, daya tahan yang tersendiri. Misalnya kalau saya berikan contoh, sehingga 15 November, baru ini – hari Jumaat yang lalu, daripada 12% lebih yang saya sebut tadi, kita hanya turun kepada 8.4% sahaja. Kerana kenaikan yang begitu drastik pada hari Khamis yang lalu iaitu naik sebanyak 19.78 mata *composite index* dengan *volume* saham yang begitu besar iaitu RM509.544 juta.

Ini menunjukkan bahawa keyakinan para pelabur bukan sahaja dalam negeri bahkan daripada luar begitu tinggi terhadap Malaysia. Pada hari Jumaat yang lalu baru dua hari lepas, kita naik 2.81 mata dengan *volume* saham sebanyak RM636.82 juta.

Ini menunjukkan bahawa keyakinan para pelabur terhadap Malaysia tetap tinggi jikalau tidak ada gangguan, ganggu-gugat daripada mana-mana pihak. Tidak ada demonstrasi, tidak ada keganasan tidak ada unsur-unsur *terrorism* maka Malaysialah satu-satunya negara yang paling diyakini dan paling menarik minat para pelabur [*Tepuk*].

Sekian, terima kasih.

7. Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, sejauh manakah kesungguhan kerajaan menjalinkan hubungan dagang dengan negara-negara Islam dalam menghadapi era globalisasi bagi mengurangkan kebergantungan ekonomi dengan Amerika, negara-negara Barat lain dan Jepun.

Setiasaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, negara-negara Islam merupakan rakan dagangan yang penting kepada Malaysia. Pada tahun 2000, jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara Islam adalah sebanyak RM34 bilion meningkat sebanyak 27.2% berbanding dengan tahun 1999.

Jumlah perdagangan dengan negara-negara Islam merangkumi 4.9% daripada jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia bagi tahun 2000. Malaysia sentiasa berusaha untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara Islam untuk menerokai pasaran baru. Pelbagai langkah telah dilaksanakan dan terus diusahakan bagi tujuan ini.

Sebagai contoh, di peringkat hubungan perdagangan dua hala dalam tahun 2000 dan 2001, Malaysia telah:

- (i) mengadakan rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ke Jordan dan Iraq, Bahrain, Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi;
- (ii) menyertai pameran perdangan antarabangsa anjuran negara-negara Islam seperti Iraq, Emiriah Arab Bersatu, Saudi Arabia dan Indonesia;
- (iii) menubuhkan pusat perdagangan dan pengedaran Malaysia di Dubai dan sedang membina pusat perdagangan dan pengedaran barangan Malaysia di Bahrain untuk mempromosikan barangan Malaysia di Asia Timur;
- (iv) memberi bantuan teknikal di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia kepada negara-negara Islam. Pada tahun 2000, seramai 254 pegawai dari negara-negara Islam telah

mengikuti pelbagai kursus di Malaysia termasuk di bidang pelaburan dan sehingga bulan Oktober tahun ini, 313 orang pegawai dari negara-negara Islam telah menyertai program ini;

- (v) menubuhkan Suruhanjaya Khas Bersama dengan Republik Kirghiz dalam usaha untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara; dan
- (vi) menerima lawatan dua hala di peringkat Menteri dan mengadakan perbincangan-perbincangan mengenai isu-isu perdagangan dan pelaburan. Pada tahun 2000 MITTI menerima lawatan Menteri-menteri dari negara-negara Syria, Arab Saudi dan Iraq dan pada tahun 2001 Arab Saudi, Libya, Bahrain dan Nigeria.

Malaysia telah menandatangani 24 perjanjian perdagangan, 23 perjanjian jaminan pelaburan, 16 perjanjian mengenai pengelakan cukai dua kali dan 10 peraturan pembayaran dua hala dengan negara-negara Islam untuk menggalakkan perdagangan.

Di peringkat kerjasama pelbagai hala pula, Malaysia telah menganjurkan seminar fasilitasi perdagangan dan memudahkan prosedur kastam bagi kumpulan G8 (Negara-negara Membangun) pada bulan November tahun 1999 Mesyuarat Sesi Ke 27 Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara OIC pada bulan Jun, 2000 dan juga membincangkan kerjasama ekonomi dan Bengkel Perdagangan Kewangan Islam pada bulan Ogos tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha seperti ini akan dipergiatkan lagi di masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Berasaskan kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat tadi, suatu harus disedari bersama bahawa negara-negara Islam dan negara-negara membangun dianggap lemah oleh kuasa-kuasa besar terutama seperti Amerika adalah disebabkan kelemahan ekonomi.

Israel rakus mengganas kerana didalangi Amerika. Oleh itu di samping hubungan-hubungan yang telah sedia ada sama ada hubungan dagangan dua hala dan sebagainya seperti yang telah dijelaskan tadi, apakah pihak kerajaan tidak berhasrat untuk memulakan atau mewujudkan suatu zon atau blok kawasan dan juga kawasan dagangan ekonomi negara-negara Islam seperti mana wujudnya kawasan dagangan ekonomi Eropah dan apakah dengan wujudnya kawasan dagangan ekonomi negara-negara Islam ini akan dapat mempercepat lagi usaha-usaha untuk memperkukuh mata wang Dinar Islam. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerjasama serantau telah pun wujud pada masa kini untuk meningkatkan lagi pembangunan ekonomi antara negara-negara Islam iaitu melalui dua mekanisme yang pertama, iaitu OIC di mana ahlinya adalah seramai 57 buah negara dan yang kedua, ialah melalui Kumpulan D8 di mana antara ahlinya ialah Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan dan Turki. Ini adalah kerjasama serantau di mana negara-negara Islam dapat meningkatkan kerjasama dalam arena ekonomi. Sekian, terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Memang kita harus menjalinkan hubungan perdagangan antara negara-negara lain termasuk negara-negara Islam, dalam era globalisasi ini. Saya percaya negara kita berdaya untuk menghadapi liberalisasi dan globalisasi.

Jadi bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan lebih detail lagi tentang persiapan negara kita untuk menghadapi globalisasi iaitu persaingan dalam AFTA dan WTO khususnya dalam harga pasaran kereta dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soalan ini terkeluar sedikit lah daripada soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Fu Ah Kiow: Mengenai pasaran kereta, nanti pada soalan Nombor 9 akan dijawab. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

8. Puan Lim Bee Kau [Padang Serai] minta Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyatakan, langkah-langkah yang boleh diambil untuk membantu memulihkan semua projek-projek yang terbengkalai khususnya di kawasan Parlimen Padang Serai dan Bandar Kulim.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya langkah-langkah kementerian ini bagi memulihkan projek terbengkalai di seluruh negara adalah seperti berikut:

- (i) kementerian bekerjasama dengan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan Syarikat Perumahan Negara bagi mengambil langkah-langkah pemuliharaan;
- (ii) kementerian memberi khidmat nasihat dan menjadi penyelaras kepada mana-mana pemaju yang berminat untuk mengambil alih projek;
- (iii) kementerian beri khidmat nasihat dan garis panduan kepada jawatankuasa pembeli bagi melaksanakan kaedah pemuliharaan dan
- (iv) membuat pemantauan yang berterusan melalui Jawatankuasa Pemantauan Aduan Perumahan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di mana mesyuarat diadakan dua kali sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen Padang Serai terdapat dua projek perumahan swasta terbengkalai iaitu di Taman Seri Limau dan Taman Sang Kancil.

Bagi Projek Taman Seri Limau, kementerian telah mengadakan pertemuan dengan pihak Majlis Daerah Kulim, Jabatan-jabatan Teknikal pada 16 Julai 2001 di mana masalah-masalah yang melambatkan pengeluaran Sijil Layak Menduduki telah dapat diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu bagi projek Taman Sang Kancil ianya dibangunkan semua sebagai projek baru oleh Syarikat Lunas Berhad dan telah pun mendapat Sijil Layak Menduduki.

Bagi Bandar Kulim pula, terdapat sebuah projek perumahan swasta terbengkalai iaitu projek Taman Teratai yang dibangunkan semula oleh OJY Sendirian Berhad sebagai projek baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini telah pun dan telah mendapat Sijil Layak Menduduki.

Sekian, terima kasih

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan beliau. Berkenaan penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkenaan projek terbengkalai di kawasan saya, saya rasa cara ataupun saya tidak begitu pasti berkenaan dengan senarai yang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat itu. Sebab setahu saya selain projek terbengkalai yang disebut tadi ada banyak lagi projek-projek terbengkalai.

Jadi soalan saya tambahan saya ialah berkenaan dengan, memandangkan ramai pembeli yang terpaksa menderita kerana terpaksa menanggung beban untuk membayar ansuran bank dan interest, adakah pihak kementerian, selain pemberian nasihat-nasihat boleh membuat koordinasi dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk misalan menunggakkan, mengarah bank untuk menunggakkan bayaran ansuran-ansuran atau pun interest kepada yang terlibat dan juga adakah kementerian mempunyai peruntukan yang khas untuk menolong memulihkan projek-projek terbengkalai yang masih ada peluang untuk diselamatkan.

Sekian, terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak boleh mengarahkan mana-mana satu bank berkenaan dengan faedahkah atau *loan*, itu tidak ada dalam bidang kuasa Kementerian Perumahan.

Berkenaan dengan peruntukan khas, semenjak 1983 kementerian telah memainkan peranan yang penting dalam memulihkan projek-projek terbengkalai dan banyak inisiatif telah diambil oleh kementerian. Umpamanya pemulihan projek perumahan terbengkalai melalui satu Tabung Projek Perumahan Terbengkalai dan Syarikat Perumahan Negara dan juga kementerian menjadi penyelaras dan orang tengah untuk memulihkan projek terbengkalai misalnya di antara pemaju lama dan pemaju baru dan pembeli atau jawatankuasa pembeli yang berminat untuk memulihkan projek terbengkalai.

Kementerian juga ambil perhatian berkenaan projek-projek di mana penerima dan pengurus dilantik dengan izin *receivers and managers* oleh bank atau mahkamah yang mana kementerian memainkan peranan sebagai satu penyelaras untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli.

Berkenaan dengan bank, itu tidak ada dalam bidang kuasa kita. Kita ambil perhatian masalah terbesar oleh pembeli berkenaan dengan peruntukan faedah yang dikenakan kepada pembeli-pembeli.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Projek-projek yang terbengkalai di negara kita ini melibatkan juga projek komersial. Saya juga telah mengatakan di Dewan ini bahawa ada pemaju komersial yang tidak jujur dan telah menipu para pembeli dan saya minta supaya kementerian menggubalkan satu undang-undang untuk mengawal pemaju-pemaju komersial. Tetapi jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Parlimen ini, ialah bahawa perkataan *housing* itu, *housing ministry* tidak memberikan kuasa kepada kementerian itu supaya menggubalkan satu undang-undang. Tetapi semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Miri mengatakan bahawa sekarang tak capai satu *consensus*. Jadi saya tidak faham yang mana satu jawapan yang betul dan apakah bantahan daripada siapa. Saya tidak nampak apa-apa alasan yang boleh menghalang kerajaan daripada menggubal satu undang-undang untuk mengawal pemaju komersial supaya melindungi kepentingan para pembeli dan apakah sebabnya

Datuk M. Kayveas: Sebenarnya Yang Berhormat masalah adalah kita tidak tahu sebenarnya mana satu soalan yang betul, tiap-tiap kali ada soalan yang tidak betul. Di sini soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Serai adalah berkenaan dengan kawasan dia sendiri dan juga negeri Kedah, kita hanya ada 9 projek yang terbengkalai. Di seluruh Malaysia daripada 514 projek sehingga ini hanya tertinggal 56 projek saja

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.. minta soalnya lain Yang Berhormat

Datuk M. Kayveas: ... soalan dia berkenaan dengan bangunan-bangunan komersial kalau berkenaan dengan bangunan komersial soalan ini keluar daripada tajuk[ketawa]

9. **Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]:** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kesan pelaksanaan AFTA terhadap harga pasaran kereta dan adakah tarif kereta akan diturunkan secara berperingkat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Kesan pelaksanaan AFTA ia akan menjadikan harga kereta lebih kompetitif kerana persaingan yang datang dari kereta yang diimport dari negara-negara ASEAN seperti Thailand. sama ada kadar cukai import akan diturunkan secara berperingkat, kerajaan sedang mengkaji dasar automotif negara yang di antara lain meneliti aspek tarif dan bukan tarif bagi sektor ini.

Kajian ini bertujuan meningkatkan daya saing industri automotif, mengurangkan kesan-kesan negatif berpunca daripada pengurangan kadar duti import CEPT dan pemansuhan secara berperingkat langkah perlindungan yang lain. Membangunkan Malaysia sebagai pusat pengeluaran dan eksport produk automotif. Sekian, terima kasih.

Tuan Mah Siew Keong: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada banyak yang menasihati orang ramai supaya jangan beli kereta dulu kerana dalam dua, tiga tahun harga kereta akan turun dengan banyakkah, apakah pandangan dan nasihat Setiausaha Parlimen [Ketawa]

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua kalau sesuatu kemewahan yang nak kita menikmati dan pengangkutan adalah sesuatu yang kita memerlukan tak payahlah kita tunggu-tunggu, kalau kita tunggu-tunggu membeli kereta mungkin kita akan kehilangan lagi banyak peluang-peluang perniagaan lain. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kerana negara kita meminta kelonggaran untuk melaksanakan CEPT terhadap komponen-komponen kereta dan ini merugikan negara kita dan apakah pampasan yang hendak kita bayar kepada negara-negara jiran seperti Thailand kerana dasar untuk melengah-lengahkan pelaksanaan terhadap CEPT, komponen-komponen kereta kita ini. Tuan Yang di-Pertua apakah strategi kita untuk menghadapi dasar automatif seperti Thailand, Amerika Syarikat yang Amerika Syarikat termasuk Ford yang melaburkan lebih US\$1 dan juga General Motors melaburkan lebih US\$1 billion untuk industri kereta dan dengan demikian bagaimana kita dapat meningkatkan daya saing kita dan tolonglah jawab mengenai pampasan kita. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Dua negara telah menuntut pampasan ekoran penangguhan automatif dalam skim CEPT, iaitu Indonesia dan Thailand. Malaysia dan Indonesia telah mengadakan dua kali rundingan dan dua-dua negara telah bersetuju supaya pampasan bukan bentuk kerjasama dalam sektor automatif akan dipanjangkan. Thailand dengan Malaysia kita juga telah mengadakan beberapa perbincangan dan setakat ini kita masih dalam proses menentukan kepentingan pembekalan yang substansif oleh automatif-automotif yang dikeluarkan oleh Thailand. Jika kita dapati negara Thailand ada kepentingan pembekalan yang substansif dan memenuhi syarat 40% kandungan ASEAN bahawa kita akan kaji pampasan dan salah satu bentuk yang kita ingin cadangkan ialah dalam bentuk kerjasama dan bentuk perkongsian sumber di dalam sektor automatif di kedua-dua negara.

Tentang langkah-langkah yang diambil oleh negara untuk menghadapi cabaran automatif saingan yang kian hebat, seperti saya tadi sudah jawab bahawa kerajaan dalam satu proses mengkaji satu dasar yang menyeluruh tentang industri automatif ini. Bagaimanapun pihak Proton dan Perodua telah pun mempergiatkan usaha mereka meningkatkan daya saing melalui usaha seperti meningkat upaya kejuruteraan dan teknologi dan juga meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan, mengurangkan kos pengeluaran dan juga mempelbagaikan pasaran eksportnya. Ini adalah langkah-langkah yang telah diambil oleh pengusaha automatif tempatan dan kita harap dalam tiga, empat tahun mereka akan dapat meningkatkan daya saing. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut selesai.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2002

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2002

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2002 dan Anggaran Pembangunan 2002 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Ketiga]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.17 [Jadual] -

Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan 2002]–

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 17 dan Kepala Pembangunan P. 17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka semula untuk dibahas. Bachok.

11.06 pagi

Tuan Wan Nik Wan Yusoff [Bachok]: Assalamualaikum w arahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama B.17 butiran 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan – di bawah butiran khusus 020200 Pembangunan Sukan, 020300 Pembangunan Belia, kemudian 020400 Penyelarasan Rakan Muda.

Terutama sekali saya nak bangkitkan dari sudut prestasi pembangunan sukan. Secara ringkasnya saya nampak bagus, kerana kita telah membuat satu rekod dalam sukan SEA yang lalu, mendapat kedudukan yang pertama. Namun begitu saya suka bangkitkan dua isu di sebalik sukan ini. Pertama sekali berhubung dengan Majlis Sukan Negeri. Bolehkah pihak kementerian membuat suatu dasar yang khusus bagi memberi ruang yang lebih luas kepada hak Kerajaan Negeri Kelantan untuk terlibat sama di dalam perancangan pembangunan sukan dalam konteks negeri Kelantan, sebab daripada perjalanan yang berlaku sekarang, Majlis Sukan Negeri ini dipimpin dan dipandu oleh pihak kepimpinan UMNO, bekas-bekas calon yang kalah dalam pilihan raya yang lepas dan tidak banyak ruang untuk kerajaan negeri terlibat sama dalam pembangunan sukan.

Jadi saya ingin kepada suatu keputusan daripada pihak kementerian untuk membolehkan ruang yang lebih luas kerajaan negeri terlibat dalam Majlis Sukan Negeri.

Yang keduanya berhubung dengan langkah untuk memajukan sukan di peringkat daerah dan kampung. Bolehkah pihak kementerian menetapkan setiap daerah atau jajahan dalam konteks Kelantan ini diwujudkan kompleks sukan di setiap jajahan di Kelantan, kerana apa yang ada sekarang ini dalam kawasan parlimen saya sendiri pun tidak ada satu kompleks sukan yang ditadbir oleh pihak belia jajahan. Demikian juga di peringkat kampung-kampung, saya nampak asas untuk menggalakkan belia-belia kampung tidak melepak dan tidak membuang masa dengan tidak tentu arah, pihak kementerian boleh membuka gelanggang-gelanggang rakyat untuk membolehkan pelbagai aktiviti belia itu dibuat dalam konteks kesukanan yang bersifat tempatan seperti takraw, badminton dan seumpamanya.

Dalam masalah ini Kerajaan Negeri Kelantan sebenarnya mempunyai satu pandangan positif terhadap belia dan sedia bekerjasama dan sekali gus saya menafikan kenyataan daripada Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat bagi Ampang Jaya sebelum ini menyatakan kerajaan negeri langsung tidak memberi kerjasama dalam memajukan sukan khususnya dalam pemberian tanah untuk menempatkan kompleks-kompleks sukan.

Dalam hal ini sebenarnya kerajaan negeri terbuka dengan keadaan-keadaan untuk kepentingan belia itu sendiri. Sekiranya gelanggang yang bertaraf gelanggang rakyat ini dibuka di peringkat kampung-kampung, walaupun tidak sebesar mana saiznya tetapi ruang ini telah memberi suatu keselesaan kepada belia-belia bergiat cergas dalam sukan demi untuk melahirkan lebih ramai lagi tenaga sukan yang berwibawa.

Yang keduanya ialah berhubung dengan prestasi pembangunan belia. Sewajarnya fokus pembangunan belia dalam negara kita ialah kepada pembangunan rohani, jasmani dan sekali gus pemikiran belia-belia itu sendiri. Tuan pengerusi saya

merasakan kejayaan di sebalik pembangunan belia kita masih di tahap rendah, kerana kita melihat daripada prestasi yang dilaporkan dalam tempoh tahun 2000 lepas hanya melibatkan 24,307 orang belia sahaja dalam program-program diatur oleh pihak Kementerian secara menyeluruhnya dan dijangka 29,220 orang untuk tempoh tahun 2001. Ini apa yang dilaporkan dalam buku program.

[Timbalan yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Kemudian juga dalam peringkat rakan muda dalam tempoh 2000 dilaporkan ialah 470,000 orang belia yang terlibat dalam program rakan muda. Kemudian dijangka dalam tempoh tahun 2001, jangkauan atau sasarannya dilihat di sini adalah menurun iaitu 320,000 orang. Persoalannya ialah sasaran yang dikaitkan dengan program rakan muda ini telah dilihat secara menurun ini, pada pandangan saya, ada sesuatu perkara yang harus diperjelaskan oleh pihak kementerian kerana penurunan ini lebih kurang – suatu perkara yang menimbulkan persoalan di antara mungkin syarikat-syarikat perunding yang dilantik oleh pihak kementerian dalam menguruskan program rakan muda ini mempunyai masalah ataupun kesukaran untuk menguruskan program-program rakan muda sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan itu sendiri.

Oleh kerana itu, saya melihat perlunya pihak kementerian membuka lebih luas lagi kepada pihak-pihak perunding swasta yang lebih berwibawa bagi menguruskan Program Rakan Muda dalam konteks yang lebih cekap dan mempunyai satu sasaran yang lebih melebar lagi.

Dalam konteks negeri Kelantan, saya melihat Program Rakan Muda tidaklah berlaku sebagaimana kerancangan yang seharusnya kita capai kerana Kelantan mempunyai lebih daripada 40% penduduk belia. Maka kita mengharap usaha-usaha menggarap Program Rakan Muda ini dengan lebih jaya lagi dan perlu dipantau dan perlu dikemaskinikan.

Saya ingin mendapat maklumat daripada pihak kementerian atau pihak Timbalan Menteri, berapa jumlah sebenarnya peserta Program Rakan Muda dalam konteks negeri Kelantan bagi tempoh tahun 2000 yang lalu dan untuk sasaran bagi tempoh berakhir tahun 2001 ini kerana daripada sasaran ini, sekali gus kita boleh membuat perbandingan secara menyeluruh keterlibatan belia-belia dalam Program Rakan Muda ini.

Dalam konteks Kelantan juga, saya melihat perlunya program yang bersifat disepadukan dengan program yang telah diatur oleh pihak kerajaan negeri kerana pihak kerajaan negeri sendiri telah melakukan beberapa fokus untuk memastikan belia-belia mendapat suatu nilai pembangunan insan yang sebaik mungkin kerana daripada asas yang ditumpukan oleh pihak kerajaan negeri ialah ke arah pengukuhan asas-asas agama dan moral di kalangan belia sebab kita sendiri pun menyedari betapa pentingnya asas agama dan moral kepada generasi muda ini dalam usaha untuk membenteng diri mereka daripada terlibat dengan gejala-gejala yang negatif pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi, asas yang paling penting untuk kita lihat daripada apa yang dibuat oleh kerajaan negeri, misalnya dalam sepanjang Ramadan ini, bulan yang perlu kepada suatu penginsafan diri dan perlu kepada suatu kejayaan diri, kerajaan negeri telah memberi satu ruang yang terbuka luas kepada belia-belia.

Pertama, dengan program bertadarus di peringkat kampung, daerah dan negeri yang melibatkan secara langsung belia-belia dan pemuda-pemuda untuk pertama, mengimamkan solat tarawih di masjid dan surau. Kemudian juga mengagihkan belia-belia yang lepasan tahfiz serta belia-belia yang sedang belajar di maahad tahfiz, bukan setakat untuk mengimamkan solat tarawih, malah mereka juga diberi ruang untuk menyampaikan tazkirah Ramadan. Demikian lagi, belia-belia yang mempunyai latar belakang pendidikan agama yang mantap juga telah diberi ruang untuk menghidupkan solat tarawih secara terbuka di Dataran MPKB, pusat bandar Kota Bharu. Kemudian pada siangnyanya di Dataran MPKB yang sama, mereka diberi ruang untuk menyampaikan ceramah-ceramah agama secara bersiri dan bergilir-gilir.

Ini satu pendekatan khusus dalam bulan Ramadan bagi memastikan kejayaan ke arah kemantapan asas agama dan moral di kalangan belia dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri. Saya tidak nampak program seumpama itu disepadukan dengan

pihak Program Rakan Muda di Kelantan. Oleh kerana itu, saya melihat pentingnya Program Rakan Muda dalam konteks di Kelantan ini boleh disepadukan dalam pendekatan yang sama.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa habis.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Akhir sekali, saya ingin menyebut di bawah P.17, Butiran Projek 00019 berhubung dengan IKBN Bachok, Kelantan, tempat saya sendiri yang telah pun dilaporkan oleh pihak kementerian sendiri, telah siap 85% daripada anggaran projeknya yang berharga RM97.632 juta.

Berbangkit di sebalik projek ini yang telah pun hampir siap ialah persoalan orang kampung sendiri telah membuat beberapa bantahan berhubung dengan sikap 'main con' ataupun sikap kontraktor utama yang menguruskan pembangunan itu tidak bekerja sama untuk membina ataupun memperbaiki jalan yang rosak akibat daripada mereka selalu gunakan untuk berulang-alik membawa barang dan seumpamanya, jalan kampung khususnya di Kampung Pak Elong berdekatan dengan IKBN tersebut yang telah rosak dan pihak orang kampung menagih janji daripada pihak 'main con' supaya memperbaiki jalan itu tetapi sampai sekarang tidak dibaiki.

Oleh kerana itu, saya minta kerjasama pihak kementerian melalui pejabat belia negeri supaya boleh merundingkan dengan pihak kontraktor berkenaan untuk mengurangkan risiko yang ditanggung oleh pihak orang kampung dengan cara memperbaiki dari masa ke semasa....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:supaya boleh digunakan. Okay. Terima kasih. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Sri Gading dahulu.

11.21 pagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillaahir Rahmaanir Rahim. *[Membaca salawat]*

Walaupun saya akan bercakap tentang sukan – kerana dalam Islam pun, sukan ini memang digalakkan. Rasulullah pun pernah bersabda, ajar anak-anak berkuda atau bermain pedang kerana akan menimbulkan kesihatan dan kekuatan. Menjadi kebaikan kepada orang yang bersukan kerana untuk kekuatan jasmani. Kekuatan jasmani juga akan menguatkan, insya-Allah kalau jasmani itu diuruskan kepada perkara-perkara yang disuruh oleh Allah, akan memperteguhkan rohaninya.

Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bersama-sama dalam perbahasan B.17 – Pembangunan Sukan 0202001. Sukan ini dahulu ia hanya seperti riadah dan kalau orang Melayu ini dahulu bersukan, dia main galah sahaja, Tuan Pengerusi. Main galah, main belon, permainan-permainan untuk kesukaan. Sukan ini untuk menyenangkan hati, bermain-main dan dalam sejarah orang Melayu dahulu, bermain sepak raga bulat tetapi penyudahnya boleh menyebabkan pembunuhan Raja Ahmad di Melaka kerana dastarnya terjatuh oleh sepak raga yang terkena ulunya. Ini bahasa rajalah, ulu dasar.

Tetapi sukan hari ini sudah pergi kepada satu arena yang diantarabangsakan. Malaysia, kita berbangga. Saya hendak ucap tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional. Kementerian Belia dan Sukan, Menteriya tidak ada, Timbalan Menteriya ada. Dua-dua ini memang hebatlah. Menteriya pun hebat, Timbalan Menteriya pun hebatlah. Yang Menteri hebat dalam UMNO dan yang Timbalan Menteriya hebat dalam MCA. Jadi, dua-dua pun hebatlah.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hebat itu lain, itu saya puji dia betul.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa tinggal 5 minit lagi, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Panjang sangat itu, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu baru masuk, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pasal sebut sukan itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, Tuan Pengerusi.

Kita mempunyai kemudahan-kemudahan gelanggang yang bertaraf antarabangsa dan kita mampu menjadi tuan rumah dalam pertandingan-pertandingan peringkat wilayah, peringkat Asia dan peringkat antarabangsa. Kita belum cuba lagi untuk menjadi tuan rumah dalam pertandingan Olimpik dan saya yakin dan percaya, dari segi pengurusan dan dari segi kemudahan-kemudahannya kita berkemampuan. Syabas atas kelebihan-kelebihan yang ada kepada kita.

Tetapi malangnya, mutu sukan kita tidak dapat hendak kita banggakan sejajar dengan kebanggaan kita kepada mutu gelanggang, tidak sama dan kejayaan kita juga tidak dapat hendak kita ikat sebagai satu kejayaan yang boleh kita tentukan tahapnya yang berterusan. Bola sudah hancur. Hancur, hancur bola. Saya tidak tahulah, ya. *[Ketawa]*

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terengganu memang pun hancur juga?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terengganu itu, UMNO yang pimpin, itu yang menang itu. Kalau harap PAS, kalah. *[Ketawa]* Tetapi ini peringkat negeri, Yang Berhormat bagi Bachok ya. Ini antarabangsalah saya kata. Bola hancur, sehancur-hancurnya. Tidak dapat hendak kita banggakan. Badminton pun begitu. Kita tidak tahulah macam mana. Hoki pun begitu. Bowling pun begitu. Lumba basikal dan sepak takraw pun begitu. *[Disampuk]* Banyak permainan.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Boling bagus. Silap cakap itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, tidak mengapa. Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pokok Sena main boling ya. Tahniah kepada dialah.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Boling buah kelapa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Maknanya tidak ada jenis-jenis permainan yang dapat kita banggakan. Saya tidak tahu. Saya tidak percaya Kementerian tidak memberi galakan. Kementerian Belia dan Sukan kita, saya rasa memperuntukkan wang yang cukup, galakan yang cukup, pegawai yang cukup dan rangsangan yang cukup tetapi kenapa mutu permainan ini tidak dapat hendak kita banggakan. Hendak saya salahkan kepada persatuan-persatuan, saya pun rasa kurang adil juga. Mungkin persatuan-persatuan juga mempunyai planning ataupun rancangan-rancangan jangka pendek, sederhana dan panjang yang agaknya boleh memungkinkannya pemain-pemain ini juga mencapai kejayaan-kejayaan.

Kadang-kadang kita lihat persatuan-persatuan mengimport juru latih-juru latih dari luar negara. Ini kerana tujuannya ialah untuk memantapkan mutu permainan atau mutu keupayaan ahli-ahli sukan kita dalam lapangan yang mereka terlibat: bola sepak, bola sepaklah badminton, badmintonlah; boling, bolinglah; basikal, basikallah; dan sebagainya. Tetapi kenapa masih tidak dapat hendak kita yakini bahawa pemain-pemain kita ataupun ahli-ahli sukan kita akan dapat mempertahankan nama negara yang sepatutnya sesuai dengan kemudahan-kemudahan? Adakah pertolongan, bantuan dan rangsangan yang telah diberikan tidak selaras? Saya tidak tahu mengapa.

“Sukan Untuk Negara”, untuk siapa? “Sukan Untuk Negara”. Apakah kita, pegawai di pihak kementerian, Menteri, Timbalan Menteri sahaja atau kerajaan sahaja yang memakai “Sukan Untuk Negara” atau Sukan Untuk Negara ini. Apa nama itu, “Sukan Untuk Negara” itu dipanggil apa?

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Slogan, slogan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Slogannya. *[Disampuk]* “Majulah Sukan Untuk Negara” itu adakah untuk Menteri, Timbalan Menteri, pegawai-pegawai sukan,

pengerusi-pengerusi atau ahli-ahli jawatankuasa yang mengendalikan sukan tetapi tidak terpakai kepada pemain-pemain umpamanya? Adakah kerana pemain-pemain lebih mementingkan kebendaan, ada ganjaran wang ringgit dan sebagainya? Tetapi Perak hari itu kata, kalau menang dapat RM50 ribu. Ha, itu pun satu juga. Perak tetap dapat perak.

Saya bukan menyindir orang Perak tetapi dalam pertandingan Perak dengan Terengganu, saya dengar Perak dijanjikan RM50 ribu tetapi kalah juga.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Ya Allah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]*. Tidak sampai Tuan Pengerusi. Bagi saya lagi lima minit Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terengganu tidak ada apa-apa. Tetapi Terengganu boleh dapat emas. Perak dapat perak. Saya dengar kawan-kawan saya yang memimpin bola sepak Terengganu itu daripada orang-orang UMNO. Jadi, kita ...*[Disampuk]* *[Ketawa]*....

Seorang Ahli: Hendak harapkan Jeli tidak boleh pula.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jeli, jauh. Dia itu Kelantan langsung semi final pun tidak masuk. *[Ketawa]*. Pokok Sena Kedah lagi tidak masuk, cuma....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Cerita pasal bola gaduh-gaduh ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, saya hendak bertanya inilah Tuan Pengerusi. Saya tidak dapat hendak lebih. Saya ada tiga empat tentang sukan ini. Lebih tidak boleh ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sikit pun tidak boleh Tuan Pengerusi ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh sikit pun. *[Disampuk]*. Minta penjelasan nanti.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak tahu macam mana Timbalan Menteri boleh menerangkan apa yang terbuku di hati saya kerana begini hebat kita memberikan bantuan pertolongan kepada pemain-pemain dalam sukan tetapi kenapa mereka tidak mengotakan Majulah Sukan Untuk Negara. Apakah Majulah Sukan Untuk poket mereka atau kerana mereka tidak ada semangat. Kalau itu berlaku saya rasa lupakanlah sahaja sukan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lupakanlah. Kita berikan pendidikan dalam masa sepuluh tahun Kementerian Pendidikan - tidak ada pula orang dia. Agaknya kita serahkan wang yang sebanyak-banyaknya yang diperuntukkan oleh Kementerian Belia dan Sukan ini kepada sekolah-sekolah supaya dalam MSSM untuk mencungkil 10 tahun ini. Begitu begini pun kita masuk lapangan antarabangsa kita kalah juga. Okay, 10 tahun ini tidak payahlah peringkat antarabangsa kita serahkan duit kepada MSSM, dia bentuk anak-anak muda ini untuk mencemerlangkan sukan di masa akan datang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Sudah lebih.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya patuh perintah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Saya bagi Yang Berhormat bagi Larut.

11.33 pg.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut mengambil bahagian dalam B.17 Kementerian Belia dan Sukan di bawah butiran Q20200, 040400, 050300, 050600, 050700, 050800, 050900 secara ringkas. Saya sebelum itu menafikanlah sahabat saya bagi Sri Gading yang mengatakan bola sepak menjunam. Dua belas tahun program pembangunan kita akhirnya berjaya di bawah Program Re maja. Tetapi saya tidak tahulah takraw. Saya dengar sahabat saya bagi Sri Gading memegang takraw. Takraw nampaknya telah menjunam sehingga kita kalah kepada Myanmar. Jadi, saya minta Majlis Sukan Negara tolong ambil perhatian bagaimana takraw boleh jatuh kepada pasukan yang satu ketika tidak ada nama kepada Myanmar. Ini satu situasi yang serius. Kita perlu belajar kerana takraw adalah ilham daripada negara kita, daripada sejak kesultanan Melayu Melaka, tiba-tiba Thailand boleh monopolikan. Jadi, mesti ada sebab. Kita mesti melihat bagaimana Myanmar tidak segan silu untuk mendapatkan jurulatih daripada negara Thailand. Itu sebagai contoh.

Cuma saya ingin mencadangkan dalam beberapa perkara tentang *leadership by example* dengan izin. Saya terima kritikan kerana saya pun terbabit dalam bola sepak. Tetapi sejak tiga tahun yang terakhir, saya ambil contoh Bola Sepak Piala Malaysia. Menteri tidak datang. Menteri Belia dan Sukan tidak nampak muka. Timbalan Menteri Belia dan Sukan tidak nampak muka. Jadi, saya mintalah bola sepak ini perlawanan akhir Piala Malaysia di mana kehadiran penonton yang begitu ramai. Jadi, saya pohon kerana ini Grand *finally* dengan izin, bola sepak

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanah Merah berdiri Yang Berhormat. Hendak beri laluan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Satu saat bolehlah. Banyak saya hendak cadang ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Tuan Saupi bin Daud: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Larut mengatakan Menteri tidak hadir di *final* bola sepak umpamanya. Tetapi di dalam Parlimen pun tidak hadir juga. Jadi, ke mana agaknya kalau boleh Yang Berhormat bagi jawapan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang itu tidak perlu saya jawablah sebab saya menyebut perkara untuk kebaikan. Tidak tahulah apa yang tersirat dan tersurat oleh pembangkang. Jadi, saya minta Kementerian Belia dan Sukan, berhubung dengan bola sepak, usaha-usaha membangunkan bola sepak, saya tidak perlu sebut sekolah akademik dan sebagainya - penggunaan padang. Sudah beberapa kali saya dengar Kementerian Belia dan Sukan hendak mendirikan stadium. Okaylah, mungkin dalam krisis ekonomi kita terpaksa menjimatkan perbelanjaan. Saya minta supaya Kementerian Belia dan Sukan supaya dapat menyelaras dengan Kementerian Perumahan ataupun badan-badan seperti bandaraya, majlis daerah, supaya dapat menggunakan padang-padang bagi belia-belie kita yang tidak mampu hendak mengeluarkan belanja daripada padang ini menjadi permainan tempat lepak binatang-binatang. Kenapa tidak dibenarkan kepada belia-belie yang tidak mampu untuk menggunakan kegiatan-kegiatan mereka terutama bola sepak.

Kemudian saya juga meminta supaya kementerian dan Majlis Sukan Negara ataupun kementerian itu sendiri supaya mendirikan gelanggang terbuka badminton. Kalau tidak boleh hendak mendirikan, gelanggang tertutup yang nilainya hanya RM100,000. Kalau saya kira di sini tiap-tiap kawasan Parlimen, untuk devan badminton tertutup RM100,000 ataupun tidak sampai RM100,000. Kenapa tidak didirikan gelanggang badminton/takraw yang terbuka dengan tempat duduk tangga ayamnya sebagai contoh RM18,000 dengan cukup lampunya dan segala kelengkapan. Bayangkan mungkin tiap-tiap kawasan Parlimen ada gelanggang takraw dan gelanggang badminton, saya fikir mungkin kita dapat melahirkan lebih ramai lagi bakat-bakat baru kerana kita tahu kebanyakan sekarang pemain-pemain ingin menggunakan indoor stadium, dengan izin. Jadi, saya rasa perkara ini perlulah perhatian daripada

kementerian ataupun Majlis Sukan. Saya tidak mahu menyebut tentang bantuan kemudahan di sekolah-sekolah yang banyak membebankan wakil-wakil rakyat. Saya rasa perlu kementerian dan Majlis Sukan Negara bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan ataupun meminta Kementerian Pendidikan untuk menyediakan satu peruntukan khas bagi memberi kemudahan kepada sekolah-sekolah terutama di sekolah-sekolah rendah dan mendapatkan jurulatih-jurulatih yang mahir. Janganlah guru yang mengajar Bahasa Inggeris, guru itu juga hendak melatih pemain bola sepak. Kalau kita benar-benar hendak melihat kemahiran ini berputik bermula daripada peringkat sekolah rendah.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya tentang beberapa kejohanan sukan di peringkat antarabangsa. Persediaan negara kita menjelang Sukan Asia tahun 2002, apakah sasarannya? Adakah kita sudah berbangga dengan pencapaian di kejohanan Sukan SEA setelah mencatat rekod untuk menjadi juara buat pertama kalinya dalam sejarah di rantau ini. Jadi, bagaimana persediaan badan-badan sukan yang dikendalikan di bawah Majlis Sukan Negara. Saya ucapkan tahniah kepada Ketua Pengarah Majlis Sukan, kalau dia seorang sahaja yang bergerak, orang lain tidak membantu tidak akan tercapai. Kita berbangga kerana akhirnya usaha kita untuk mencapai kecemerlangan dalam Sukan SEA, kebetulan pula kita menjadi tuan rumah, akhirnya berjaya juga. Jadi, saya minta supaya arahan, apa juga dasar yang dibuat di peringkat atas mestilah sampai sebaik mungkin di peringkat akar umbi di bawah.

Saya juga ingin bertanya tentang persediaan kontinjen kita ke Sukan Komanwel kerana saya bimbang dengan pergolakan selepas Sukan SEA dalam beberapa badan sukan terutama Kesatuan Olahraga. Saya tidak tahu kenapa pergolakan ini berlaku, adakah baru kita sedar terlibat ataupun keadaan dalam badan tersebut ataupun selepas pertukaran kepimpinan Kesatuan Olahraga daripada yang lama kepada yang baru. Jadi, saya minta penjelasan daripada Majlis Sukan ataupun pihak kementerian berhubung dengan perkara ini.

Satu lagi ialah berhubung dengan SUKMA yang saya rasa menjadi satu persediaan kita untuk menghadapi sukan di peringkat antarabangsa. Dan saya ingin bertanyakan tentang persediaan pemilihan gelanggang di Sabah menjelang Sukan Malaysia (SUKMA) 2002 ini.

Akhir sekali saya juga ingin bertanyakan tentang penganjuran sukan di peringkat antarabangsa tahun 2002. Sebelum itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana telah mendapatkan penaja ataupun usaha Kementerian Belia dan Sukan itu sendiri untuk membawa sekurang-kurangnya enam pasukan elit di peringkat antarabangsa untuk bermain di negara kita ini iaitu daripada Germany, Argentina, Spain, Itali dan Brazil untuk beraksi di negara kita ini. Saya ingin mendapat tahu tentang penganjuran kejohanan di peringkat antarabangsa yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan. Apakah jenis sukan yang telah dianjurkan dan sambutannya? Kerana kita tahu dan saya yakin dan percaya dalam keadaan dunia hari ini kita tidak boleh menafikan penganjuran kejohanan di peringkat antarabangsa seperti yang dimainkan oleh negara kita selain daripada bola sepak mungkin juga kejohanan-kejohanan yang lain yang mendapat sambutan termasuklah daripada pelancong.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tampin.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya hendak tanya sedikit pandangan Yang Berhormat bagi Larut memandangkan agak mahir dalam sukan ini. Kalau dari segi sukan peringkat antarabangsa ini untuk menjadi tuan rumah, biasanya Kerajaan Malaysia ada atau tidak memperuntukkan jumlah wang untuk lobi-melobi untuk menjadi sebagai tuan rumah. Dan kalau boleh sebagai seorang yang mahir dalam bidang sukan ini bagaimana kaedah melobi yang sesuai untuk menjadi tuan rumah, gunakan wangkah, gunakan imej negarakah atau macam mana? Dan keadaan negara yang macam manakah selalu dipilih oleh sesuatu badan sukan itu untuk menjadi tuan rumah dalam sesuatu atur cara. Terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Berdasarkan ini sepatutnya Menteri jawab. Tetapi pengalaman saya biasanya pelbagai pendekatan yang digunakan, cara kempen yang kita buat kerana melalui pelbagai pihak kerajaan,

pihak badan-badan swasta dan sebagainya. Tetapi saya yakin dan insya-Allah suatu hari kerana kita pernah mendapat untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel dan ini sudah tentu sebagai iktibar yang boleh kita perolehi bagaimana kita berjaya bersaing dengan negara-negara yang lain. Jadi, saya tidak mahulah menyebut kerana peruntukan khas ataupun cara-cara yang tertentu kerana ia menyeluruh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sikit lagi. Bab akhir sekali saya ingin menyentuh tentang Rakan Muda ini tadi 02004. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri ataupun Menteri apakah benar seminar motivasi ini telah diberhentikan. Kalau diberhentikan kenapa? Adakah di bawah Program Rakan Muda ini pihak kementerian sudah mempunyai satu pendekatan yang lain kerana kita tahu di bawah seminar motivasi ini ianya telah mendatangkan lesan yang begitu baik bagi kalangan belia-belia ke arah untuk jati diri dan juga dalam program-program yang boleh mendatangkan manfaat besar kepada para belia. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong.

11.44 pg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi saya akan dengan secara ringkaslah beberapa perkara halaman 287, butiran 020000, 020200 - Pembangunan Sukan yang memerlukan peruntukan kira-kira RM12 juta.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya hendak sebutkan bahawa walaupun ada beberapa perkara termasuk badmintonlah kita ada prestasi lebih baik sedikit, pada akhir-akhir ini kita sudah menang kalau tidak silap saya lima kejohanan antarabangsa sebagai johan lelaki sukan badminton dan juga kalau tidak silap saya bowling pun tidak begitu

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menyerlah.

Dr. Tan Seng Giaw: ...prestasi itu baik jugalah. Bukan cemerlang tetapi baik, boleh tahanlah sebab di dalam bidang sukan kalau atlet kita sudah berusaha, kita pun terimalah. Kita terima. Dia usaha, dia berikhtiar bertungkus lumus dan kalau prestasi tidak sampai tahap cemerlang, kita pun terima. Tetapi walau bagaimanapun ada beberapa perkaralah yang kita mesti berhati-hati. Yang pertama, walaupun Sukan Komanwel sudah berakhir tiga atau empat tahun, tetapi masalah mengenai akaun, mengenai syarikat-syarikat sama ada syarikat-syarikat yang terlibat yang sudah mufliis, bankrap dan apakah hutang piutang dan sebagainya mestilah Yang Berhormat terangkan di dalam Dewan yang mulia ini kerana walaupun kita boleh menganjurkan Sukan Olimpik.

Saya percaya kita ada kemampuan untuk berbuat demikian kalau kita hendak teruskan dengan penganjuran sukan antarabangsa kita mesti telus, *accountable* dan kita umumkan apakah yang terjadi dengan Sukan Komanwel yang lepas terutamanya mengenai soal kewangan. Dan masalah di sini saya hendak tanya Yang Berhormat, setakat manakah kita dapat menjayakan Akta Pembangunan Sukan, setakat mana? Kerana saya nampak ada setengah-setengahnya tidak begitu berkesan juga terutamanya mengenai politik di dalam badan-badan sukan kita, badan-badan Sukan Komanwel termasuklah olahraga sebab kalau tidak silap saya sejak Timbalan Menteri Penerangan kita kecundang di dalam pemilihan badan olahraga nasional maka prestasi merosot lagi.....[disampuk].....lebih baik, walaupun beruban tapi lebih baik [Ketawa].....ini bermakna ada sesuatu yang tidak kena di dalam badan olahraga. Apakah masalah kita? Termasuklah sepak takraw.

Sepak takraw kita memang menang dengan baik pada beberapa tahun yang lepas tapi sekarang Myanmar pun boleh kalah kita juga. Ini bermakna sukan kita terutamanya melalui sepak takraw sudah merosot dengan hebat, apakah masalahnya, apakah puncanya? Saya tidak sangkalah kita menang dengan Thailand tiap-tiap kali tapi kalau satu dua kali pun kita menang pun kita boleh bangga juga tetapi sekarang tidak payah kita bertanding dengan Thailand, dia belah Malaysia dengan begitu teruk dan ini masalah timbul kerana faktor-faktor yang tertentu termasuk politik di dalam badan sepak takraw, itulah masalah.

Saya berharap kementerian dapat mengkaji semua ini apakah faktor-faktor selepas kita luluskan Akta Pembangunan Sukan di dalam Dewan yang mulia ini dengan

harapan yang tinggi tetapi setakat ini kita nampaknya masih ada kekurangan, apakah masalahnya? Saya mencadangkan kepada kementerian supaya kita buat kajian dengan menyeluruh termasuk olahraga dan sepak takraw, apakah masalah yang pokok termasuk unsur politik Barisan Nasional di dalamnya yang kurang rasional di dalam sukan?

Tuan Pengerusi pun mesti setuju kalau ada sesuatu yang tidak betul mesti ada faktor-faktor yang lemah yang tidak dapat mengatasinya dan Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan peserta Program Kecergasan Nasional? Bilangan yang dianggarkan 150 peserta di dalam Program Kecergasan Nasional dan pada tahun depan dianggarkan 200,000 orang dan juga penyertaan untuk Sukan Untuk Semua. Ha, ini yang Sri Gading tidak tahu, dia memang tidak tahu biasanya. Dia kata Sukan Untuk Semua dan itulah slogannya. Dianggarkan pada tahun hadapan ada 5.5 juta orang akan menyertai sukan kita ini. Apakah kriteria yang digunakan oleh pihak kementerian untuk memastikan bilangan yang menyertainya? I

Itulah sahaja sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Saya bagi Selangau.

11.50 pagi

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya dengan secara ringkas sahaja hanya beberapa perkara sahaja iaitu berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam Butiran 02001 berkenaan dengan Kompleks Belia dan Sukan bagi Daerah di Sarawak yang diperuntukkan RM25 juta dan juga 0042 Kompleks Belia dan Sukan bagi negeri Sarawak.

Pertama saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kompleks Belia dan Sukan bagi dua buah daerah iaitu Daerah Tatau di kawasan Parlimen saya, Selangau yang begitu lama yang dinanti-nantikan. Tempoh hari masa pilihan raya bulan November pecah tanah telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak tetapi saya ingin tahu bilakah Kompleks Belia dan Sukan atau Mini Stadium ini akan siap oleh sebab Daerah Tatau ialah sebuah daerah yang belum ada Kompleks Belia dan Sukan.

Yang kedua juga berkenaan dengan pembinaan Kompleks Belia dan Sukan di Daerah Selangau, kalau saya tidak silap tanah telah disediakan tetapi setakat ini belum pun menerima tentang perlaksanaannya dan saya minta Kementerian Belia dan Sukan, bilakah pembinaan Kompleks Belia dan Sukan bagi Daerah Selangau di kawasan saya.

Dan saya ingin bertanya juga tentang beberapa pekan kecil di kawasan saya pun belum ada gelanggang sukan seperti gelanggang badminton, takraw dan sebagainya, misalnya saya bagi contoh di sini Pekan Setapang, Oya di Batu 32 dan juga Pekan Tepus, Balingian dan Pekan Arip. Ramai muda-muda kita di sini memberi keterangan kepada saya mereka bila hendak bermain tidak ada tempat atau tidak ada gelanggang, jadi saya telah memohon kepada bahagian pejabat Belia dan Sukan di Sibul tetapi setakat ini belum pun ada jawapan. Jadi saya minta pihak kementerian untuk memberi peruntukan bagi pekan-pekan yang tersebut iaitu tiga buah pekan yang tidak ada tempat untuk mereka bermain

Perkara yang kedua berkenaan dengan sukan darat bagi sekolah-sekolah. Bila diadakan sukan darat bagi sekolah-sekolah, mereka yang terutamanya guru besar akan menulis surat kepada wakil rakyat sama ada ADUN atau Ahli Parlimen untuk meminta peruntukan sama ada untuk membeli uniform dan juga membeli bola atau membeli trofi dan sebagainya, jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan atau dari Jabatan Kementerian Pendidikan untuk membekalkan oleh kerana biasanya selalu mereka untuk menemuinya atau membuat surat untuk menjemput wakil rakyat merasmikan sukan darat mahu minta peruntukan dari wakil rakyat. Jadi ini telah berlaku, saya rasa dekat seluruh bagi negeri Sarawak bila menjemput wakil rakyat mereka mahu meminta derma daripada wakil rakyat sama ada pihak ADUN atau Ahli Parlimen.

Selain daripada itu juga saya ingin untuk mengemukakan berkenaan dengan aktiviti sukan di negeri Sarawak yang pertamanya terkenal ialah Sumpit-Sumpitan atau *blow-pipe*, *competition of blow-pipe*, dengan izin, oleh kerana masa dulu orang Sarawak bila belum ada senapang patah mereka menggunakan sumpit untuk menyempit binatang dan sebagainya dan pada hari ini generasi muda masih ingat

bagaimana cara menyempit dan bila perayaan Hari Gawai mereka bertanding atau cara menyempit selain daripada tarik tali dan sebagainya. Adakah Kementerian untuk memperkenalkan menyempit itu di peringkat nasional dan sebagainya supaya kita tidak lupa cara lama bagaimana orang di Asia ini, orang di negeri kita ini, di Malaysia ini mereka telah terkenal dengan sumpit atau *blow pipe*, dengan izin.

Selain daripada itu saya ingin juga bercadang kalau boleh memberi peruntukan kepada wakil rakyat berkenaan dengan gelanggang-gelanggang takraw, badminton kepada kampung-kampung dan rumah-rumah panjang daripada kita menggunakan MRP atau projek kecil luar bandar, kalau boleh wakil rakyat dibekalkan untuk peruntukan bagi sukan-sukan orang-orang rumah panjang atau kampung-kampung supaya dapat disalurkan. Kita lebih faham di mana murid-murid atau anak-anak orang kampung-kampung atau rumah panjang di mana tidak ada gelanggang takraw, badminton dan sebagainya untuk mereka bermain. Sarawak ada mempunyai lebih 6,000 buah kampung dan rumah panjang. Kalau wakil rakyat dibekalkan dengan peruntukan ini lebih senang bagi wakil rakyat untuk memberi peruntukan bagi rumah-rumah panjang yang diwakili oleh mereka.

Selain daripada itu juga saya ingin mengemukakan berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan tentang latihan iaitu...

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman] : *[Bangun]*

Tuan Joseph Maut anak Ikeh : Sri Aman semalam sudah bercakap. Okay, okay, sikit saja.

Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, hendak bagi jalan?..... sikit sahaja sila.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat dari Selangau ada menyentuh tentang dewan. Jadi pada satu ketika dulu kita telah membina dalam skim penggalakan Badminton seribu satu gelanggang dan gelanggang kita pun sudah siap tetapi orang di luar bandar tidak mampu menyara kos elektrik. Macam mana, setujuakah Yang Berhormat dari Selangau kalau kita minta peruntukan dari Kementerian Belia dan Sukan untuk membiayai kos elektrik supaya anak muda kita dapat main badminton ataupun bermain sepak takraw sebelah malam supaya mereka tidak lepak.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Memang saya setuju 100% bersetuju dengan Sri Aman. Saya tadi telah menyentuh berkenaan dengan tentang latihan belia dan sukan kepada penuntut-penuntut atau murid-murid kita yang lepas SPM dan sebagainya, kalau Kementerian Belia dan Sukan mengadakan *training* atau kursus dan sebagainya oleh sebab saya telah difahamkan oleh Pejabat Pendidikan bagi negeri Sarawak tidak kurang daripada 6,000 atau 7,000 yang lepas SPM, yang gagal dan mereka ini tidak ada tempat untuk melanjutkan pelajaran mereka kepada peringkat yang lebih tinggi, diploma dan sebagainya dan kalau Kementerian Belia dan Sukan mengadakan kursus seperti kursus tenaga mahir dan sebagainya untuk murid-murid seperti ini, *drop-outs* seperti ini dan lebih-lebih lagi kepada murid-murid di kawasan luar bandar untuk mengadakan *technical training* dan sebagainya.

Dan akhirnya Tuan Pengerusi, saya sekali lagi meminta Kementerian Belia dan Sukan untuk mengagihkan peruntukan yang lebih banyak lagi kepada peruntukan luar bandar di mana untuk membuat kompleks belia dan sukan, gelanggang dan sebagainya supaya Ahli-ahli Parlimen lebih senang dan juga anak-anak generasi muda kita lebih minat bermain supaya mereka tidak membuat perkara lepak dan sebagainya yang tidak diingini.

Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Bentong.

12.01 tgh.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang untuk menyertai perbahasan dalam Maksud Bekalan B.17. Saya ingin menarik perhatian kementerian dalam Butiran 020300 - Pembangunan Belia dan 040200 - Program Khidmat Sosial Negara.

Saya amat tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan semalam berhubung dengan Program Khidmat Sosial Negara di mana kementerian

telah memberi komitmen untuk meningkatkan program ini dan menambahkan bilangan penyertaannya daripada 1,000 orang setahun kepada 20,000 orang setahun. Tetapi melihat dari segi peruntukan yang disediakan hanya RM5 juta saya rasa tidak mencukupi dan bagaimana kementerian dapat mencari sumber kewangan untuk memastikan program khidmat sosial ini dapat dijalankan sebaik-baiknya.

Saya sendiri telah menghadiri beberapa program khidmat sosial di kawasan saya dan mendapati memang program ini berkesan bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada pelajar-pelajar yang menyertainya bahkan juga memberi kesan yang baik kepada kampung tersebut. Saya ber harap program ini bukan sahaja dianjurkan atau diadakan di kampung-kampung tradisional ataupun di kawasan-kawasan FELDA, saya juga berharap program ini diperluas di Kampung-kampung Baru dan juga di estet-estet kerana apabila kita melihat masalah-masalah belia, jenayah-jenayah belia, kita dapati bilangan jenayah belia meningkat juga di Kampung-kampung Baru dan juga di estet-estet. Saya rasa ini juga satu masalah yang kritikal yang perlu kita tangani bersama kerana dalam masyarakat majmuk ini kita perlu memberi perhatian kepada pembangunan belia di semua peringkat dan juga semua kaum.

Satu lagi saya dapati dari segi program-program susulan selepas program khidmat sosial ini kebanyakan program khidmat sosial ini diadakan lebih kurang se minggu, selepas itu pelajar-pelajar itu balik ke kampung masing-masing dan tiada apa-apa lagi program susulan yang dijalankan oleh persatuan-persatuan belia ataupun pihak-pihak yang menganjurkan program tersebut. Saya berpendapat bahawa adalah lebih baik untuk memastikan, melibatkan persatuan-persatuan belia tempatan dan juga persatuan-persatuan belia di peringkat nasional agar..., kementerian dari segi memberikan peruntukan tetapi dari segi sumber tenaganya kita boleh mendapatkan kerjasama daripada semua persatuan belia dan memastikan persatuan-persatuan belia yang kita ada hari ini aktif dalam program-program khidmat sosial.

Kita merasa bimbang apabila kita melihat aktiviti-aktiviti belia, persatuan-persatuan belia kita menjadi semakin lesu dan ia akan menyebabkan ahli-ahlinya tidak minat untuk menyertai persatuan-persatuan belia dan akhirnya kita akan kehilangan ramai belia bergiat aktif dalam program-program khidmat sosial negara.

Berhubung dengan Butiran 02005 - Program Kepimpinan Belia Negara. Saya mendapati Kementerian Belia dan Sukan boleh memainkan peranan yang amat penting untuk memupuk kepimpinan belia kerana program-program yang sedia ada pada satu ketika dahulu saya dapati ia memang dapat memupuk ciri-ciri kepimpinan seseorang belia tetapi saya berasa kurang senang kerana program ini kerana hanya terhad bilangannya. Saya berharap program kepimpinan belia ini boleh diperluas, boleh menambahkan bilangannya, meningkatkan taraf kursusnya seperti *'our' town school* dengan izin, kita perlu meningkatkan bilangan-bilangan kursus dan latihan.

Kita ada Biro Tata Negara (BTN) dan kita boleh mendapatkan bantuan daripada BTN dan juga pensyarah-pensyarahnya untuk memberikan latihan-latihan yang lebih komprehensif kepada belia-belia kita. Kalau kita tidak memberikan kursus-kursus kepimpinan yang secukup-cukupnya dan hanya bergantung kepada persatuan-persatuan belia untuk menganjurkan program kepimpinannya masing-masing, saya rasa ini kita tidak akan mendapat satu perancangan yang terperinci, kita tidak akan melihat hasilnya seperti yang kita inginkan.

Saya berbalik kepada persatuan-persatuan belia. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Belia dan Sukan berhubung dengan peruntukan-peruntukan yang diberi kepada persatuan-persatuan belia. Kita dapati dalam program Rakan Muda banyak persatuan belia di peringkat akar umbi contohnya di kawasan saya, banyak persatuan belia memohon peruntukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Daerah dan kemudiannya disampaikan kepada negeri dan terdapat program-program yang dipohon itu tidak diluluskan.

Saya ambil contoh Persatuan Belia memohon satu Program Pesta Tanglung di kawasan tetapi ditolak oleh Jabatan Belia kerana program ini bukan program Rakan Muda dan kerana ianya satu program kebudayaan, tidak terlibat dengan Program Belia. Saya berasa keliru dan kesal kerana perkara ini berlaku kerana memang program-program kita memberi galakan kepada belia untuk menganjurkan program-program yang sihat, program-program kebudayaan yang baik agar mereka dapat menyertai program-program ini dan dengan sendirinya dapat memperluas lagi aktiviti-aktiviti belia.

Kita jangan tertumpu kepada aktiviti belia pada seminar atau kursus kepimpinan sahaja, saya rasa aktiviti-aktiviti kebudayaan, aktiviti-aktiviti yang sihat juga perlu digalakkan kerana aktiviti yang dapat menarik belia menyertai persatuan belia lah yang dapat memastikan belia-belia ini dapat dipupuk dengan cara yang baik.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya ingin tekankan di sini iaitu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut berhubung dengan penyelarasan, bagaimana Kementerian Belia dan Sukan boleh membantu dari segi penyelarasan penggunaan kompleks-kompleks sukan bukan sahaja kompleks sukan di bawah Kementerian Belia dan Sukan bahkan kompleks-kompleks sukan di bawah Majlis Daerah kerana kita dapati banyak kompleks sukan terutamanya di bawah naungan Majlis Daerah tidak dapat digunakan sebaik-baiknya oleh remaja dan belia di kawasan kerana contohnya jadual tempahan semuanya telah diatur atau dibuat penempahan oleh segelintir orang sahaja yang dapat menggunakan tempat-tempat tersebut.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa)**

Oleh itu bagaimana kita sebagai kementerian boleh memastikan dapat menggerakkan belia-belia menggunakan kompleks-kompleks ini dengan sebaik-baiknya.

Saya juga ingin menyentuh tentang penyelenggaraan kompleks-kompleks belia dan sukan ini. Setiap tahun kita telah memberi banyak peruntukan untuk memastikan kompleks ini diselenggarakan dengan baik tetapi malangnya kita lihat ada sesetengah kompleks sukan ini yang diswastakan, yang diselenggarakan oleh pihak swasta tidak dijaga dengan sebaik-baiknya. Saya berharap kementerian dapat memantau kompleks-kompleks sukan walaupun telah diswastakan tetapi dari segi penggunaan dan penjagaannya perlulah menepati tahap yang diinginkan.

Berhubung dengan seminar motivasi yang telah dibangkitkan tadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Liow Tiong Lai: Ya, yang akhirnya seminar Motivasi yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi, saya ingin menyokong bahawa seminar motivasi ini adalah amat penting dan saya berharap kementerian dapat memulihkan semula seminar motivasi ini yang dapat dianjurkan di semua peringkat dari segi daerah dan negeri. Sekian terima kasih.

[Beberapa orang Ahli Yang Berhormat bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ramai yang telah diberi peluang berucap dan saya akan membenarkan seorang lagi sebelum saya minta Timbalan Menteri menjawab, hanya lagi satu.

Puan Chong Eng:.....*[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tidak ada satu akta dibenarkan semua berucap, jadi memang sukar. Jadi saya hanya benarkan seorang lagi. Saya minta Tanah Merah, Tanah Merah.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi tidak boleh buat macam itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanah Merah, sila.

Tuan Saupi bin Daud: Boleh saya mulakan Tuan Pengerusi?

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan, saya sudah buat keputusan. Keputusan telah pun dibuat.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup Yang Berhormat, cukup.

Tuan Saupi bin Daud: Hendak start tidak boleh ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, Tanah Merah, sila.

Puan Chong Eng:perbuatan bahawa tiada dalam Peraturan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat cukup.

Puan Chong Eng:ada ramai yang mahu berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kami sudah buat keputusan.

Tuan Saupi bin Daud: Dia tidak kira lagi.

Puan Chong Eng: Keputusan mesti dibuat atas persetujuan dalam Dewan ini.

Seorang Ahli: Melawan!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai telah diberi peluang, cukup Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Pengerusi, jangan potong waktu saya, cukuplah [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanah Merah, sila.

Puan Chong Eng:Ahli DAP tidak ada peluang untuk berucap?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa, siapa kata tidak ada?

Puan Chong Eng: Belum ada DAP yang berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, jangan cakap demikian. DAP tidak ada diberi peluang....

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, okay.

Tuan Saupi bin Daud: Boleh? [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanah Merah.

12.13 tgh.

Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya.. [Disampuk] Ingin menyentuh Maksud Bekalan B.17 dan P.17 ini di bawah Butiran 020600 iaitu Pentadbiran Negeri, 00600 Kompleks Sukan/Stadium Negeri-negeri dan khususnya 00601 iaitu naik Taraf Kompleks Belia dan Sukan Negeri-negeri

[Yang Berhormat Bukit Mertajam melangkah keluar dari Dewan]

Tuan Pengerusi, pihak kementerian sedia maklum bahawa ada tiga badan yang dipertanggungjawabkan di dalam pembangunan sukan di negeri Kelantan lain daripada negeri-negeri lain. Dahulu mungkin berlaku di Sabah tetapi sekarang ini hanya di Kelantan. Pertama sekali ialah di bawah Kerajaan Negeri sendiri ada seorang Exco Kerajaan Negeri yang bertugas untuk kemajuan sukan.

Yang kedua, kita lihat kewangan ini dsalurkan kepada Jabatan Belia dan Sukan (JBS).

Yang ketiga, Majlis Sukan Negeri Kelantan. Majlis Sukan Negeri Kelantan yang ditubuhkan ekoran daripada kejatuhan kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1991. Dia pula ditubuhkan di bawah Akta Majlis Sukan Negara 1971 semata-mata untuk menghidupkan atau mewujudkan satu badan bagi bertanggungjawab terhadap sukan sedangkan Jabatan Belia dan Sukan sudah ada di Kelantan.

Ini adalah suatu pertindihan dari segi kemajuan sukan. Tetapi, Majlis Sukan Negeri Kelantan, walaupun diwujudkan tidak mempunyai keistimewaan-keistimewaan sebagaimana badan-badan sukan negeri lain kerana Majlis Sukan Negeri Kelantan hanya diberi peruntukan di bawah peruntukan lain kerana Majlis Sukan Negara. Ini adalah secara belas ehsan. Ia tidak mendapat peruntukan khas walaupun diminta berkali-kali tetapi hanyalah mendapat peruntukan ehsan daripada Majlis Sukan Negara.

Sebab itulah, apabila kita lihat kemajuan sukan di negeri Kelantan, saya mengambil contoh, walaupun ramai atlet yang berjaya, tetapi mereka ini terpaksa meninggalkan negeri Kelantan semata-mata tidak mempunyai imbuhan, tidak mempunyai kemudahan sukan yang sebaiknya dan juga tidak mendapat peluang-peluang yang begitu baik kalau dibandingkan di negeri-negeri lain.

Dalam bab ini, saya mengambil contohlah secara senang. Umpamanya, Stadium Negeri Kelantan, Stadium Sultan Mohamad ke-IV telah dibina hampir 50 tahun, sejak tahun 1960-an lagi. Sampai ke hari ini, walaupun stadium itu penuh sesak, beberapa kali sudah dilepaskan kes pembedih mata tetapi tidak juga dapat perhatian daripada pihak kementerian. Yang kedua, umpamanya kalaulah Majlis Sukan Negeri Kelantan cuba mencungkil bakat-bakat yang ada di negeri Kelantan, saya ambil contoh kepada atlet sukan renang. Sehingga ke hari ini, tidak ada satu kolam renang pun yang standard di negeri Kelantan. Yang ada hanyalah satu kolam renang yang telah uzur, yang telah lama, di bawah pentadbiran Majlis Sukan Sekolah-sekolah Kelantan (MSSK) yang tidak cukup saiz, yang tidak cukup segala-galanya jika dibandingkan dengan kemudahan-kemudahan lain.

Tuan Jimmy Lim Donald: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Saupi bin Daud: Sekejap, sekejap. Masa tidak mengizinkan. Nanti, saya bagi kalau ada masa.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Yang Berhormat katakan tadi pasal masalah kolam renang. Kalau di Perlis, Perbadanan Kerajaan Negeri Perlis boleh mendirikan kolam renang, jadi kenapa Perbadanan Kerajaan Negeri Kelantan tidak boleh membantu mendirikan kolam renang kalau betul-betul hendak membantu melahirkan perenang-perenang? Terima kasih.

Tuan Saupi bin Daud: Saya rasa Yang Berhormat tahulah, kita baru sahaja meluluskan peruntukan tambahan bon ini di mana Perbadanan Negeri Perlis juga mengambil kewangannya daripada Kerajaan Pusat. Ini jelas, tidak boleh lari. *[Tepuk]* Saya hendak ambil contoh, di antara atlet-atlet yang renang tadi, terpaksa berlatih. Ini kalau saya maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini pun orang ketawa. Atlet untuk sukan renang, terpaksa berlatih di Sungai Kelantan. Belajar menyeberangi Sungai Kelantan. *[Ketawa]* Kalau musim banjir macam ini, tidak ada langsung latihan, dengan dia-dia hanyut di Laut China Selatan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ayooooo.....

Seorang Ahli: Teruknya.

Tuan Saupi bin Daud: Jadi, inilah beberapa kelemahan yang ada dan saya terpaksa menyuarakan ini kerana ramai atlet yang ada berasa tidak puas hati dengan perkembangan sukan yang ada di negeri ini kerana tidak mempunyai kemudahan-kemudahan. Begitu juga kalau saya ambil contoh hoki. Hoki umpamanya, ramai lahir atlet-atlet ataupun pemain-pemain hoki negara daripada Kelantan atau Terengganu yang mewakili negara pada suatu ketika dahulu tetapi malangnya padang hoki yang ada di Kelantan, yang ada di Kota Bharu, ada sebuah sahaja padang hoki. Itu pun tidak ada yang standard. Astro turf terpaksa diambil apabila Stadium Hoki Tun Razak tidak mahu lagi gunakan Astro turf nya, dibuang, maka dihantar ke Kota Bharu. Jadi, inilah standard kemudahan sukan yang ada di negeri Kelantan. Jadi, dalam hal ini, saya menafikanlah kalau Yang Berhormat Menteri pernah mengatakan bahawa kemudahan-kemudahan sudah mencukupi dan segalanya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Sri Gading.

Tuan Saupi bin Daud: Masa tidak ada, tidak ada. Minta maaf, minta maaf, lain kali. *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Saupi bin Daud: Begitu juga kalau umpamanya penyertaan, saya terpaksa membantu Majlis Sukan Negeri Kelantan dalam hal pentadbiran sukan kerana kewangannya tidak cukup. Mereka terpaksa menghantar atlet-atlet ataupun peserta ke Sukan SUKMA yang mungkin pada September.....*[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, boleh gulunglah.

Tuan Saupi bin Daud: Yang Berhormat Tuan Pengerusi kira yang tadikah? Yang berkelahi tadikah? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak. 10 minit untuk Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Sekejap, saya yang terakhir, bagilah peluang sedikit ya. Ini benda penting sedikit. Umpamanya dari segi kewangan yang tidak cukup, maka kakitangan pun berkurangan, elaun pun tidak dapat dibayar sepenuhnya, kenderaan, kemudahan tidak secukupnya. Malah, untuk menghantar atlet-atlet yang terbaru ke Sabah, mungkin pada September 2002 nanti ke Sukan SUKMA di Sabah. Saya difahamkan bahawa ada di kalangan pemimpin-pemimpin sukan terpaksa menganjurkan majlis-majlis makan malam untuk mengutip kewangan sendiri bagi tabung sukan mereka kerana ahli-ahlinya ingin mengikuti ataupun mengambil bahagian di Sabah tetapi, tidak ada kewangan yang cukup, maka terpaksa dibuat majlis makan malam dikutipkan derma untuk menampung kerana pihak Majlis Sukan Negeri Kelantan berkata.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Saupi bin Daud: Ya, satu lagi yang terakhir Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Satu lagi, saya ingin mendapat jawapanlah daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan Butiran 00614 - Pusat Latihan Dataran Tinggi Lojing di Kelantan di mana peruntukan sebanyak RM29 juta pada tahun 2002 ini diperuntukkan sebanyak RM7 juta. Apakah tujuan ia dibina di Tanah Tinggi Lojing sedangkan kemudahan perhubungan dan juga kemudahan-kemudahan lain belum lagi terdapat di Tanah Tinggi Lojing ini. Cuma yang ada hanyalah kebun-kebun sayur dan juga kebun-kebun bunga. Jadi, adakah itu yang menarik minat, cara baru untuk melahirkan gaya sukan kita di negara ini? Jadi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

12.23 tgh.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu, izinkanlah saya merakamkan penghargaan dan syabas kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Perbelanjaan Kementerian Belia dan Sukan. Saya juga ingin berterima kasih atas keprihatinan dan minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan cadangan, pandangan serta teguran mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan tetap, saya akan cuba jawab dengan seboleh-bolehnya dan juga sekiranya terdapat yang tercicir, saya akan cuba memberikan maklumat yang berkenaan kemudian.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Batang Lupar membangkitkan persoalan kegagalan ataupun kelesuan pertubuhan-pertubuhan belia yang kononnya disebabkan oleh kekurangan sumber kewangan. Beliau juga menyentuh tentang kurangnya pengiktirafan yang diberikan kepada pemimpin-pemimpin belia khususnya di peringkat akar umbi. Suka saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pada tahun 2000, Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Unit Pengajian dan Pengembangan Belia, Universiti Putera Malaysia (UPM) telah pun menjalankan kajian mengenai kelesuan pertubuhan belia di peringkat negeri dan mendapati bahawa masalah kewangan merupakan salah satu masalah yang menyebabkan kelesuan yang dimaksudkan. Walaupun demikian, masalah kewangan bukanlah masalah tunggal yang dihadapi kerana dari kajian yang berkenaan, adalah didapati bahawa persatuan belia juga menghadapi masalah yang lain. Umpamanya, masalah kepimpinan dan masalah pengurusan pentadbiran yang kurang efektif.

Kementerian Belia dan Sukan sememangnya memberikan peruntukan kewangan bagi membantu pertubuhan-pertubuhan belia. Contohnya, sehingga bulan Oktober tahun ini, Kementerian Belia dan Sukan telah pun menyalurkan wang sejumlah RM3,649,870.00 kepada pertubuhan-pertubuhan belia pelbagai kategori dan peringkat untuk mentadbir pertubuhan dan menjalankan aktiviti-aktiviti masing-masing. Oleh

kerana peruntukannya terhad, kementerian tidak dapat memenuhi semua keperluan kewangan mereka. Tuan Pengerusi.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dahulu Yang Berhormat. Biar saya habiskan ini dahulu ya. Tuan Pengerusi, menyentuh soal mendapatkan sokongan atau bantuan kewangan dari pihak korporat, tidak dapat dinafikan bahawa pihak tersebut pernah dan ada yang masih menyumbang dalam bentuk kewangan. Walau bagaimanapun, hakikat bahawa usaha pembangunan belia tidak dapat memberikan pulangan *dollar and cents* dengan izin dan pulangnya tidak dapat dilihat dalam jangka masa yang pendek, maka tidak ramai warga korporat yang menunjukkan minat untuk mengambil bahagian dalam pelbagai usaha untuk pembangunan belia dan sukan yang dijalankan. Kementerian sentiasa terus berusaha mendidik persatuan belia supaya mereka ini boleh menjalankan aktiviti yang pelbagai, yang berbentuk *income generating* dengan izin, dan turut membantu belia berdikari.

Tuan Pengerusi, dari segi pengiktirafan, sememangnya sejak tahun 1970-an lagi, Kementerian Belia dan Sukan telah pun mewujudkan anugerah kepada pertubuhan-pertubuhan belia dan pemimpin-pemimpin belia yang berjasa. Sehingga kini, anugerah ini telah pun diperluaskan hingga ke peringkat negeri dan akan dikembangkan ke peringkat daerah tahun depan. Bagi pemimpin-pemimpin yang telah pun banyak berjasa, kita juga menghargai pengorbanan mereka dengan menerusi pelbagai cara. Umpamanya, menghantar mereka ke luar negeri untuk menyertai program pertukaran belia, lawatan sambil belajar dan juga menghadiri seminar dan lain-lain lagi. Ya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baik, terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bercakap tentang soal kelesuan persatuan-persatuan belia, Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri juga menyebut bahawa satu kajian yang dibuat oleh pihak UPM. Antaranya, salah satu faktornya ialah faktor kewangan. Namun begitu, bagi saya bahawa ia bukanlah satu faktor kewangan secara khusus tetapi juga ada kaitan dengan soal faktor kepimpinan itu sendiri sepertimana yang Yang Berhormat sebut. Bila sebut faktor kepimpinan, ini menunjukkan bahawa Program Pembangunan Kepimpinan Belia ini seolah-olahnya seperti tidak menampakkan kecapaian yang baik dalam pembangunan kepimpinan yang mempunyai inovasi yang tinggi, inisiatif yang lebih untuk hendak menggerakkan persatuan bagi mencari sumber-sumber kewangan, itu salah satu. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat begitu.

Yang keduanya, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kelesuan persatuan belia ini juga ada kaitan kerana kadang-kadang timbul di kalangan masyarakat belia itu sendiri rasa muak, adanya unsur-unsur politik dalam persatuan belia sedangkan sepatutnya persatuan belia tidak seharusnya dilihat sebagai persatuan yang menjadi alat kepada mana-mana parti politik kerana persatuan belia sepatutnya menghimpunkan semua belia daripada semua kefahaman politik, ideologi politik yang terdapat dalam negara kita. Tetapi, secara jelas, kita lihat bahawa persatuan-persatuan belia hari ini MAYC, 4B dan sebagainya dilihat sebagai persatuan-persatuan yang lebih menjadi kepentingan kepada pemimpin-pemimpin politik untuk menjadi batu loncatan bagi kepentingan karisma politik mereka. Terima kasih.

Beberapa Ahli: Ya.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena walaupun beliau cuba hendak hubung kaitkan keberkesanan kursus kepimpinan dengan kelesuan pertubuhan-pertubuhan belia itu. Sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini, khususnya Yang Berhormat bagi Pokok Sena bahawa kursus kepimpinan yang dimaksudkan itu tetap dianjurkan di segala lapisan dan di segala peringkat untuk memupuk, mengasah dan membimbing pemimpin-pemimpin pelapis kita. Itu tetap berterusan. Tetapi dakwaan Yang Berhormat bahawa kelesuan pertubuhan-pertubuhan itu, khususnya yang disebabkan oleh kepimpinan yang lemah atau kurang efektif itu, apakah ianya disebabkan oleh keberkesanan kursus kepimpinan, saya tidak bersetuju. Ini adalah sebab biasanya sesebuah pertubuhan belia atau pun NGO itu kiranya lesu disebabkan oleh kelemahan

dalam kepimpinan itu, ianya juga disebabkan oleh berbagai sebab-musabab termasuk juga faktor-faktor tempatan (*local factors*) dengan izin. Dan kiranya Yang Berhormat hendak buat dakwaan sedemikian rupa secara menyeluruh, a *sweeping statement*, dengan izin, saya rasa itu kurang tepat, kurang wajar.

Bersabit dengan dakwaan Yang Berhormat bahawa banyak pertubuhan belia sekarang ini nampaknya dipolitikkan atau pun orang politik menggunakannya sebagai batu loncatan, saya hendak tanya Yang Berhormat, sekian lama pertubuhan mana yang tidak melibatkan orang politik, termasuk juga orang PAS? Ini yang pertama. Dan pertubuhan

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dahulu Yang Berhormat, nanti ya. Dan pertubuhan mana, termasuk setahu sayalah, bukan sahaja untuk masyarakat Melayu tetapi juga masyarakat bukan Melayu, pertubuhan mana yang tidak melibatkan sebarang unsur politik atau pun orang politik yang menyertainya, tidak membawa sampai ke tahap kematangan yang tertentu, yang tidak membawa fahaman politik masuk ke pertubuhan itu? Saya rasa itu payah, payah kita hendak mencapai ke tahap sedemikian rupa. Yang Berhormat sendiri maklum bahawa di Negeri Kelantan, di Negeri Terengganu pun, saya rasa unsur-unsur sedemikian rupa tetap juga wujud, ya Yang Berhormat? Ini sampai hari kiamat pun saya rasa perkara yang sedemikian rupa akan wujud asalkan manusia, insan yang menyertai dalam berbagai aktiviti itu[Tepuk]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu, Yang Berhormat?

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat bagi Seri Gading.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Betul. PAS, sehingga bendera UMNO pun tidak boleh pasang di Kuala Terengganu. Tengok, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu pun dipolitikkan, tidak usahkan belia. Ini PAS punya perangailah kan? Seperti juga ABIM, ABIM sudah diserap oleh politik. Saya setuju, cuma saya berharaplah kalau dapat Yang Berhormat punya Kementerian boleh mendedahkan lagi semangat kepada pemimpin-pemimpin belia ini supaya lebihlah, nombor satu, cinta kepada negara yang menyebabkan salah satu nanti akan memberikan kekuatan kepada belia. Minta sedikit penjelasan.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya tetap menghargai saranan baik yang disuarakan tadi oleh Yang Berhormat bagi Seri Gading. Biasanya bila soalan sedemikian rupa dibangkitkan saya bagi satu ibarat. Katakanlah dalam sesebuah keluarga itu ibu-bapa tetap sentiasa memberikan anak-anaknya bimbingan dan asuhan yang wajar dengan sokongan kewangan dan sebagainya, tetapi kejayaan seseorang anak itu juga bergantung kepada usahanya sendiri dan bukan bulat-bulat bergantung kepada apa yang diperolehi daripada ibu-bapanya. Dan bila seseorang anak itu kurang berjaya tidak bermakna bahawa ibu-bapanya itu kurang komitmen atau pun kurang bertanggungjawab. Ini yang saya hendak sarankan. Dan yang lain itu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seri Gading tentang sikap PAS itu, saya setuju.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Yang Berhormat bagi Larut dan Yang Berhormat bagi Tebrau.

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat bagi Tebrau.

Datuk Haji Mohd.Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ucapkan untuk membenarkan saya menyentuh sedikit.

Ini berhubung dengan persatuan belia-belia. Yang Berhormat kata tadi telah pun mengadakan banyak program latihan dan sebagainya tetapi yang menjadi masalah, punca yang besar, termasuk di kawasan saya dan kawasan-kawasan yang lain, kepimpinan yang ada persatuan belia di kawasan-kawasan di kampung-kampung atau mukim-mukim, yang menjadi masalahnya ialah kewangan. Saya tidak tahulah, dia hendak bergerak, dia hendak mesyuarat pun hendak ada minum air. Kadang-kadang yang menjadi pengerusidan setiausaha tidak mampu. Cakap terus-teranglah. Apa lagi dia hendak buat kegiatan. Memang ada banyak program. Dalam mesyuarat perundingan belia negeri pun hantar program. Ini belanja, belanja. Bila kita tanya wakil Kementerian Belia dan Sukan, jawapannya, "Tengoklah, fasal wang tidak cukup", tetapi dalam satu nada dia kata, "Buatlah program". Kita jagalah belia, sebab yang kita jaga itu tidak mampu.

Saya tidak tahu kalau boleh Kementerian mewujudkan satu tabung khas. Saya gerenti, kalau ada kewangan diberi kepada setiap persatuan belia di kawasan kampung, kalau diberi dia RM300 hari ini, macam-macam program dia boleh buat. Dia tidak ada duit hendak buat atau menganjur. Jadi kalau PPRT itu untuk rakyat termiskin, jadi kita berilah kepada satu PPRT Belia yang tidak berkemampuan. Kita wujudkan satulah. Jadi saya ingin mendapat jawapan. Sila jawab.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, setahu saya PPRT itu tidak ada hubung-kaitnya dengan Kementerian Belia dan Sukan. Walaupun demikian, kebelakangan ini disebabkan oleh adanya teguran dan cadangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dalam Dewan yang mulia ini mengenai peri pentingnya peruntukan untuk Kementerian Belia dan Sukan ditambahkan, maka tahun ini saya bersyukur kerana Kementerian telah pun diberikan peruntukan yang lebih sedikit berbanding dengan tahun yang sudah.

Walaupun demikian, berbalik kepada soalan Yang Berhormat, suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa baru-baru ini telah pun saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan yang tertentu telah pun dikhususkan untuk mengaktifkan kembali pertubuhan-pertubuhan belia yang dianggap lesu. Itu pun sudah saya jawab, dan bilangan pertubuhan yang dimaksudkan itu menjangkau 2,000.

Ya, Yang Berhormat Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat, saya berpendapat untuk mengurangkan permasalahan yang berlaku dalam persatuan belia ini, sebagaimana yang dibuat ke atas badan-badan sukan di mana badan-badan sukan telah diletakkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang mana ada Pesuruhjaya Sukan yang mengawasi dan mengikuti perkembangan badan-badan sukan. Ini dapat mengurangkan sedikit sebanyak politicking, dengan izin. Jadi sekali lagi saya menyerulah kepada pihak Kementerian, kalau boleh, membentangkan satu kertas kerja supaya badan-badan belia ini ditarik daripada Pendaftar Pertubuhan, Kementerian Dalam Negeri, dan diletakkan di bawah Kementerian Belia, kerana saya bimbang beribu-ribu pertubuhan belia yang ada pada hari ini mungkin akan terbatal pendaftaran mereka mungkin kerana masalah yang timbul dengan laporan dan mesyuarat agong yang tidak dapat diadakan.

Jadi saya mintalah kepada Yang Berhormat supaya badan-badan belia ini, sebagaimana badan sukan yang lain diletakkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan supaya lebih mudah untuk kita mengikuti dan memantau segala kegiatan badan-badan belia yang ada dalam negara kita ini. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, ini satu cadangan yang baik yang pernah dibangkitkan dan untuk makluman Yang Berhormat bagi Larut, ianya pernah juga dibincangkan dalam Kementerian Belia dan Sukan. Walaupun demikian, suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa terdapat juga kekangan yang tertentu. Umpamanya badan-badan belia yang dimaksudkan itu bukan semuanya yang mempunyai pendaftaran atas nama pertubuhan itu sendiri sebab terdapat juga banyak lagi sayap pemuda atai sayap belia misalnya, yang bukan didaftarkan secara berdikari. Dalam erti kata lain, ianya hanya merupakan salah satu sayap di bawah naungan

badan induknya dan takkanlah kita tidak ambil kira juga pertubuhan-pertubuhan atau pun sayap belia yang dimaksudkan itu. Jadi apa yang Yang Berhormat bagi Larut bangkitkan itu tetap akan dihalusi seperti mana yang telah saya janjikan tidak lama dahulu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Walaupun saya bersetuju dengan dua cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi iaitu satu Yang Berhormat bagi Larut mengatakan kita alihkan pertubuhan belia-belia ini daripada jagaan Pendaftar Pertubuhan, oleh kerana banyak karenah-karenah Pendaftar Pertubuhan itu mungkin tidak sesuai untuk mengawal selia aktiviti-aktiviti belia.

Yang kedua, Yang Berhormat bagi Tebrau mengatakan bagi duit banyak lagi untuk persatuan-persatuan belia. Saya bersetuju semua ini, tetapi yang menjadi masalahnya Tuan Pengerusi, sebanyak mana pun kerajaan beri duit, umpamanya kepada mana-mana persatuan atau pun badan-badan untuk aktiviti, tidak akan mencukupi. Itu yang pertama.

Apabila satu-satu badan dimotivasikan dengan sumber kewangan oleh kementerian atau pun jabatan, badan itu akan lenyap apabila wang atau pun *channelling of funds* berhenti. Jadi mesti diwujudkan satu motivasi cara lain. Saya berani bercakap macam ini kerana di Sarawak kita mempunyai pengakap. Pengakap di Sarawak adalah pengakap yang pertama mewujudkan yayasan sendiri. Kita mewujudkan yayasan sendiri untuk memajukan pergerakan pengakap di Sarawak, tetapi persoalannya ialah agenda-agenda tiap-tiap badan ini tidak mencukupi. Kalau satu-satu badan itu dikatakan diwujudkan untuk buat ini sahaja, macam dia ad-hoc, habis benda itu dibuat, dia habis macam itu sahaja.

Bahkan dahulu apabila Rakan Muda mula-mula hendak dilaksanakan, masa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor mengirakan hendak menubuhkan Rakan Muda dahulu, saya pernah mengatakan prasarana dan cara dia mestilah diwujudkan, struktur dan agenda mesti diadakan, misi dan charter dia mesti dilaksanakan, Banyak lagi perkara-perkara yang saya sebutkan mesti dibuat kalau kita hendak melihat sebagaimana Yang Berhormat bagi Sri Aman semalam kata, di mana letaknya Rakan Muda, kita dengar di Parlimen banyak sangat tetapi di Sri Aman sebegitu besar sekali kita tidak lihat Rakan Muda.

Masalahnya, di Filipina ada mempunyai pergerakan yang seumpama Rakan Muda juga yang mana pergerakan itu dibuat dari peringkat daerah, daripada peringkat kampung, ditubuh jawatankuasa-jawatankuasa di kampung, jawatankuasa di daerah, jawatankuasa di peringkat. Kalau di Sarawak ada Bahagian dan peringkat negeri, dan dengan keadaan sedemikian tiap-tiap kampung pun ada jawatankuasa. Kalau dua belas orang tiap-tiap satu jawatankuasa kita sudah ada berpuluh-puluh ribu orang yang boleh aktif dan badan-badan ini boleh dilaksanakan. Kita berikan charter-charter yang tertentu, garis panduan yang tertentu, mengapa aktiviti mesti dibuat dan mesti diolahkan.

Itu badan-badan kalau kita lihat daripada segi pengakap. Mula ditubuh tahun 1907, tetapi pada tahun 1910 ahli pengakap di England sudah mencapai jumlah berpuluh-puluh ribu dan tidak meminta wang daripada kerajaan kerana motivasi adalah atas mereka sendiri, bukan kerana duit daripada kerajaan. Jadi mesti cari mekanisme sebagaimana kalau kita hendak selidik macam mana Hungary buat. Kita boleh guna atau salurkan tax daripada syarikat-syarikat yang hendak menolong badan-badan ini. Tax itu diberi terus kepada badan itu atau dimasukkan ke dalam akaun bank badan ini. Ini terserah dengan syarikat dan syarikat itu memberi 1 % daripada taxnya terus kepada badan ini.

Atau pun dibuat semacam mana dibuat di Amerika di mana dijemput syarikat yang besar-besar menjadi *sponsor* kepada badan-badan yang tertentu supaya tiap-tiap badan ada *sponsors* dia sendiri dan boleh berhubung terus dengan syarikat-syarikat yang tersebut bagi aktiviti-aktiviti. Terima kasih. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Ong Tee Keat: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum Yang Berhormat respons, ini permintaan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lupar, bolehkah saya memberikan sedikit sebanyak pandangan oleh kerana ada lagi 22 kementerian untuk kita selesaikan di peringkat Jawatankuasa ini. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya Yang Berhormat dapat mengutamakan jawapan yang telah disediakan itu.

Dato' Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar telah pun saya jawab tadi, sebelum beliau masuk ke Dewan. Walau pun demikian, saya tetap bersetuju dengan saranan beliau bahawa pemberian peruntukan ataupun bantuan daripada kementerian itu tidak semestinya menjamin kejayaan sesebuah pertubuhan belia, itu tetap saya setuju.

Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan jawapan saya, ada lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, silakan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Dato' Ong Tee Keat: Nanti, Yang Berhormat biar saya jawab dahulu, kalau tidak, tidak sempat nanti. Yang Berhormat Kinabatangan juga menyentuh tentang keberkesanan Rakan Muda Ini merupakan satu-satunya topik yang popular di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, menyedari hakikat bahawa belia adalah aset kepada negara yang bakal mewarisi kepimpinan masa depan seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Kementerian Belia dan Sukan sememangnya menitikberatkan aspek pembinaan jati diri belia dan menganjurkan program dan aktiviti ke arah pembinaan generasi belia yang seimbang, pembangunan dirinya dari aspek rohani jasmani dan mentalnya serta bersemangat patriotik. Dasar Pembangunan Belia Negara memberi penekanan kepada pembentukan belia melalui strategi yang bersepadu yang meliputi pembentukan sikap pembangunan ilmu, pembangunan kemahiran dan keusahawanan, pemupukan daya hidup sihat dan jaringan hubungan antarabangsa.

Pelan tindakan yang disediakan memberi penekanan kepada pengukuhan, kepimpinan dan sahsiah bagi membina kekuatan diri, institusi kekeluargaan, keagamaan dan kemasyarakatan. Kementerian juga menyediakan program latihan kemahiran dan keilmuan serta menyediakan peluang untuk belia memajukan diri dalam bidang sosial dan ekonomi. Aktiviti juga dianjurkan untuk membina semangat kesukarelaan di kalangan belia di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, penekanan khusus diberikan kepada peningkatan usaha pembangunan belia selaras dengan cabaran-cabaran sosial dan ekonomi yang sedang dan akan dihadapi dengan adanya kesan globalisasi dan dunia tanpa sempadan yang kita hadapi sekarang.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga menyarankan agar satu program yang menyeluruh dapat digaris dan dirancang untuk membangunkan jati diri belia. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, program yang dimaksudkan itu sememangnya telah pun digaris dan dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Program teras kementerian bagi melahirkan belia yang ada jati diri telah pun dilaksanakan melalui program khidmat sosial negara. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini pada tahun hadapan adalah dijangka seramai 20 ribu orang remaja lepasan SPM akan menyertai program khidmat sosial negara yang saya maksudkan itu.

Seperti mana yang pernah saya jawab di dalam Dewan yang mulia ini adalah dijangka sebanyak 400 pakej yang setiap pakej melibatkan 50 orang peserta khususnya dari kalangan remaja lepasan SPM di peringkat daerah akan menyertai program khidmat sosial negara yang saya maksudkan. Program ini menekankan kepada pembangunan jati diri patriotisme serta membangunkan potensi remaja itu sendiri.

Tuan Pengerusi, beralih kepada cadangan dan juga pandangan dari Yang Berhormat bagi Sri Aman, suka saya memaklumkan Yang Berhormat bahawa pembangunan sukan itu adalah satu proses yang dinamik dan bukannya statik. Ianya perlu dipelbagaikan dari masa ke semasa mengikut cita rasa golongan sasaran kita, khususnya anak-anak muda kita. Berhubung dengan sukan lasak ini extreme game

perkataan ataupun istilah 'ekstrem' ini biasanya membawa pengertian yang mengelirukan, sebab ini bagi saya ianya tidak extreme dari segi fahaman kita biasa. Sukan lasak yang saya maksudkan itu sebenarnya tidaklah merbahaya seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman sekiranya Yang Berhormat dapat meninjaunya secara dekat.

Untuk makluman Yang Berhormat Sri Aman, hanya peserta yang terpilih sahaja..

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan Jimmy Lim Donald:[Bangun]

Dato' Ong Tee Keat: Nanti, nanti Yang Berhormat, saya habiskan ayat ini dahulu ya. Haya peserta yang terpilih dan terpilih sahaja yang akan dibenarkan menyertai dalam acara-acara sukan lasak itu. Biasanya soal keselamatan itu tetap diberi keutamaan. Yang Berhormat Sri Aman dahulu.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Tuan Pengerusi, yang saya hiraukan walaupun hanya beberapa orang yang istimewa yang dipilih, orang yang kuat, orang yang berani tetapi yang saya takut orang yang tidak dipilih pun terikut-ikut juga di rumah mereka, di padang bola. Anak saya sendiri satu ketika dahulu semasa berumur 6 tahun diberikan baju 'Superman' dia pun hendak terjun dari tingkat atas. Oleh kerana dia merasakan dia sudah menjadi 'Superman', itu yang bahayanya bila kita menubuhkan satu sukan di mana orang yang talented sahaja dipilih tetapi yang tidak talented pun ingin menunjukkan yang dia talented juga dan dia hendak menunjukkannya di kampung-kampung. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan perkara yang seperti ini tidak terjadi.

Dato' Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sebenarnya stunt, dengan izin, yang disebutkan itu tiada hubungkaitnya dengan sukan lasak ini. Untuk makluman Yang Berhormat, bila saya sebut perkataan terpilih tidak bermaksud hanya golongan yang privilege, dengan izin, yang dapat dipilih untuk menyertainya. Apa yang saya maksudkan itu adalah mereka yang telah pun diberikan pendedahan asas, tidak kira sama ada mereka ini berasal dari tengah-tengah kota ataupun dari luar bandar. Jadi, teguran bahawa ini hanya untuk warga-warga kota sahaja itu tidak timbul sama sekali Tuan Pengerusi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sukan lasak walaupun merupakan satu acara sukan yang agak baru di kalangan rakyat kita tetapi Malaysia telah pun berjaya merebut hak penganjuran sukan lasak seAsia mulai tahun hadapan selama tiga tahun berturut-turut sehingga tahun 2004.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Antara acara-acara sukan lasak yang terangkum dalam kejohanan itu termasuk, dengan izin *in line skating, wall climbing, skate boarding, bicycle stunt, wick boarding* dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Sepanjang jawapan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan sebentar tadi, saya melihat ternyata kedudukan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ini merupakan satu kementerian yang agak rumit yang menjadi bahan percakapan kepada semua golongan sama ada pelajar sekolah, golongan belia, orang dewasa, kakitangan kerajaan seterusnya kepada Ahli-ahli Parlimen sendiri. Apakah Yang Berhormat tidak terfikir kalau saya mengatakan Kementerian, Kebudayaan Belia dan Sukan ini sepatutnya kita bahagikan kepada dua, diasingkan ataupun iasa saya begini, sukan ini terletak di bawah Kementerian Pendidikan, Pendidikan dan Sukan kerana perkara ini telah berlaku di Kelantan.

Apabila kita melihat keadaan yang tidak selari daripada persekolahan, murid sekolah memang ada kegiatan sukan sekolah yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Apabila telah naik ke peringkat dewasa ianya duduk di bawah kementerian lain. Jadi, pihak Kerajaan Negeri Kelantan telah meletakkan ianya di bawah Exco Pendidikan dan Sukan. Jadi, itulah yang saya maksudkan, ini adalah untuk menyelaraskan supaya daripada persekolahan ini aktiviti terusan berjalan tidak melalui proses pertukaran di bawah kementerian, iaitu Kementerian Pendidikan dan Sukan. Kementerian Belia, Kerajaan Negeri Kelantan juga meletakkan belia dan wanita sekali dan saya yakin

dan percaya oleh kerana kita melihat dari segi fizik pembangunan wanita ini, Menteri dia pun agak hebatlah, dari segi fizik itu gagah, walaupun nampak setengah orang kata nampak macam Bollywood tetapi tidak begitu [Ketawa] Bollywood itu dari segi rupa paras tetapi dari segi fiziknya lebih, kalau hendak dibandingkan dengan Menteri Belia dan Sukan sendiri, walaupun lelaki tetapi nampak lembut sedikit, tidak sesuai. Jadi saya rasa pembangunan wanita dan beliau ini bersama-sama dengan pembangunan wanita. Jadi, maknanya Menteri Pembangunan Wanita dan Belia. Yang satu lagi ialah Menteri Pendidikan dan Sukan, apakah Yang Berhormat setuju? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ong Tee Keat: Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu sekadar pandangan peribadi beliau ataupun yang berasaskan kepada pengalaman Kerajaan Negeri Kelantan. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa bidang tugas Kementerian Belia dan Sukan ini tetap ada yang overlapping dengan izin atau bertindih dengan kementerian-kementerian yang lain. Itu memang wujud, tetapi ini tidak bermakna bahawa Kementerian Belia dan Sukan tidak dapat bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang berkenaan, umpamanya Kementerian Pendidikan. Yang ini saya akan memberikan penjelasan yang lebih lanjut Yang Berhormat, bagaimana ataupun permuafakatan antara kedua-dua kementerian, setakat mana saya akan kupaskan nanti.

Berbalik kepada jawapan saya untuk Yang Berhormat bagi Sri Aman. Di luar bandar, golongan belia juga dilibatkan dalam program Rakan Muda di bawah kategori rakan masyarakat dengan menerusi kerja-kerja amal dan program gotong-royong. Mereka ini tidak pernah..

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Dato' Ong Tee Keat: Nanti dahulu, mereka ini tidak sekali-kali diketepikan dalam setiap aktiviti sukan dan rekreasi. Bilangan pegawai Rakan Muda yang diperlukan untuk melaksanakan untuk memantau pelaksanaan program Rakan Muda ini tetap tidak mencukupi, itu saya setuju. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan tetap berusaha..

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

Dato' Ong Tee Keat: Nanti, nanti dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batang Lupar, Sri Aman hendak mendengar, dia hendak tengok.

Dato' Ong Tee Keat: Walau bagaimanapun, pihak kerajaan tetap berusaha menambahkan lagi guna tenaga dari segi kepegawaian dari masa ke semasa untuk menampung keperluan yang semakin meningkat. Bila Yang Berhormat bagi Sri Aman menyentuh tentang tiadanya program Rakan Muda ataupun kewujudannya tidak terasa di Sri Aman, saya ingin menyarankan agar NGO ataupun pertubuhan belia tempatan, ianya dapat diaktifkan supaya dapat bekerjasama dengan pegawai jabatan belia dan sukan untuk menggerakkan sesuatu program dan bukannya kita sekarang tidak sepatutnya masih berada di dalam takuk minda yang sedia ada, yang begitu lumrah pada masa yang lampau, di mana pegawai kerajaan dipertanggungjawabkan bulat-bulat untuk menggerakkan sesuatu aktiviti. Sudah sampai masanya kita cuba menggerakkan NGO itu supaya dapat mengilham dan merancang sesuatu dan ianya akan melibatkan pihak berkuasa, pihak jabatan belia dan sukan sebagai fasilitator, dengan izin. Ya Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Lama tunggu membuang masa sahaja Yang Berhormat. Berbalik kepada saya berdiri tadi oleh kerana hendak bertanya soalan extreme game tadi. Sekarang kita akan menjadi tuan rumah kepada extreme game di peringkat rantau ini. Tetapi persoalannya, extreme game ini mungkin ini kawan-kawan ada menyebut mengatakan extreme game ini mungkin Yang Berhormat bagi Sri Aman pun ada menyebut. Sri Aman itu ibu kota Batang Lupar, itulah sebab saya terlibat dengannya tidak boleh jauh sangat.

Jadi, macam mana dia menjadi masalah, kalau di Kucing kita lihat budak-budak bermain skate board dan sebagainya digunakan supermarket, department store

kalau ada railing dan sebagainya digunakan railing, dia naik dan turun railing di hadapan super market dan department store, dia memakai semua itu. Jadi, bukan membahayakan diri dia, fasal dia sendiri susah..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Habis sentence sahaja Tuan Pengerusi. Soal dia sendiri tidak mengapa, tetapi soal orang lain, masyarakat yang datang hendak melihat apa berlaku pergi ke kedai dan sebagainya ini yang menjadi masalah. Soalnya, adakah kementerian merancang untuk mengkorporatkan prasarana extreme game ini dalam semua prasarana-prasarana sukan yang akan dibina di seluruh negara nanti, supaya kita boleh mempopularkan dan mewujudkan prasarana serentak. Terima kasih.

Dato' Ong Tee Keat: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh sambung jawapan petang ini. Dewan bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi: Ya. Timbalan Menteri sila sambung.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Jeli dan Yang Berhormat bagi Batang Lepar membangkitkan mengenai peranan sukan di sekolah-sekolah dalam usaha untuk memajukan sukan dalam tanah air kita.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan memang benar dan oleh kerana itu satu kertas Jemaah Menteri yang disediakan bersama oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan telah diangkat untuk pertimbangan kerajaan dan ianya telah pun dipersetujui. Kertas ini telah mengenal pasti lima bidang yang perlu diberi perhatian, iaitu:-

- (i) program keluasan tapak bakat yang bertujuan untuk meramaikan jumlah atlet yang berpotensi maju dalam bidang sukan;
- (ii) program sukan di IPT dan lepasan sekolah yang bertujuan untuk menggerakkan kegiatan sukan di IPT dan di kalangan atlet lepasan sekolah;
- (iii) program sukan prestasi tinggi yang mencadangkan tindakan-tindakan untuk meramaikan atlet-atlet yang terlatih supaya atlet-atlet yang mampu bersaing di peringkat sukan Asia dan sukan Olimpik dapat dikenal pasti dengan lebih mudah;
- (iv) program peningkatan prasarana sukan yang bertujuan untuk membanyakkan kemudahan sukan di sekolah-sekolah untuk membolehkan murid-murid sekolah dan penuntut-penuntut di IPT melaksanakan kegiatan sukan; dan
- (v) program pengurusan sukan yang menjuruskan penyediaan guna tenaga yang terlatih yang secukupnya seperti jurulatih-jurulatih dan guru-guru pendidikan jasmani yang ditempatkan di sekolah-sekolah.

Bagi melaksanakan persetujuan dasar ini, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan telah menubuhkan lima jawatankuasa untuk mengkaji masalah-masalah yang berhubung kait dengan kelima-lima bidang yang dimaksudkan tadi. Ianya juga membuat cadangan-cadangan pelaksanaan supaya hasrat kerajaan

untuk menjadikan sekolah dan IPT sebagai pusat kegiatan sukan ke arah melahirkan atlet-atlet yang berpotensi maju dapat dicapai.

Yang Berhormat bagi Jeli juga membangkitkan perkara mengenai Pusat Latihan Dataran Tinggi Lojing, Kelantan. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan ingin mengucapkan terima kasih atas persetujuan pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan dalam usaha meluluskan pajakan 99 tahun sekeping tanah seluas 250 ekar kepada Majlis Sukan Negara. Harga pajakan ini bernilai RM3 juta mengikut nilai semasa dan setakat ini sebanyak RM600,000 ataupun 20% daripada harga tanah telah pun dijelaskan sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian. Bakinya akan dijelaskan

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti saya habiskan ayat ini, ya! Bakinya akan dijelaskan sebaik sahaja proses pindah milik pajakan disempurnakan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak berbalik kepada penjelasan yang panjang lebar yang Yang Berhormat berikan tadi mengenai langkah-langkah untuk meningkatkan prestasi sukan dan sebagainya. Dan, sebelum ini kita telah dengar Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengadu tentang prestasi yang merosot.

Saya hendak kaitkan kedua-duanya, nama kementerian kita ini Kementerian Belia dan Sukan tetapi kalau kita tengok, macam-macam program yang diadakan. Ada kes-kes tertentu yang cemerlang dalam sukan bukannya belia. Kita ambil contoh umpamanya *equestrian*, seorang datuk, bukan sahaja dia bergelar Dato' kehormat tetapi dia memang datuk, sudah bercucu – yang cemerlang dalam sukan kuda ini.

Begitu juga sebelum ini satu Sukan SEA yang sebelum kita kendalikan, seorang nenek main *bowling* dapat bawa pingat balik. Jadi, macam mana kementerian koordinasikan antara belia dengan kecemerlangan sukan ini. Kita dengar tadi dari sekolah sampai ke IPTA, tetapi yang cemerlang datuk dan nenek. Bagaimana Yang Berhormat?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada pengamatan dan keprihatinan Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Walaupun apa yang dibangkitkan, contoh yang dibangkitkan itu adalah bersabit dengan seorang datuk dan seorang nenek tetapi ianya tetap tidak bermaksud bahawa hanya golongan yang berumur sahaja yang dapat mencapai kecemerlangan dalam satu-satu acara sukan.

Berbalik kepada nama Kementerian Belia dan Sukan ini. Saya hendak jelaskan bahawa ianya mencakupi dua bidang iaitu belia dan sukan, bukannya sukan khas untuk belia. Di sini ingin juga saya jelaskan bahawa selain daripada contoh yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi terdapat juga banyak *role model*, dengan izin, ataupun juara-juara dari kalangan remaja, dari kalangan belia yang telah pun dapat mengangkat martabat negara kita dalam acara sukan di pelbagai peringkat.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada jawapan saya tadi, saya ingin lanjutkan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli. Sejumlah RM28 juta sesungguhnya telah pun diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Projek ini akan dibangunkan dalam tiga fasa iaitu:-

- (i) fasa yang pertama, dalam tahun 2002 iaitu fasa yang menumpukan kerja-kerja ukur *topography*, kajian kesan alam sekitar (EIA) serta kerja-kerja menyediakan pelan induk; sedangkan
- (ii) fasa yang kedua, meliputi tahun 2003 dan tahun 2004 adalah tertumpu kepada kerja-kerja infrastruktur asas seperti jalan masuk, bekalan air dan bekalan elektrik;
- (iii) fasa ketiga, yang akan dilaksanakan pada tahun 2004, 2005 akan menumpukan kepada kerja-kerja pembangunan pusat latihan yang mengandungi komponen-komponen asrama yang mampu memuatkan seramai 150 orang serta

kemudahan *gymnasium* latihan, dewan serba guna dan padang.

Pembangunan pusat latihan dataran tinggi ini akan dilaksanakan mengikut jadual yang dinyatakan dan tidak semestinya perlu siap sebelum Lebuhraya Simpang Pulai, Gua Musang siap seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli.

Satu perkara yang perlu saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, iaitu langkah yang lebih berhati-hati perlu diambil untuk mengelakkan hakisan tanah daripada berlaku di tapak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bachok membangkitkan perkara yang berhubung kait dengan penyediaan kompleks Belia dan Sukan di peringkat akar umbi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini semua negeri mempunyai Kompleks Belia dan Sukannya sendiri.

Kementerian sedang merancang untuk membina 18 buah pusat Rakan Muda di seluruh negara sebagai kompleks untuk kegiatan Belia dan Sukan khususnya di peringkat daerah. Kementerian sentiasa berusaha untuk menambahkan lagi bilangan pusat Rakan Muda untuk menjayakan program-program Rakan Muda. Di samping itu juga, kemudahan sukan juga disediakan oleh pihak berkuasa tempatan, khususnya di peringkat daerah dan kampung.

Itulah sebabnya sudah pun berulang kali saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa bukan segala kemudahan kesukan khususnya di peringkat akar umbi ini adalah di bawah jagaan ataupun kelolaan Jabatan Belia dan Sukan. Sebenarnya banyak yang di bawah kelolaan pihak berkuasa tempatan.

Yang Berhormat bagi Bachok juga minta supaya Kerajaan Negeri Kelantan turut terlibat dalam perancangan sukan di negeri Kelantan, khususnya rancangan yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negeri Kelantan. Sesungguhnya projek Majlis Sukan Negeri Kelantan ini dibiayai oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sepenuhnya.

Perancangan dilakukan dengan berpandukan kepada kewangan dan tujuan untuk membangunkan sukan di negeri Kelantan. Dan, untuk makluman Yang Berhormat bagi Bachok khususnya, saya ambil contoh misalnya tahun ini, tahun 2001, jumlah peruntukan yang dikhususkan untuk Majlis Sukan Negeri Kelantan itu mencecah RM1 juta.

Pada hakikatnya, Tuan Pengerusi, kementerian tidak sekali-kali menghalang mana-mana pihak termasuk juga pihak Kerajaan Negeri daripada merancang bahkan melaksanakan program-program yang dapat memanfaatkan kaum belia dan juga dapat membangunkan sukan dalam negeri yang berkenaan. Ianya banyak bergantung kepada inisiatif dan daya usaha dari pihak yang berkenaan khususnya pihak kerajaan negeri. Dalam erti kata lain, pembangunan sukan dan belia tetap merupakan satu-satunya tanggungjawab bersama yang dipikul oleh Kerajaan Pusat serta kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sri Gading banyak menyentuh tentang prestasi acara-acara sukan yang tertentu dalam negara kita. Saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan beliau selama ini terhadap perkembangan dan juga pembangunan sukan khususnya dalam acara-acara sukan yang tertentu dalam tanah air kita.

Namun demikian, saya ingin juga menyarankan agar soal menang kalah dalam sesuatu pertandingan atau acara sukan tidak sepatutnya dijadikan ataupun dianggap sebagai faktor penentu tunggal untuk memastikan kejayaan pembangunan sukan. Kadangkala kita menang, kadangkala kita juga kalah ataupun kita mengalami kenebak yang tertentu tetapi kesemuanya itu adalah bukan sahaja merupakan satu dugaan kepada kita tetapi ianya perlu ditangani, perlu diatasi.

Kejayaan sukan sesungguhnya bergantung kepada beberapa aspek, seperti kewangan, jurulatih yang cekap, kemudahan-kemudahan dan yang penting sekali adalah kesungguhan para atlet. Mutu sukan negara kita, pada amnya telah pun meningkat sebagai yang ditunjukkan oleh kejayaan kontinjen Malaysia yang berjaya menjadi juara dalam Sukan SEA Yang ke-21 baru-baru ini dan pasukan bola sepak, ini yang banyak menarik minat dari kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat, dan ianya juga

telah berjaya masuk ke pertandingan akhir sejak tahun 1989, walaupun kita telah mengalami musim kemarau sekian lama tetapi ianya tetap tidak sekali-kali mematahkan semangat kita dalam memajukan ataupun membangunkan acara sukan bola sepak.

Sedangkan pasukan badminton kita telah berjaya memenangi dua pingat emas dan menang dalam cara berpasukan iaitu kali yang pertama kita mencapai kecemerlangan selepas tahun 1991 di Sukan SEA di Manila.

Tuan Pengerusi, di sini izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk membetulkan satu anggapan yang kurang tepat iaitu apa yang disarankan tadi oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading mengenai sukan untuk negara itu sebenarnya kalau tidak silap saya, ianya sepatutnya dikenali sebagai sukan untuk semua, itu bukan sekadar cogan kata ataupun slogan semata-mata, sebaliknya ianya merupakan satu-satunya dimensi dalam pembangunan sukan negara kita, sukan untuk semua, maksudnya ianya mencakupi segala lapisan masyarakat dan bukannya terhad kepada atlet-atlet yang tertentu sahaja.

Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, terima kasih, terima kasih Dato' Timbalan Menteri, bercakap tentang soal prestasi sukan, walau apa pun, saya juga mengucapkan tahniah kepada kontinjen Malaysia kerana berjaya menjadi johan keseluruhan dalam Sukan SEA baru-baru ini.

Tetapi namun begitu, kita juga tidak seharusnya hanya melihat pencapaian dengan jumlah pingat semata-mata tetapi kita juga harus melihat kepada jumlah pingat emas yang kita perolehi itu adakah daripada sukan-sukan yang popular ataupun sukan-sukan yang baru diperkenalkan dalam Sukan SEA, tetapi dari sudut sukan-sukan yang popular ini. Bagi sayalah, bahawa kita masih jauh ketinggalan, umpamanya seperti yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Sri Gading, tentang pencapaian skuad bola sepak kita.

Dari sudut rangkingnya kalau mengikut rangking *FIFA world ranking* pada Februari 2001, dari sudut rangking Asianya kita masih berada di tempat yang ke-18, rangking dunianya kita masih berada pada rangking yang ke-108, kedudukannya, maknanya masih jauh sedangkan sebelum ini standard bola kita sebelum itu, kalau di sebelah Asianya, Korea Selatan, Jepun semasa Kamimoto dahulu, maknanya standard kita sama setaraf dengan Jepun dan Korea Selatan tetapi kita jauh ke belakang sekarang ini, umpamanya Jepun rangking ia yang ke-40 di peringkat dunia, Asia nombor tiga, Korea – 42, Asia yang keempat, maknanya kita terlalu masih jauh. Sedangkan soal pembangunan sukan kita ada akademik bola sepak di setiap negeri, 12 akademik bola sepak di negeri-negeri. Kemudian ada sekolah-sekolah sukan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dan sebagainya tetapi masih kita lihat bahawa belum memperlihatkan kita dapat melahirkan orang-orang yang dilatih itu menjamin kelangsungan mereka dalam kegiatan sukan.

Walaupun ada yang telah mewakili negara tetapi sebahagian besarnya daripada jumlah yang besar yang kita latih di akademi bola sepak ini tetapi sampai separuh jalan, mereka habis begitu, tidak ada satu kepastian kelangsungan penglibatan mereka dalam sukan-sukan ini. Kenapa ini berlaku. Apakah bentuk pemantauan yang dibuat oleh kementerian terhadap akademi-akademi, sukan, seperti bola sepak dan sebagainya yang dikendalikan oleh FAM itu sendiri, supaya kita mencapai matlamat apa yang kita hendak.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa bukan semuanya akademi yang dimaksudkan itu dikendalikan oleh kementerian ataupun Jabatan Belia dan Sukan. Itulah sebabnya sering kali Yang Berhormat bagi Pokok Sena mungkin keliru tentang bezanya bidang tugas dan bidang kuasa di antara pihak kementerian ataupun pihak jabatan di peringkat negeri dengan pertubuhan-pertubuhan sukan kebangsaan.

Dan apa Yang Berhormat sarankan tadi iaitu negara-negara yang sudah maju dalam bidang sukan, umpamanya Jepun dan Korea Selatan, negara-negara yang berkenaan sesungguhnya telah mengalami banyak juga ujian getir sebelum ianya maju ataupun mencapai tahap yang sedia ada sekarang. Dan negara kita walaupun kita telah berjaya menganjurkan beberapa temasya sukan yang berprestij serta berjaya

menyediakan kemudahan sukan yang canggih seperti apa yang ada di Bukit Jalil tetapi kita kena menerima satu hakikat bahawa kita masih muda lagi dalam pembangunan sukan khususnya di peringkat antarabangsa.

Walaupun demikian, kejayaan kita dalam Sukan SEA baru-baru ini tetap akan memberikan kita dorongan dan galakan yang sewajarnya untuk menyediakan atlet-atlet kita sebelum kita menghadapi temasya sukan umpamanya, Commonwealth Games di Manchester dan juga Sukan Asia di Pusan tahun hadapan.

Tuan Pengerusi: Ya, ada tiga, hendak beri jalan kepada siapa?

Datuk Ong Tee Keat: Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, terima kasih. Semalam pukul 6.30 siaran televisyen ada menyiarkan seorang atlet lumba basikal, beliau mendakwa bahawa SEA Games telah berlepas dua bulan yang lebih tetapi sampai hari ini beliau masih belum mendapat pingat gangsa yang beliau menangi itu dan Kementerian atau badan-badan sukan telah berjanji berkali-kali untuk memberi kepada dia pingat gangsa itu tetapi sampai sekarang belum lagi dapat. Ya, tolong memberi penjelasan.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih atas peringatan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan, saya tetap akan menyemak dengan Jawatankuasa Pengelda Sukan SEA yang berkenaan.

Berbalik kepada butir-butir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Tuan Pengerusi: Ya, hendak beri jalan kepada siapa?

Datuk Ong Tee Keat: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi terima kasih dan juga Datuk Timbalan Menteri. Ini ada dua, saya lihat kita kena perlu pembedulan. Yang Berhormat bagi Bagan tadi bertanya bahawa memang betul ada tetapi dalam paper hari ini, dua-dua pingat yang dipinjam, hari ini sudah terima pingat mereka. Jadi mungkin *out of date* sedikitlah, dia punya informasi tidak begitu tepatlah daripada Yang Berhormat bagi Bagan ini.

Saya sudah tahu bahawa mereka sudah menerima hari ini, dua pingat, satu gangsa dan satu perak. Ini pembedulan.

Yang kedua, tidakkah Kementerian Belia dan Sukan ini berhasrat untuk bertanya kepada khususnya Pemuda PAS, apakah sebenarnya sumbangan Pemuda PAS ke arah pembangunan sukan dalam negara, lebih-lebih lagi bola sepak, kerana kalau kita dengar komen-komen, bicara-bicara mereka di luar dalam ceramah-ceramah bahawa permainan bola sepak itu bagi mereka haram, kerana permainan dia mendedahkan aurat. Hari ini di dalam Dewan mereka pula bertanya kemajuan sukan itu sendiri. Di mana yang betul ini, di luar cakap lain, di dalam Dewan cakap lain. Di mana sebetulnya pendirian Pemuda PAS.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu tidak bersangkut dengan apa yang diucapkan tadi. Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan, kita tidak ada masa ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, saya mahu *recall* saya punya ucapan daripada kelmarin. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri. Saya ada mencadangkan program jangka panjang termasuk mewujudkan kumpulan belia di pusat beli belah. Jadi bagaimana, adakah kerajaan sudah pun mempunyai perancangan ini ataupun bagaimana keadaannya. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, bersabit dengan soalan yang ketiga tadi, yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan itu, suka saya maklumkan Yang Berhormat bahawa Program Rakan Muda sesungguhnya mencakupi Program Rakan Muda di pusat-pusat membeli belah. Ini khusus disasarkan kepada kaum remaja yang suka lepak di pusat-pusat membeli belah dan setakat ini ianya telah pun mendapat kerjasama dan juga penyertaan dari pihak pengusaha pusat-pusat membeli belah dan mungkin di kawasan Yang Berhormat bagi Kinabatangan belum ada lagi program yang sedemikian rupa, itulah sebabnya Yang Berhormat bangkitkan.

Saya juga ingin menyarankan agar Yang Berhormat dapat menggerakannya, dapat menggerakannya bersama dengan usaha dari pihak pengelola ataupun pengusaha pusat-pusat membeli belah.

Tuan Pengerusi: Ya, ada dua lagi, hendak beri kepada siapa ini?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bersangkut dengan yang diucapkan tadi.

Datuk Ong Tee Keat: Ya, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Datuk Timbalan Menteri, sebab saya tak sempat berucap tadi, tidak ada peluang. Tentang soal bola sepak tadi, akademi sukan itu. Saya sendiri sebut dan saya tahu bahawa akademi itu bukanlah dikendalikan sepenuhnya oleh kementerian, saya sebut tadi oleh negeri-negeri, persatuan bola sepak negeri dan oleh Kementerian Pendidikan.

Tetapi yang saya hendak maksudkan di sini ialah bagaimana bentuk pemantauan yang dibuat oleh kementerian sendiri, sedangkan kementerian ini bertanggungjawab terhadap pembangunan sukan. Sudah tentu seharusnya berlaku satu pemantauan terhadap program perancangan pembangunan sukan-sukan khususnya bola sepak ini supaya mencapai kepada matlamat yang dikehendaki oleh kementerian itu sendiri. Seolah-olah sekarang ini kita lihat bahawa pencapaian yang dibuat oleh negeri-negeri ini tidak menghasilkan sesuatu yang boleh kita banggakan berdasarkan kepada peruntukan kewangan yang besar, yang dikeluarkan oleh persatuan-persatuan ini tetapi ke arah untuk melahirkan pasukan ataupun pemain-pemain yang baik, saya rasa masih jauh kalau berbanding dengan jumlah penyertaan mereka yang terlibat dalam akademi sukan itu sendiri.

Kemudian tentang soal Sukan Asia di Pusan dan juga Sukan Komanwel di Manchester. Saya hendak minta penjelasan, apakah kriteria untuk khususnya olahraga untuk kita hendak menghantar peserta-peserta kita dalam olahraga ini, sebab saya bimbang takut nanti ia akan jadi macam Sukan Olimpik satu ketika dahulu. Kita menghantar peserta-peserta di peringkat olahraga umpamanya, dengan tidak melihat kepada pencapaian larian, umpamanya kalau 100 meter, kita hantar dengan hanya kita pilih kepada mereka yang mencapai larian yang sudah kita nampak, pencapaian itu kalau kita hantar pun pasti kalah. Ini bermakna bahawa kita menghabiskan duit ataupun menghabiskan perbelanjaan sedangkan kita tahu bahawa mereka itu kalau pergi mesti kalah, sebab pencapaian yang telah dicapai oleh umpamanya Watson Nyambek dan sebagainya kalau hendak banding dengan pelari-pelari daripada negara-negara lain dalam Sukan Olimpik, masih jauh ketinggalan.

Maknanya kita sudah tahu bahawa kita akan kalah tetapi kita hantar juga. Akhirnya ia tidak memberikan apa-apa hasil dan ini lebih banyak merugikan. Adalah lebih baik sepatutnya kita menghantar sukan-sukan yang memang mempunyai prestasi yang berdaya maju, yang menunjukkan prestasi yang baik untuk kemajuan sukan negara ini, untuk menjadi imej negara itu sendiri.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sebelum saya jawab soalan Yang Berhormat mengenai kriteria ataupun kayu pengukur tentang pemilihan atlet dalam acara olahraga itu mungkin nanti jika saya ada masa, saya akan huraikan, secara khusus mengenai Sukan Asia yang akan berlangsung di Pusan.

Sebelum itu, saya hendak jawab secara ringkas apa yang disarankan tadi oleh Ahli Yang Berhormat bahawa tugas pemantauan kementerian. Ini sekali lagi membuktikan bahawa Yang Berhormat masih terkeliru sebab pemantauan dan penyelarasan yang dimaksudkan itu sepatutnya dipikul oleh pertubuhan sukan yang berkenaan di peringkat kebangsaan, untuk menyelaraskan usaha-usaha ataupun perancangan-perancangan di peringkat negeri dan bukannya bulat-bulat dipikul oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Kementerian Belia dan Sukan sebagai sebuah kementerian yang menentukan dasar bersabit dengan pembangunan sukan. Kami boleh memberi nasihat, boleh memberi bantuan dalam pelbagai bidang tetapi kami perlu menghormati kuasa autonomi yang ada pada pertubuhan-pertubuhan sukan di peringkat kebangsaan itu.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut, ini secara khusus menyentuh tentang kemelut olahraga. Kemelut olahraga didapati menjejaskan prestasi olahraga, khususnya dalam Sukan SEA baru-baru ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri telah pun menubuhkan

satu jawatankuasa petugas untuk meneliti punca-punca masalah dan mencadangkan cara-cara mengatasinya, pelantikan jawatankuasa petugas yang dimaksudkan itu adalah menurut Akta Pembangunan Sukan. Sedangkan sukan sepak takraw yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga mengalami kemerosotannya, bukan sahaja dibandingkan dengan negeri Thailand tetapi juga pasukan kita telah pun tertewas di tangan Myanmar.

Tindakan untuk melatih pemain-pemain pelapis sepak takraw sedang dijalankan untuk memulihkan mutu sukan sepak takraw. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seorang jurulatih dari negara Thailand telah pun diambil untuk membantu pemain-pemain pelapis ini. Kejohanan antarabangsa pada tahun 2002 yang dibangkitkan sesungguhnya meliputi kejohanan hoki dunia, kejohanan golf berpasukan dan kejohanan golf Asia Pasifik wanita yang dibantu dari segi kewangan oleh pihak kementerian.

Yang Berhormat Larut juga membangkitkan ketidakhadiran Yang Berhormat menteri dan saya dalam pertandingan akhir bola sepak baru-baru ini. Sukalah saya menyarankan kepada Yang Berhormat bahawa usaha dan keprihatinan Menteri dan Timbalan Menteri terhadap mana-mana satu acara sukan termasuk bola sepak tidak sewajarnya dihakimi dengan bulat-bulat berasaskan kepada kehadiran dalam satu-satu acara ataupun satu-satu pertandingan sahaja. Ini juga boleh dibayangkan ataupun dsamakan dengan ketidakhadiran seseorang wakil rakyat pada hari yang tertentu dalam Persidangan Parlimen. Bila seseorang itu tidak hadir sehari dua ataupun pada hari yang tertentu, tidak bermakna bahawa wakil rakyat yang berkenaan langsung tidak minat ataupun tidak *committed* dengan izin kepada urusannya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Datuk Ong Tee Keat: Ya, Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sebutkan itu bukan apa, kerana saya sebut sejak 1998. Itu 1998, saya tidak ganjak kepada tarikh-tarikh lain, itu sahaja. Tetapi kalau sibuk sangat tidak apalah. Saya cuma membangkitkan perkara ini kerana dengan izin, *leadership by example*. Kita hendakkan supaya kehadiran pemimpin terutamanya pihak menteri, saya boleh terima kalau setakat sekali tetapi saya sebutkan ini daripada 1998, seingat saya tidak ada daripada kementerian. Itu sahaja tetapi bukanlah kalau terlalu sibuk dalam tiga tahun itu tidak berupaya hendak buat apalahkan.

Saya hendak sentuh sedikit Yang Berhormat, ada mengatakan tadi lenapa kejohanan yang ditaja oleh kementerian di peringkat antarabangsa cuma membabitkan tiga sahaja jenis, hoki, golf dan satu lagi yang membabitkan wanita. Boleh saya tahukah kenapa tiga sukan, adakah ini sahaja yang memberi sumbangan kepada negara. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat Larut. Sebenarnya pada tahun 1998, masa itu belum lagi dirombak Jemaah Menteri, ini yang pertama. Yang keduanya, sekiranya terdapat jemputan Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat boleh bantu juga, apa salahnya kalau saya dan juga menteri sendiri – bukan sibuk tetapi akan cuba dengan sedaya upaya kami untuk memperkongsikan keceriaan yang ada dalam sesuatu pertandingan itu.

Dan berbalik kepada apa yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Larut, sebenarnya bukan sahaja tiga temasya sukan, tiga kejohanan antarabangsa sahaja yang akan kami anjurkan, jauh lebih daripada itu. Cuma satu sahaja Yang Berhormat, bukan semuanya acara-acara sukan yang bertaraf antarabangsa itu bulat-bulat dibiayai oleh Kementerian Belia dan Sukan. Ada sesetengahnya dibiayai oleh pihak swasta ataupun separuh ditaja oleh pihak swasta, itu sebabnya saya tidak sebut semua. Sebab apa yang disoal itu adalah apa yang kita bahaskan hari ini adalah acara-acara sukan yang mana yang dibiayai ataupun yang ditanggung bulat-bulat oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Larut juga menyentuh tentang Sukan Asia yang akan berlangsung di Pusan Korea Selatan pada tahun depan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebanyak 37 jenis sukan akan dipertandingkan di temasya sukan yang diadakan setiap 4 tahun sekali. Pada tahun 1998 di Bangkok kontinjen Malaysia telah pun memenangi 5 pingat emas, 10 perak dan 14 gangsa. Dan sebagai persediaan untuk menghadapi Sukan Asia ini, Majlis Sukan Negara bersamasama persatuan-

persatuan sukan kebangsaan telah pun mengenal pasti atlet-atlet dari kira-kira 21 sukan untuk menjalani latihan menghadapi sukan yang berkenaan. Atlet-atlet ini akan meneruskan latihan selepas selesainya Sukan SEA yang baru lalu. Atlet-atlet dari acara renang, terjun, renang irama, olahraga, gimnastik, gimrama, billiard dan snooker, badminton, squash, golf, angkat berat, bina badan, bowling, berbasikal, hoki lelaki, menembak, wushu, sepak takraw, tae-kwan-do, pelayaran, equestrian dan karate adalah antara sukan-sukan yang atletnya dikenal pasti.

Harapan kita untuk memenangi pingat adalah melalui atlet-atlet sukan renang, badminton, squash, angkat berat, bina badan, bowling, berbasikal, wushu, sepak takraw, pelayaran, equestrian dan karate. Atlet-atlet ini akan menjalani latihan di dalam dan di luar negeri dan diikuti oleh pertandingan-pertandingan yang sesuai sama ada di dalam dan di luar negeri.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kepong juga menyentuh serba sedikit tentang program sukan untuk semua. Untuk makluman Yang Berhormat, program sukan untuk semua telah pun melibatkan 17%.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Mmm...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat sebut tentang jenis-jenis sukan yang dikenal pasti untuk Sukan Asia di Pusan, kemudian saya pun tidak ingat jumlah sebab terlalu banyak. Kemudian dikenal pasti juga sukan-sukan yang dijangka akan dapat memenangi pingat. Kalau tidak silap saya daripada Yang Berhormat sebut maknanya bukan kesemua sukan yang dikenal pasti itu dijangka akan mendapat pingat. Jadi soalan saya hendak tanya ini, adakah yang dikenal pasti mengatakan bahawa sebahagian yang dijangka tidak akan dapat pingat adakah itu juga akan dihantar untuk ke sukan Pusan? Dan kalau hendak dihantar apakah munasabah hanya sekadar hendak beri peluang dan sebagainya tetapi kita tahu memang akan kalah dan dari segi kos dan sebagainya tidakkah ini akan memberikan pulangan yang agak tidak membanggakan kita?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sekiranya kita hanya meninjau dari sudut prestasi ataupun kecerahan peluang kita dalam sesuatu acara sukan yang dipertandingkan itu, saya rasa itu tidak memadai, itu kurang menyeluruh. Sebaliknya acara-acara sukan yang tertentu walaupun tidak semestinya kita boleh menang tetapi tetap wajar dan perlu kiranya kita menghantar atlet kita untuk menyertainya supaya mereka ini dapat menimba pengalaman khususnya dalam temasya sukan yang berprestij di peringkat antarabangsa, ya, Yang Berhormat.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Kepong.....

Tuan Pengerusi: Larut bangun.

Datuk Ong Tee Keat: ya, Yang Berhormat Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat ada menyebut bahawa kementerian telah pun melantik jurulatih daripada Thailand untuk sepak takraw menghadapi Sukan Asia. Adakah masalah jurulatih ini ataupun kemelut yang dihadapi oleh Persatuan Sepak Takraw itu menyebabkan prestasi permainan sepak takraw ini menurun? Minta sedikit pandangan daripada pemantauan kementerian.

Datuk Ong Tee Keat: Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, dalam mana-mana satu pertubuhan sukan kebangsaan, kiranya timbul kemelut ataupun perbalahan dalaman, tetap ianya akan menjejaskan prestasi dan juga moral, semangat pasukan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya berbalik kepada butir-butir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong. Program sukan untuk semua telah pun melibatkan 17% daripada jumlah rakyat Malaysia. Jumlah ini adalah menggalakkan dan kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan peratusan ini dan cuba dengan sedaya upaya untuk melibatkan seluruh rakyat Malaysia agar dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang sihat atas konsep 'Malaysia Cergas'.

Yang Berhormat Kepong juga menyentuh satu isu lapuk, tetapi isu lapuk ini telah pun seringkali dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong iaitu berhubung kait

dengan akaun kewangan SUKOM – Sukan Komanwel. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, soal akaun kewangan yang berkenaan tidak dapat dimuktamadkan bukan kerana kelembapan mana-mana pihak tetapi sebaliknya ianya diakibatkan oleh wujudnya beberapa kes tuntutan dan kes saman yang masih lagi menunggu masa untuk dibicarakan di mahkamah.

Yang Berhormat Selangau membangkitkan soalan yang berhubungkait dengan ura-ura membina Kompleks Belia dan Sukan di daerah Tatau dan Selangau. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Belia dan Sukan belum ada lagi sebarang cadangan untuk membina kompleks yang berkenaan. Walaupun demikian, Yang Berhormat tetap boleh meminta kerajaan negeri mengemukakan cadangan kepada pihak kementerian mengenai perkara ini dan mengesyorkan tapak yang sesuai untuk dipertimbangkan oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi: Selangau.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tapak tanah untuk kompleks sukan di daerah Tatau telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat, Ketua Menteri Sarawak semasa pilihan raya yang lalu dan tiang telah dipacak dan dibuat dan setakat ini saya ingin tahu bilakah pembinaan akan dilaksanakan. Tapak tanah telah dikenal dan dirasmikan dan tiang pun telah dirasmikan dan dipacak. Saya ingin tahu bilakah pelaksanaan kompleks sukan atau mini stadium di daerah Tatau itu. Sekian, terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, syabas diucapkan kepada pihak kerajaan negeri kerana telah pun mengisytiharkan satu lagi projek yang memanfaatkan rakyat Sarawak khususnya di daerah Tatau. Tetapi apa yang penting sekarang ini bukan sekadar pelancaran sahaja, sebab itu, selepas kemenangan besar, Yang Berhormat boleh menyusulinya secara rapat dengan pihak kementerian supaya ianya dapat disegerakan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Selangau juga menyentuh tentang perlunya pelaksanaan program kemahiran untuk anak-anak muda di kawasan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah pun menganjurkan berbagai program kemahiran di seluruh negara. Antaranya termasuk program kemahiran di Institut Kemahiran Belia Negara atau IKB, program latihan tidak formal di Kompleks Belia dan Sukan Negeri, di semua negeri termasuk juga di Sabah dan Sarawak. Program perantisan atau *apprenticeship* dengan izin, perantisan belia negara dan latihan sambil bekerja di peringkat daerah di seluruh negara.

Kesemua program ini terbuka kepada semua belia di seluruh negara mengikut kesesuaian kelayakan akademik yang ditetapkan. Program-program ini sentiasa dipertingkatkan dari segi kuantiti dan kualitinya dari semasa ke semasa bagi memberi peluang kepada seramai mungkin belia lepasan sekolah di seluruh negara.

Tuan Pengerusi: Ya, Sipitang.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan belia ini. Terima kasih kerana adanya program untuk melatih belia ini. Tetapi siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti belia-belia ini di peringkat daerah kerana selama ini kita dapat tahu bahawa belia-belia ini tidak tahu ke arah mana tuju hala mereka dan selalunya apakah rancangan kementerian untuk mengawasi belia ini iaitu di setiap daerah itu selalunya belia-belia ini dia berpuak-puak. Dia ada ketua dia. Misalnya ketua lumba kereta haram atau ketua kumpulan lepak. Apakah kerajaan akan membuat pendekatan supaya mengenal pasti ketua-ketua kumpulan ini dan barulah pengikut-pengikutnya dapat dibawa. Misalnya yang saya katakan kereta haram ini siapakah ketua dia dan mereka ini sepatutnya dilatih untuk aktiviti yang mereka suka.

Kadang-kadang pegawai belia negeri atau daerah mengambil belia-belia membawa kepada satu aktiviti yang mereka tidak minat. Jadi sebab itulah usaha-usaha ini gagal. Jadi apakah usaha kementerian supaya masalah belia ini dapat kita atasi atau tangani mengikut keperluan belia itu bukan mengikut pegawai yang mengenal pasti. Minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saranan Yang Berhormat dari Sipitang tadi tepat pada tempatnya sebab inilah satu-satunya yang pihak kementerian

alami dalam penilaian keberkesanan Program Rakan Muda khususnya. Dan itulah sebabnya seperti mana yang pernah saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini dalam pelaksanaan program rakan muda, perlu juga kita mengambil bukan sahaja mengambil maklum tetapi mengambil kira cita rasa dan selera kaum remaja yang kita sasarkan itu. Dan itulah sebabnya terdapat program-program baru yang tertentu umpamanya sukan bermotor. Sukan bermotor ini tidak sekali-kali menggalakkan lumba haram tetapi ianya semata-mata untuk menarik minat mereka yang telah pun sekian lama melibatkan diri dalam acara-acara lumba haram yang tidak sihat itu.

Jadi dengan cara sedemikian rupa sekurang-kurangnya mereka dapat dikawal secara rapi oleh pihak berkuasa dan sekurang-kurangnya kita juga dapat menyediakan peluang dan ruang kepada mereka supaya dapat menyalurkan tenaganya secara membina secara '*constructive*' dengan izin dalam acara sukan yang tertentu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bentong, menyentuh tentang peruntukan bagi program khidmat sosial negara yang berjumlah RM5 juta. Untuk makluman Yang Berhormat jumlah RM 5 juta itu sebenarnya merupakan satu titik tolak sahaja.

Seperti mana yang pernah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, bilangan peserta yang dijangka akan menyertai program khidmat sosial negara tahun depan menjangkau 20,000 orang dalam erti kata lain ianya meningkat 1,117 pada tahun ini. atau pun ianya meningkat sebanyak hampir-hampir 20 kali ganda.

Oleh yang demikian jumlah peruntukan yang diperlukan itu tetap akan lebih daripada apa yang ada sekarang. Perangkuman seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Bentong, ianya tetap akan mengambil kira keperluan berbagai kaum, berbagai golongan khususnya mereka yang duduk di kawasan estet dan di kawasan Kampung Baru. Sebab seperti mana yang kita sedia maklum bahawa program ini adalah untuk semua. Rakan Muda

Tuan Pengerusi: Bentong bangun.

Datuk Ong Tee Keat : Ya.

Tuan Liow Tiong Lai: Tuan Pengerusi, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mendapatkan penjelasan berkenaan program khidmat sosial memandangkan peruntukan adalah ala kadar atau tidak mencukupi, adakah kerajaan akan memberi insentif kepada syarikat-syarikat untuk memberi tajaan kepada penaja program-program khidmat sosial seperti ini. Saya rasa penglibatan pihak swasta adalah penting untuk menjayakan program yang baik ini dan akan meluaskan lagi skop khidmat sosial negara.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, selama ini pihak kementerian tidak pernah menolak sebarang tajaan atau ura ura hendak menaja program yang dianjurkan oleh pihak kementerian demi kepentingan kaum remaja, kaum belia kita. Sebelum saya beralih kepada soal Rakan Muda yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bentong, suka saya tambah sedikit kepada apa yang saya sebutkan tadi untuk program khidmat sosial negara iaitu pelaksanaan program ini adalah dijangka akan diperluaskan perangkumannya ke peringkat akar umbi khususnya di peringkat daerah dan kesemuanya terdapat 400 pakej dan setiap pakej meliputi melibatkan 50 orang peserta akan berlangsung di setiap daerah.

Saya juga berharap wakil-wakil rakyat kita akan dapat turut melibatkan diri dalam pergerakan program-program seperti ini.

Yang Berhormat Bentong juga menyentuh tentang satu contoh spesifik mengenai permohonan bantuan peruntukan untuk membiayai pelaksanaan program rakan muda ataupun program yang dianjurkan oleh belia di peringkat daerah. Tetapi malangnya tidak dapat diluluskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, biasanya permohonan sedemikian rupa tertakluk kepada budi bicara pegawai yang berkenaan. Walaupun demikian tetap saya hendak jelaskan bahawa dalam pelaksanaan program rakan muda tetap mencakupi Rakan Seni Budaya. Seperti mana Yang Berhormat bangkitkan tadi. Seni budaya itu tetap terangkum dalam program rakan muda.

Pesta Tanglung, pada hemat saya ianya juga boleh dirangkumi. Boleh disifatkan sebagai salah satu acara seni budaya.

Tuan Pengerusi, akhir sekali untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah. Sukalah saya menangkis dakwaan atau saranan bahawa negeri Kelantan dianaktirikan dari segi pemberian peruntukan dan penyediaan prasarana sukan. Itu tidak benar sama sekali. Seperti mana yang saya sebutkan tadi Majlis Sukan Negeri Kelantan sesungguhnya telah pun diberi peruntukan sebanyak RM1 juta bagi tahun ini.

Di samping itu contoh yang dibangkitkan Yang Berhormat bagi Tanah Merah iaitu padang hoki. Rupanya disifatkan sebagai daif dan dalam keadaan yang kurang menyenangkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, padang hoki di Kota Bharu sesungguhnya telah pun diganti dengan yang baru dengan bantuan Majlis Sukan Negara tak berapa lama dahulu. Banyak negeri selain negeri Kelantan hanya mempunyai satu *turf* sahaja tetapi dalam kes ini jelaslah bahawa dengan adanya padang hoki yang baru diganti itu, saya berharap sekurang-kurangnya pihak negeri Kelantan akan dapat membangunkan acara sukan yang berkenaan dengan lebih giat dan *'confident'* lagi.

Tuan Pengerusi: Jeli bangun.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ingin saya menyentuh tentang masalah yang bakal timbul kepada pembangunan sukan negara kerana seperti sedia maklum ahli-ahli sukan dan juga juara-juara sukan itu hendaklah dibangunkan daripada bangku sekolah lagi.

Seperti mana yang sebutkan dalam ucapan saya bahawa yang menyedihkan akhir-akhir ini oleh kerana kegelojohan Kementerian Pendidikan membina bangunan-bangunan tambahan sehingga tidak mengambil kira kawasan-kawasan lapang yang sememangnya terhad kepada sekolah-sekolah.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang Berhormat, dalam penjelasan hanya dibenarkan bertanya pada benda yang sedang berucap itu. Tadi yang dia berucap itu berkenaan dengan pertolongan kepada negeri Kelantan.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Jadi saya hendak tanya fasal padang hoki. Jadi sekarang ini ranking hoki negara sudah mula jatuh kalau berbanding 1974

Tuan Pengerusi: Itu tak berkenaan dengan Kelantan itu....

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Hendak banding.... Kelantan pun kena maju juga dengan hoki ini.

Tuan Pengerusi: Janganlah..

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Jadi hendak tanya untuk negeri Kelantan cukup satu padang hoki kah untuk seluruh negeri Kelantan yang ada 'Astroturf'. Sekarang ini padang hoki seluruh dunia dah ada 'Astroturf'. . Sebab itu Pakistan pun dah kalah bila ditukar kepada 'Astroturf', negara-negara yang *'passing'* bola laju sahaja yang boleh kawal. Jadi Kelantan ada satu, tak boleh nak tambah kah? Fasal negeri-negeri lain pun nanti kan kita masih kebelakangan dari bidang hoki di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sebenarnya Yang Berhormat ini bila saya jawab tadi sebelum 2001, beliau tak hadir.

Tuan Pengerusi: Beliau tidak hadir.

Datuk Ong Tee Keat: Itu sebabnya beliau mengungkitkan kembali apa yang sudah dijawab dan berbalik kepada soal padang hoki ini, saya tidak bermaksud bahawa sebuah padang hoki telah pun memadai. Janganlah Yang Berhormat cuba hendak putar belit apa yang saya sebutkan tadi. Dan yang saya jawab.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, teruskan jawapan pada Tanah Merah itu ya?

Datuk Ong Tee Keat: Ya, dan saya hendak teruskan jawapan yang saya sediakan iaitu menjawab soalan Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Yang Berhormat bagi Tanah Merah membangkitkan tentang kesesuaian adanya Pusat Latihan Dataran Tinggi di Lojing, Kelantan.

Suka saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pusat berkenaan sebenarnya bertujuan untuk menyediakan tempat latihan yang khas supaya atlet yang berlatih tidak kurang dari tiga minggu dengan ketinggian yang berkenaan dapat menambahkan kandungan oksigen di dalam badannya. Ini cukup penting memandangkan bahawa pada peringkat sekarang kita terpaksa menghantar atlet-atlet kita ke seberang laut untuk menjalani latihan di dataran tinggi, dataran tinggi supaya mereka ini dapat menyesuaikan diri dengan iklim yang berketinggian tertentu di seberang laut.

Jadi dengan adanya program ini sekurang-kurangnya ia akan menjimatkan perbelanjaan kita dan itu sepatutnya mendapat sokongan dari semua pihak termasuk juga kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi, sebelum saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyertai perbincangan ini ada satu perkara yang saya rasa tercicir daripada perhatian saya tadi iaitu soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Larut tentang motivasi perdana.

Untuk makluman Yang Berhormat, program motivasi perdana ini masih berjalan dan untuk tahun ini kesemua terdapat 22 program. Pada puratanya terdapat 2 hingga 3 program untuk setiap negeri dan khas untuk kawasan Yang Berhormat Larut, saya pun dimaklumkan bahawa pada tahun depan terdapat satu program motivasi perdana yang akan berlangsung di kawasan Larut tetapi sedia maklumlah Datuk Pengerusi bahawa tidak mungkin kesemua daerah itu akan dapat kita anjurkan satu program motivasi perdana untuk setiap daerah tetapi sekurang-kurangnya dalam setiap negeri itu terdapat 2 ataupun 3 program buat masa sekarang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM158,574,600 untuk Maksud B.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM158,574,600 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM583,227,040 untuk Maksud P.17 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM583,227,040 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

Maksud B.18 [Jadual] -

Maksud P.18 [Anggaran Pembangunan 2002] -

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.18 dan Kepala Pembangunan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Saya bagi Hulu Langat.

3.32 ptg.

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ambil bahagian dalam kementerian ini di bawah P.18, satu butiran sahaja yang hendak disebut iaitu 02300 dengan pertanyaan kepada kementerian: Bagaimanakah cara, dan apakah dasar pengurusan hutan yang ada sekarang ini dan bagaimana ia melaksanakan atau menjalankan peraturan-peraturan yang ada untuk mengawal, memantau dan memelihara kawasan-kawasan hutan? Setakat yang saya tahu, antara peraturan yang ada ialah Seksyen 32(2), dengan nama perhutan yang menyebut ataupun yang mengenakan denda tidak lebih daripada RM50,000 atau penjara tidak lebih 5 tahun kepada mana-mana pihak yang menduduki

kawasan hutan atau meneroka secara haram atau menjalankan apa-apa kegiatan di kawasan berkenaan.

Bagi saya, Tuan Pengerusi, RM50,000 ini tidaklah besar, tidaklah banyak sangat. Apatah lagi ia merupakan jumlah maksimum. Dalam kebanyakan hal, dendanya dikenakan RM2,000, RM3,000 atau mungkin RM5,000 sahaja. Jumlah RM3,000 ini pastilah tidak menakutkan, tidak menggentarkan, tidak memberi pengajaran dan jauh sekali memberi keinsafan kepada mana-mana pihak yang meneroka tanah secara haram kawasan tanah hutan ini dan kadang-kadang ada pihak yang melihatnya sebagai satu macam galakan pula dengan denda yang sedikit ini, mereka teroka tanah besar-besar, kemudian boleh pohon. Ini yang saya tanyakan soalan tadi, bagaimana dia melaksanakan walaupun peraturan ada.

Sebab saya ingin ambil satu kes spesifik dalam kawasan saya di Hulu Langat iaitu melibatkan satu syarikat namanya, Sabha Total yang berlaku di Hutan Sungai Lalang, Sungai Lui, Hulu Langat. Sabha Total Training Center meneroka tanah seluas 16 ekar sejak tahun 1993 lagi. Di kawasan hutan inilah iaitu compartment 46 Hutan Simpan Sungai Lalang, Sabha Total telah meneroka secara haram dan membuat pelbagai kegiatan di kawasan berkenaan.

Kerana dia meneroka secara haram, saya difahamkan Jabatan Hutan Selangor telah mengambil tindakan dengan memberikan notis untuk kompaun atas 4 kesalahan iaitu di bawah tajuk-tajuk:

- Membersih kawasan – Seksyen 81(1A);
- Menebang pokok-pokok – Seksyen 81(B);
- Memiliki hasil hutan tanpa membayar cukai – Seksyen 84(1); dan
- Menduduki kawasan tanpa permit penggunaan – Seksyen 32(1)

Dan notis telah dikeluarkan pada 24 Disember 1993. Ketika itu, saya belum menjadi Ahli Dewan ini, masih menjadi wartawan dan terlibat juga untuk mempopularkan Sabha Total ini sebagai satu training center di kawasan saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong. Sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi minta penjelasan daripada sahabat saya. Apa nama penuh syarikat itu tadi? Kalau boleh sebut dengan jelas. Yang keduanya, siapa pemilik syarikat itu? Kalau boleh diberitahu kepada Dewan yang mulia ini? Terima kasih.

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong yang berminat juga tentang peristiwa yang berlaku di Hulu Langat.

Syarikat ini kalau mengikut surat-surat daripada Jabatan Hutan Selangor, namanya Sabha Total Training Center Sendirian Berhad beralamat 10-3, Jalan 182B, Bangsar Utama, 59000 Kuala Lumpur. Pemiliknya - tidak tahulah pemilik atau tidak, tetapi dalam surat-surat ini dikatakan di sini - Pengerusi Eksekutif, seorang bernama Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali dan barangkali kebetulan beliau adalah Ahli Dewan yang mulia ini bagi Parit Buntar. Kalau kebetulan orang yang sama, itulah dia. Kalau kebetulan tidak sama pun, macam itulah. Tetapi saya percaya orang yang sama sebab semalam dia cakap macam-macam dalam surat khabar.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Ha.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi Ya, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan sahabat saya dari Hulu Langat. Jadi, saya hendak tanya sedikit oleh kerana kawasan tersebut telah diteroka semenjak 1993, maknanya sudah 8 tahun. Kenapa baru sekarang timbul? Kenapa tidak diambil tindakan masa 1994, 1995 atau 1996? Sedangkan pada masa yang sama, kenapa jabatan-jabatan tertentu kutip hasil? Apabila dibuat bayaran, terima. Tetapi selepas hamba Allah ini masuk PAS, bayaran sudah tidak diterima. Walhal program-program yang sama telah pun diluluskan untuk orang-orang yang lain di kawasan Kuala Selangor dan di Hulu Selangor.

Jadi, saya hendak tanya, kenapa tidak diambil tindakan pada 1995 atau 1996? Kenapa sudah hampir 2002, baru tindakan diambil. Takut-takut ada ekoran daripada peristiwa Menteri Besar Selangor dalam 3 bulan atau 4 bulan yang sudah kena baru baru ini. Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, jawatan saya adalah Ahli Parlimen Hulu Langat, tidak ada kuasa hendak ambil tindakan ke atas sesiapa. Yang saya katakan di sini ialah berdasarkan dokumen-dokumen yang saya ada.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Jeli, sahabat saya yang bertanya, kenapa tidak ambil tindakan pada tahun 1994. Dengar sini ya saudara sahabat saya. Notis kompaun dikeluarkan pada 24 Disember 1993. Bagaimana pun, dengan angkuhnya, pada 3 Mei 1994, baru dibayar denda oleh Sabha Total. Bayar memang bayarlah tetapi 6 bulan. Hendak kata tidak ada duit, dengan 16 ekar, dengan pelbagai sumber pendapatan melalui 52 chalet, 7 dewan, 1 pejabat, 10 unit bangunan kursus, Sabha tentunya sudah kutip banyak duit. Masa itu Menteri Besar Selangor bukan Dato' Dr. Mohd. Khir Toyo. Tidak ada kena-mengena dengan soalan Yang Berhormat sebut tadi.

Selepas dikompaun RM3,000, barulah Sabha pohon lesen kebenaran menggunakan permit. Lesen ini menggunakan tanah hutan tetapi telah dinyatakan dalam surat khabar, tanah itu macam dia punya. Kawasan ini dalam kawasan saya, Yang Berhormat. Sabha Total memang ada dikurniakan tanah tetapi tanah yang dikurniakan oleh kerajaan negeri pada 1993 ini bukan tanah yang kita bincang ini. Itu tanah halal. Yang saya cakap ini tanah haram. Dia minta di hujung-hujung hutan, tanah yang halal itu, itu yang Menteri Besar Selangor sebut, dia minta tukar status hendak buat perumahan. Yang dia teroka secara haram ini sebanyak 16 ekar, compartment 46 ini. Banyak orang keliru apabila pemiliknya kata dia dapat tanah kurnia. Memang betul, tanah kurnia itu dia hendak tukar buat perumahan. Yang ini diteroka secara haram lagi.

Jadi, setelah dipohon permit dikeluarkan pada 15 April 1994 iaitu bernombor STHS194/P dan permit saya sebutkan banyak kali, permit dari tahun ke tahun saya difahamkan oleh Jabatan Hutan bukannya automatik. Jadi, bermakna sebelum 15 April 1994 iaitu sebelum permit dikeluarkan Sabha telah menjalankan kerja-kerja haram, penerokaan haram. Dapat hasil pun agaknya haramlah kerana puncanya memang haram.

Jadi, saya hendak berbalik kepada kementerian. Saya bertanya, adakah kementerian masih melayani kaedah seperti ini iaitu teroka dulu baru minta permit, bagi. Sebab saya tanya ini saya takut ini macam ada persamaan macam secara maksiat. Buat anak dulu Jabatan Agama tangkap, nikah. Dia teroka dulu secara haram, selepas kompaun baru minta. Kalau tidak kompaun tidak minta, tidak tangkap tidak nikah.

Saya cukup takut. Nauzubillah, saya cukup takut jangan perkara ini berlaku kerana pemiliknya sekarang itu khabarnya Naib Presiden PAS dan pernah juga hendak jadi Menteri Besar Selangor itu. Itu saya cukup risau. Kalau bermula dengan usaha haram, hasilnya bagaimana. Dan malanglah Yang Berhormat bagi Parit Buntar tidak ada untuk mempertahankan atau untuk memberi penjelasan. Saya tetap ingin bertanya hasil inikah yang digunakan untuk mendidik melalui *training centre* ini anak-anak bangsanya yang juga anak-anak bangsa saya yang dikeluarkan secara halal. Dengan usaha-usaha haram inikah mendidik anak-anak yang halal? Naib Presiden PAS dari Parit Buntar yang mahu jadi Menteri Besar Selangor boleh menjawabnya.

Permit yang menggunakan hanya diperbaharui secara tahunan sehingga 1998 iaitu berakhir 31 Disember. Ini bermakna Sabha Total beroperasi sehingga hari ini secara haram lagi. Dulu dia halal sekejap, selepas itu buat kerja haram lagi. Memang benarlah pernah memohon. Lesen mati 31 Disember, pohon pada 30 Disember. Dia punyai hak untuk memohon kerajaan negeri melalui Jabatan Hutan punyai hak sama ada untuk membaharui atau tidak. Kalau tidak ada kena nyahlah keluar. Tetapi duduk lagi dekat situ buat lagi kerja haram, cari lagi sumber haram. Jadi, itu yang saya

sebutkan dari mula kalau kita mula tidak betul, sampai ke akhirnya betul, saya takut juga anak bangsayang lahir ini juga tidak betul. Jadi...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung.

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Gulung, memang sudah dekat.

Datuk Ruhanie bin Ahmad: Parit Sulong sekejap.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah hendak habis Yang Berhormat ya. Hendak lagi boleh?

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Dua saat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Datuk Ruhanie bin Ahmad: Satu minit Tuan Pengerusi hendak tanya. Adakah Yang Berhormat bagi Hulu Langat mahu minta supaya Presiden PAS menyiasat kegiatan Naib Presiden PAS yang terabit. Terima kasih.

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Kalau hendak mereka siasat itu baguslah. Tetapi apa yang hendak disiasat. Kita tengok haram, bagi mereka halal. Semua yang kita buat itu betul, mereka pandang tidak betul. Jadi, penyiasatan kita tidak pernah sama. Pendirian kita, pandangan kita yang kita buat baik pun dia kata tidak baik. Jadi, yang dia buat tidak baik itu mungkin baik bagi dia. Jadi, apa hendak siasat.

Jadi, akhir sekali kerana masa terlalu singkat, saya hendak tanya balik kepada kementerian apakah tindakan Jabatan Perhutanan seterusnya, hendak biarkan lagi atau ambil tindakan? Kalau ambil tindakan apa tindakannya? Saya cuma hendak ingatkan Jabatan Hutan Selangor dan juga kementerian, bermula dengan hutan sekarang orang sudah berani teroka tanah kerajaan dalam bandar dan pinggir bandar. Saya khuatir nanti suatu hari rumah Pengarah Jabatan Hutan dan Pegawai Hutan Daerah pun diteroka oleh orang-orang seperti pemilik Sabha Total ini. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ini saya bagi Setiu.

3.45 ptg.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama berbahas dalam Kementerian Perusahaan Utama ataupun B.18. Sebelum itu saya yakin bahawa sahabat saya daripada Hulu Langat cuba untuk mengalih pandangan apa yang sedang berlaku kepada Menteri Besar beliau sekarang ini. Kepala yang ingin saya sebutkan ialah 03000, 030100, 030400, 08905, 8907.

Tuan Pengerusi, di dalam kementerian ini khususnya berhubung dengan takrif ataupun penjelasan berhubung dengan kajian mineral, saya ingin turut memberi penjelasan berhubung dengan penglibatan Kementerian Perusahaan Utama di dalam memajukan industri galian dan mineral di Malaysia pada hari ini. Kita dapati bahawa terlalu banyak pembaziran yang berlaku akibat daripada tidak jelasnya istilah yang digunakan di dalam menentukan sama ada mineral itu mineral ekonomi ataupun tidak ataupun galian tersebut galian yang bersifat ekonomik ataupun tidak.

Tuan Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Kuala Kedah. Hendak beri jalan? Sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, bolehkah saya bertanya. Sepatutnya ucapan permulaan ini Yang Berhormat bagi Setiu kena puji Yang Berhormat bagi Hulu Langat kerana mendedahkan bahawa ada, kalaulah penyelewengan itu daripada tahun 1993 hingga 1998 semuanya berlaku semasa dia belum menyertai PAS. Ertinya, kalau orang itu lakukan sebelum menyertai parti lain dibiarkan. Satu pendedahan yang cukup baik. Kita kena sokong Yang Berhormat bagi

Hulu Langat. *[Tepuk]*. Setuju atau tidak, ini kena sokong dahulu ucapan itu, yang dia buat dulu semasa beliau belum menyertai PAS. Kalau menyertai PAS semuanya dibongkar selepas itu. Minta sokong dulu ucapan itu. Setuju atau tidak?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Ketawa]*. Saya rasa Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah memberi jawapan yang cukup tepat berhubung dengan ucapan Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Saya ingin menarik perhatian pihak kementerian berhubung dengan saya sebut soal isu pembaziran yang berlaku akibat daripada tidak terdapat definisi yang jelas berhubung dengan takrif sama ada sesuatu mineral itu mineral yang ekonomik ataupun tidak.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Bagi, bagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat bagi Setiu. Saya ingin bertanya apakah isu-isu perhutanan, ini menyangkut masalah negeri ataupun masalah Parlimen. Masalah perhutanan ini masalah negeri ataupun masalah Parlimen. Tambah pula hutan ini dijaga oleh kerajaan negeri. Kenapa pula tidak dibongkar dalam kerajaan negeri. Minta penjelasan Setiu? *[Disampuk]*

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Itu yang saya sebut bahawa masalah ini masalah Menteri Besar Selangor sekarang ini yang cuba dialihkan ke Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, sebagai contohnya bagaimana kita melihat bahawa penggunaan tanah liat umpamanya, apabila tidak ada istilah yang jelas berhubung dengan mineral ekonomik. Bagi orang awam, tanah liat ini satu perkara yang dianggap biasa sahaja iaitu tanah liat yang digunakan mungkin membuat bata atau membuat bahan-bahan yang dianggap mempunyai nilai ekonomi yang rendah.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat, Sri Gading, hendak beri jalan?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Nanti saya takrif dulu perhabis. Selepas itu sambung balikkah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Dia tidak bagi lagi.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Nanti saya baru hendak masuk *line* ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi ya.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Kemudian, sabar, sabar. Sabar sekejap.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading, dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Kemudian, masa tidak ada ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Sedangkan tanah liat itu mempunyai variasi definisi yang cukup luas termasuklah soal lempung bebola umpamanya, China *clay* yang bukan sahaja boleh dibuat bahan-bahan yang berkualiti rendah seperti bata dan seumpamanya tetapi boleh kita teroka sehingga ke peringkat bahan-bahan perubatan dan juga bahan-bahan yang melibatkan pembuatan bahan-bahan seramik umpamanya.

Begitu juga yang berlaku dalam penggunaan pasir. Pasir yang merupakan khazanah negara yang begitu besar tetapi apabila pihak kementerian tidak memberi satu definisi yang jelas menyebabkan pasir ini biasanya digunakan hanya untuk kerja-

kerja menambun, menambak ataupun kerja-kerja dalam industri pembinaan sematamata.

Sedangkan pasir yang terdapat di Semenanjung ini ataupun di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak banyak yang mempunyai kualiti sampai peringkat *silica sand* yang boleh membuat bahan-bahan *optical*, bahan-bahan yang mempunyai kualiti yang tinggi. Begitu juga batu ataupun *rocks* yang apabila terdapatnya industri ataupun pembinaan lebuhraya dan seumpama, kita dapati bahawa biasanya apabila pembukaan kuari secara besar-besaran tanpa mengambil kira bahawa jenis ataupun kualiti yang terdapat pada batuan tersebut. Umpamanya dalam batuan yang terdapat di Semenanjung ini kita dapati bahawa bukan sekadar kita gunakan batuan tersebut untuk perkara-perkara yang terlalu rendah sifat ekonominya seperti membuat jalan raya, menambak laut dan seumpamanya tetapi banyak daripada batuan kita ialah yang mencapai tahap batu ataupun batuan dimensi ataupun *dimensional stone* dan mungkin batu kapur kita mungkin capai tahap boleh membuat *marble* dan seumpamanya.

Jadi saya fikir soal definisi berhubung dengan *minerals* ataupun galian ini mestilah dibuat dengan cara lebih jelas oleh pihak kementerian supaya kita tidak membazir khazanah negara dan hal ini ianya melibatkan soal penguatkuasaan, soal enakmen ataupun akta-akta yang perlu digubal sebab permohonan-permohonan kawasan ini biasanya dibuat melalui pejabat daerah ataupun pejabat tanah yang saya yakin bahawa kebanyakan daripada pejabat daerah tidak mempunyai kepakaran dalam soal ini. Bagi mereka apabila dipohon pasir, dipohon batu maka diluluskan begitu sahaja tanpa merujuk kepada akta dan kepada istilah-istilah yang sepatutnya digunakan secara spesifik oleh pihak kementerian supaya pembaziran tidak akan berlaku. Itu yang pertama.

Kedua, saya ingin menyebut soal pembebasan mineral dalam sebarang bentuk pembangunan negara kita. Kita dapati bahawa walaupun pernah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini tetapi penguatkuasaan masih lagi diragui. Saya ambil satu contoh bagaimana pemotongan bukit-bukau dan kawasan-kawasan yang kita anggap cukup strategi dibuat begitu berleluasa. Sekarang ini di Pulau Redang, di kawasan saya, Setiu. Kawasan yang dianggap zon pelancongan, kawasan yang dianggap sebagai kawasan *protected area* dari sudut maknanya di bawah Kementerian Pertanian dan saya difahamkan pihak kerajaan telah meluluskan pembinaan lapangan terbang di sana.

Report daripada EIA memang menolak kerana ditakuti akan memusnahkan habitat dan juga *coral* di kawasan Pulau Redang tapi sekarang pada musim-musim tengkujuh, pihak kontraktor ataupun pihak pemaju di Pulau Redang sekarang ini menggunakan kesempatan, dalam keadaan laut bergelombang sekarang membuat pemotongan bukit secara besar-besaran untuk dibuat *airport*. Saya yakin bahawa pihak kementerian tidak dirujukkan untuk memastikan sama ada terdapat mineral-mineral yang bersifat ekonomi ataupun mungkin boleh merosakkan kepada hidupan *coral* dan seumpamanya di kawasan tersebut. Apabila ini berlaku ianya akan musnahkan seluruh kehidupan di kawasan tersebut. Jadi saya minta supaya pihak kementerian hendaklah memastikan bahawa pembebasan mineral dalam sesuatu pembangunan itu mestilah maknanya dimasukkan sekali supaya kita dapat satu komen yang jelas dari pihak kementerian sendiri.

Tuan Pengerusi, bidang yang saya ingin sebut juga ialah berhubung dengan sektor perlombongan yang kini dianggap sebagai sektor yang agak lembap dalam negara kita dan pihak Kementerian Perusahaan Utama nampak semacam tidak memberi tumpuan kepada pembangunan mineral dan industri perlombongan ini. Selepas sahaja kita mengalami kejatuhan dalam industri timah kita, kita dapati bahawa semacam tidak ada usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak kementerian untuk membangunkan industri ini dan kita tengok menteri dia pun kurang bercakap soal industri perlombongan ini. Sekarang ini nampak bercakap soal negara Islam, soal perempuan tutup kepala. Jadi saya minta supaya menteri perusahaan utama ini dapat memberi tumpuan khusus berhubung dengan bagaimana industri perlombongan yang dianggap begitu lembap sekarang ni negara kita hendak dimajukan dan apakah insentif-insentif yang diberikan kepada *investors* ataupun kepada pemaju-pemaju dalam industri ini supaya mereka dapat melihat bahawa industri yang mempunyai potensi yang besar.

Kita tahu di Malaysia ini banyak mengandungi mineral-mineral yang strategik dan mineral-mineral yang *economic* yang boleh dibangunkan dan setakat manakah

pihak kementerian berusaha untuk membangunkan industri ini secara bersungguh-sungguh bagi memastikan bahawa industri ini tidak menjadi *sunset* industri dan ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Akhir sekali...saya hendak sebut sedikit berhubung dengan kepala 00501, 00502 iaitu penglibatan VCIC dalam industri perabot.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian sejauh manakah penekanan ataupun inisiatif yang telah diambil oleh pihak kementerian dalam memajukan usahawan-usahawan bumiputera dalam bidang perabot ini sebab kita tahu bahawa penglibatan bumiputera dalam bidang ini terlalu kecil, kurang daripada 4%. Jadi dengan keadaan ekonomi dunia dan negara sekarang, bagaimanakah pihak kementerian memastikan bahawa pencapaian 30% yang merupakan dasar yang kita bersetuju bersama dan di negara ini dapat kita capai. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi[Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Mambong dulu, Mambong.

3.57 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi Saya ingin menyentuh Butiran 02800 iaitu Rancangan Pembangunan Pengurusan Hutan.

Anggaran oleh *Intergovernmental Panel on Climax Change* (IPCC), pengeluaran gas-gas *green house* ataupun *green house gasses* ke atmosfera akan bertambah dan ini akan menyebabkan kenaikan suhu udara di peringkat global dengan tambahan 3.5' darjah Celcius pada tahun 2100, iaitu kenaikan suhu yang agak tinggi dalam tempoh 10 ribu tahun. IPCC menganggarkan bahawa '*anthrophogenic emissions*' dengan izin, gas-gas *green house* berjumlah 1.1 gigaton karbon setiap tahun ke udara. Gas-gas ini ialah *carbon dioxide, methane dan nitrous oxide* yang timbul disebabkan aktiviti-aktiviti kita manusia. Namun hutan-hutan belantara mampu menyerap *carbon dioxide* daripada atmosfera melalui proses fotosintesis dan dianggarkan penyerapan ini dalam kadar 1.8 *gigaton* karbon setahun. Itulah sebabnya pemeliharaan hutan adalah penting sebab peranannya bagi mengawal *global climate change*, dengan izin.

Di dalam *Provision United Nations Framework Convention on Climax Change* (UNFCC) dengan izin, peranan-peranan hutan di peringkat global adalah amat ketara bagi *to stabilize atmospheric green house gasses concentration up a level that will prevent dangerous antrophogenic interference with the climate system* dengan izin. Menyedari hakikat ini, adalah wajar jika hutan-hutan di negara kita dipelihara dan dibangunkan secara lestari.

Di negara kita, kerosakan ekologi hutan adalah disebabkan oleh pembalakan berlebihan yang tidak mengikut garis panduan, *allowable annual cut* dengan izin, pembangunan tanah bagi kegunaan lain dan pembakaran hutan. Menurut kajian Jabatan Perhutanan, jika kadar pertumbuhan kayu ataupun *growth rates* di antara 2 hingga 2.5 *cubic* meter se hektar setahun, ini bermakna dalam tempoh 30 tahun pembalakan boleh balik ke kawasan yang dia telah membalak 30 tahun yang lepas. Kalau begini sudah tentu hutan-hutan di negara kita diuruskan dengan secara lestari. Namun pada pendapat saya, pembangunan hutan lestari di negara kita belum lagi tercapai, bahkan saya nampak kawasan-kawasan hutan di negara makin berkurang.

Justeru itu, di manakah kesalahan kita dalam hal-hal pengurusan hutan. Pemeliharaan hutan adalah amat penting bukan sahaja dari segi pengeluaran kayu balak tetapi juga dari segi pemeliharaan tadahan air bagi memastikan air sentiasa ada dan juga bersih. Dari segi pemeliharaan kepelbagaian biologi agar bahan-bahan perubatan dapat dikekalkan dan dari segi pemeliharaan kualiti udara. Oleh yang demikian, saya menyarankan agar semua pihak mematuhi kepada sistem *Annual Felling Coupe*, dengan izin...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, minta penjelasan, Jeli.

Dr. James Dawos Mamit: Dari Jeli? Okay, boleh, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan sahabat saya bagi Mambong. Saya turut bersama dengan Mambong tentang keprihatinan hutan-hutan yang ditebang, ditebas secara tidak bermoral. Jadi salah satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah kawasan-kawasan tadahan air juga diberi kelulusan untuk membalak. Apa pandangan Yang Berhormat Mambong tentang kelulusan yang diberikan oleh Kerajaan Selangor di sekitar kawasan tadahan air berhampiran Ulu Yam, minta pandangan.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Saya bukan menteri jadi saya tidak boleh menjawab hal di Selangor. Jadi biarlah menteri yang menjawab soalan ini.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kenyir punya apa jadi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Ketawa]

Dr. James Dawos Mamit: Biar saya teruskan. [Disampuk] Saya menyarankan agar semua pihak mematuhi kepada sistem *Annual Falling Cut* ataupun kawasan tebangan tahunan. Saya ingin tahu daripada pihak kementerian berapakah keluasan *Annual Falling Cut* di negara kita agar memastikan bahawa pembangunan hutan lestari boleh tercapai.

Perkara seterusnya yang berkaitan dengan keperluan pemuliharaan hutan adalah perdagangan karbon ataupun *carbon trading*. Perdagangan karbon adalah satu peluang bagi menggalakkan dan memberi manfaat untuk pemeliharaan hutan di negara kita. Mekanismenya ialah begini. Seorang pemilik hutan seharusnya memelihara kawasan hutannya dan tidak boleh membalak kawasan tersebut jika sudah ada persetujuan dengan sebuah syarikat pengilangan. Syarikat pengilangan pula seharusnya membayar kepada pemilik kawasan hutan dengan kadar dan amaun yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Tujuan perdagangan karbon ialah agar pengusaha industri boleh terus mengeluarkan gas-gas pencemar ke udara dan pemilik kawasan hutan memelihara hutannya agar hutan ini dapat menyerap gas-gas pencemar melalui proses fotosintesis. Dengan kaedah ini, hutan dipelihara dan pembangunan ekonomi terus berjalan. Perdagangan karbon ini boleh dilakukan di *Sydney Futures*.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah kerajaan menggalakkan perdagangan karbon oleh syarikat-syarikat pembalok di negara kita agar hutan-hutan kita dapat dipelihara dan dibangunkan secara lestari. Saya juga ingin tahu apakah perkembangan inisiatif Forest Management Unit di Sabah dan rakan kongsinya Eco Securities Limited UK dalam usaha perdagangan karbon. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pendek. Ya Sri Aman dahulu. Boleh dapat belaka, insya-Allah, sila duduk.

4.05 ptg.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama, saya ingin menyentuh Butiran 00400 Lembaga Tembakau Negara. Jadi, Tuan Pengerusi, dengan segala hormatnya ingin mencadangkan kepada kementerian oleh kerana memandangkan merokok membawa penyakit kanser dan memendekkan umur kita, saya cadangkan kerajaan memansuhkan Lembaga Tembakau Negara kita ini. Jadi saya minta Kementerian Perusahaan Utama ini *get out of this tembakau business* dengan izin, Tuan Pengerusi. Oleh kerana kita tahu kerajaan tidak lagi membenarkan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Gading berdiri, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya macam tersentak, Dato', apabila Lembaga Tembakau ini hendak dihapuskan. Bukan sahaja soal perokok, tetapi soal peladang-peladang, penanam-penanam tembakau di Kelantan khususnya, itu harus kita berikan pembelaan. Sudahlah dia di bawah kerajaan yang tidak mampu hendak menyenangkan dia, kemudian dia ada pencarian sedikit hendak kita ketepikan, saya memang rasa iba saudara-mara saya yang menanam tembakau di Kelantan. Jadi saya rasa biarlah terus Lembaga Tembakau itu diwujudkan untuk memberikan pembelaan kepada penanam-penanam tembakau. Terima kasih.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih kawan saya bagi Sri Gading. Tuan Pengerusi kata pepatah Inggeris, *Reason is the slave of emotional*. Jadi syor saya Yang Berhormat bagi Sri Gading, oleh kerana saya nampak kerajaan tidak lagi membenarkan iklan yang ditaja oleh industri tembakau dan industri tembakau pun tidak lagi menaja *events* sukan yang besar, jadi untuk menyahut saranan yang begitu baik dari Yang Berhormat Sri Gading, saya mencadangkan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk luar bandar lebih-lebih lagi kawan kita di Kelantan khususnya, penanam-penanam tembakau di sana, saya cadangkan kementerian memperkenalkan tanaman-tanaman yang baru yang membawa kesihatan dan keceriaan kepada tubuh badan kita seperti tanam tebu, keledak, pisang ataupun Tongkat Ali ataupun yang akan saya sentuh nanti, kayu belian dari Sarawak yang berharga beribu-ribu ringgit satu tan.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 04900 iaitu Pemulihan Hidupan Liar dan Projek Kerjasama Antarabangsa Perhutanan.

Oleh kerana kita mempunyai kepakaran yang begitu tinggi di Kuala Lumpur ini, saya minta kerjasama yang lebih ketat dan kerap dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mencari bagaimana kita boleh memulihkan kehidupan liar di Sarawak oleh kerana saya nampak kehidupan liar semakin pupus dan juga ramai kawan-kawan saya dari luar negeri apabila mereka pergi ke Sarawak, mereka hendak tengok kehidupan liar dan kata mereka kalaulah Sarawak ini banyak kehidupan liar, ia akan menggalakkan industri Eco Tourism.

Jadi kehidupan liar juga adalah sumber ubat-ubatan dan saya minta juga apabila pegawai-pegawai kita yang terlibat dalam aktiviti ini berjumpa, bermesyuarat minta mereka berbincang bagaimanakah kita boleh menjalankan penguatkuasaan dengan lebih ketat oleh kerana pada masa sekarang di Sarawak kita ada undang-undang yang mengatakan tidak boleh membunuh, tidak boleh menjual daging-daging kehidupan liar tetapi saya nampak masih ada juga yang dibunuh, ada juga daging yang dijual dan kadang-kadang pegawai penguat kuasa daging yang tidak patut dijual itu [*Ketawa*] hinggalah mereka membuat pekasam. Saya pun tidak tahu Bahasa Malaysia apakah pekasam itu [*Disampuk*] Sama juga ya? Pekasam macam-macam dijual oleh pegawai penguat kuasa. Jadi, seterusnya Tuan Pengerusi....

Dr. James Dawos Mamit: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mambong berdiri Yang Berhormat hendak minta penjelasan. Ya sila.

Tuan James Dawos Mamit: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Adakah Yang Berhormat bagi Sri Aman tahu bahawa sekarang, kerajaan negeri Sarawak dengan usahasama bersama *Denise Corporation For Environment And Development* (DCEN) sedang membuat kajian untuk merumuskan master plan bagi pemeliharaan hidupan liar?

Tuan James Dawos Mamit: dan yang kedua, siapakah pegawai penguat kuasa ini yang menjual daging-daging haram ini, dan pekasam juga?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pekasam itu apa?

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan kawan saya Yang Berhormat bagi Mambong. Inilah, saya maksudkan tadi, kalau kita ada orang yang berpengetahuan yang tinggi seperti kawan saya dari Mambong, bagilah ilmu-ilmu dan kaedah-kaedah yang baru ini dengan pegawai-pegawai yang lain supaya penguatkuasaan ini menjadi penguatkuasaan yang 100% efektif. Dan pegawai-pegawai yang menyimpan dan menjual pekasam ini - *privilege information* - rasa saya keberatan hendak memberitahu kawan saya dari Mambong.

Jadi, untuk Butiran 04600, saya minta kerajaan, kementerian membuat penyelidikan yang mendalam dan juga penemuan yang diberi ini, kalau ada penemuan dari penyelidikan hutan ini, saya syorkan berilah kepada ladang contoh dan tempat ubat-ubatan ini.

Saya minta, apabila kita menanam tanaman kayu, tanamlah kayu yang bermutu. Oleh kerana, sekarang saya nampak kayu yang sering ditanam adalah kayu yang licak sahaja, yang hanya bagus untuk membuat kertas, itu sahaja. Jadi, apakah tanaman semula ini yang tidak begitu *imaginative*? Saya syorkan juga penanaman kayu belian di Sarawak oleh kerana kayu belian ini, Tuan Pengerusi, ia tahan dalam

tanah, dalam air dan ia pun tahan beratus-ratus tahun, beribu-ribu tahun. Oleh kerana.....[Disampuk]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setiu berdiri, Yang Berhormat. Setiu. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Aman. Berhubung dengan tanaman kayu yang dicadangkan itu, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pihak Kementerian Perusahaan Utama pernah mencadangkan tanaman pokok sentang di kawasan saya, terutama di Setiu dan di Terengganu? Dan ramai di kalangan masyarakat tani pada ketika itu yang mempunyai pokok-pokok getah dan tanaman-tanaman yang mereka miliki, mereka potong dan tanam pokok sentang kerana menyahut seruan pihak kerajaan. Tetapi, ternyata selepas dijanjikan, mungkin selepas 10 tahun, mereka akan memperolehi hasil yang begitu banyak, tetapi sampai sekarang pokok itu, mungkin sudah 10 atau 15 tahun, besarnya mungkin baru setakat besar lengan begitu sahaja. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, biar pasti betul sebelum pokok-pokok itu ditanam bagi menjamin bahawa rakyat tidak teraniaya dalam usaha kerajaan untuk membantu rakyat? Terima kasih.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih kawan saya. Jadi, itulah kerana saya sebutkan terlebih dahulu tadi, buat penyelidikan yang betul-betul baik supaya semua pihak tidak kerugian. Oleh kerana itu, saya minta tanamlah kayu belian ataupun yang sama dengan kayu belian, adalah kayu serangan batu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Lim Donald: Jadi, dua lagi perkara. Yang pertama ialah Butiran 00607 Tuan Pengerusi, Pembangunan Taman Botani di Kepong. Mengapa di Kepong? Saya syorkan di Sri Aman oleh kerana Sri Aman, di sekelilingnya adalah hutan dan.....[Disampuk]

Dr. Tan Seng Giaw:[Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong berdiri, Yang Berhormat. Masa sudah tidak ada

Tuan Jimmy Lim Donald: Masa sudah tidak ada kawan kita dari Kepong. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya Yang Berhormat. Duduk.

Tuan Jimmy Lim Donald: Oleh kerana Kepong ini menyokong pembangkang, kita di Sri Aman menyokong kerajaan sejak Malaysia ditubuhkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Jimmy Lim Donald: Jadi, saya cadangkan Taman Botani ini, dipindahkan ke Sri Aman.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Lim Donald: Jadi.... Okay terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila Kepong bercakap. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih Tuan Pengerusi. Halaman 318 -Butiran 0607 - Pembangunan Taman Botani Kepong. Itu memang satu tapak yang paling sesuai di negara ini. [Dewan gamat seketika] Tambahan pula di Kepong ada institut penyelidikan hutan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Habis dah hutan itu, habis sudah. Tinggal institut sahaja. Hutan itu tidak ada. Ada housing..

Dr. Tan Seng Giaw: Kita haraplah, mudah-mudahan.....[*Disampuk*]

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Menyampuk*]

Dr. Tan Seng Giaw: Ada, ada. Kawasan itu ada, memang ada. Oleh kerana kita ada institut pendidikan yang cukup. Di Sri Aman satu institut hutan pun tidak ada. [*Ketawa*]. Macam mana kita boleh adakan taman botani di situ?

Tuan Jimmy Lim Donald: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Aman berdiri, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Susahlah.

Seorang Ahli: Jangan bagi dia!

Dr. Tan Seng Giaw: Haah, tidak bolehlah macam itu. Kalau hendak, kita adakan institut di situ dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Aman berdiri, Yang Berhormat. Hendak beri jalankah tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Kita demokratik.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa okay, sila. [*Ketawa*]. Masa pun ada. Ya, Sri Aman.

Tuan Jim my Lim Donald: Terima kasih Tuan Pengerusi dan kawan saya Yang Berhormat bagi Kepong. Itulah sebabnya saya minta dipindahkan ke Sri Aman kerana tidak ada apa-apa. Apakah upahan rakyat sudah menyokong kerajaan sejak Malaysia ditubuhkan? Tidak ada upahan, dan saya tahu di Kepong, banyak lagi institusi yang telah diletakkan di Kepong. Jadi, kita minta kementerian ini *to go rural*, pergilah ke luar bandar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Sri Aman sekarang tidak faham mengenai politik. Masalah itu, kita pilih tempat yang paling sesuai, bukan dia sokong Barisan Nasional atau sokong siapa. Jangan kita fikir dengan begitu ketinggalan zaman sekarang. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus yang lain, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang lain itu sekarang ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, selainnya, Halaman 308 - Pembangunan Hutan, Butiran 0300 dan seterusnya mengenai hutan juga. Tuan Pengerusi, yang penting sekalinya, saya nampak walaupun ada pengumuman daripada pihak kerajaan bahawa kawasan hutan kita masih kekal di peringkat 14 juta hektar misalnya, itu yang diumumkan oleh pihak kerajaan, saya pun tidak tahu kawasan yang sebenarnya yang mempunyai hutan dan di sinilah kita mesti hendak Yang Berhormat menerangkan kepada kita semua, setakat mana kita dapat kekalkan dengan usaha-usaha untuk memulihara kawasan hutan di Malaysia ini dan di sinilah, saya hendak mencadangkan supaya kita mengkaji dengan teliti, kesan-kesan bio-diversity, kepelbagaian biologi di Malaysia ini sebab walaupun ada buku yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengenai alam sekitar dan juga kepelbagaian dasar, kepelbagaian biologi kebangsaan, saya nampak penyelarasan di antara pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan Kementerian Perusahaan Utama adalah masih kurang.

Kita mesti, dari segi kehutanan, menilai dari segi kesan-kesan kepelbagaian biologi ini sebab ada unsur-unsur yang penting, misalnya *carbon cycle* yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman tadi, *carbon cycle* yang penting dan ada 'resovar' di dalam hutan kita dan yang kedua mengenai *eco-system* perhutanan kita. Saya diberi tahu bahawa di setengah-tengah tempat termasuk di Sarawak, *eco-system* itu belum lagi dipelihara dengan berkesan. *Shifting cultivation* masih dijalankan dengan berleluasa dan saya tidak tahulah macam mana kita dapat menyelesaikan *masalah shifting cultivation* ini sebab itu pun ada menjejaskan keadaan hutan dan *eco-system* kita. Saya tidak tahu macam mana kita boleh selesaikan.

Tadi Ahli-ahli Parlimen daripada Sarawak termasuk bagi Batang Lupar pun dia tidak ada cadangan yang baik untuk menyelesaikan masalah *shifting cultivation* kita. Tidak ada langsung, saya tidak nampak. Seterusnya Tuan Pengerusi, dengan perubahan iklim kita, *climate change*, memang ada menjejaskan hutan kita dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memulhara hutan kita daripada segi kepelbagaian biologi kita.

Satu cadangan ialah kita adakan satu *seed bank* iaitu biji benih kerana kita mempunyai kekayaan jenis-jenis hutan kita dan patut kita adakan *seed bank* untuk memelihara hutan kita sebab dengan pembalakan yang tidak begitu terkawal, banyak jenis akan pupus dan baik kita adakan satu *seed bank*, satu dana untuk biji benih hutan kita. Itu termasuk di Taman Negara kita. Yang Berhormat bagi Rompin tidak kisah mengenai masalah Taman Negara sebab Taman Negara ini walaupun dipelihara, dijaga dan diselenggarakan oleh pihak Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar tetapi dari segi undang-undang adalah di bawah Kerajaan Negeri Pahang, dan inilah masalahnya - diselenggarakan oleh Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar tetapi dari segi undang-undang, pihak Kerajaan Negeri Pahanglah yang hendak menjaga Taman Negara. Saya berharap ini dapat disesuaikan siapa yang bertanggungjawab untuk Taman Negara. Kalau pihak negeri tidak mahu, kita serahkan dari segi undang-undang kepada Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Taman Negara termasuk di bawah inikah?

Dr. Tan Seng Giaw: Termasuk, ini hutan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hutan. [Ketawa]

Beberapa Ahli: Masuk, masuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Eh, masuk. Itu hutan dan hutan ada kena-mengena dengan masalah kepelbagaian biologi – *bio-diversity*, ia termasuk ke dalam. Saya cadangkan kita adakan *seed bank* dan juga kita selaraskan undang-undang macam mana kita boleh jaga hutan di Taman Negara. Kalau kita serah kepada Yang Berhormat bagi Rompin sahaja itu tidak boleh harap, tidak boleh harap. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang keduanya cadangan saya, kita tingkatkan penggunaan sumber hutan kita kerana tahap penggunaan hutan kita masih rendah. Kalau pun Yang Berhormat bagi Rompin hendak gunakan balaknya atau kayunya hanyalah untuk tenaga sahaja. Itu tidak cukup, paras yang rendah. Kita mesti mempertingkatkan penggunaan balak kita, hutan kita dengan baik.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya cukup. Sekian, terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau dua orang saya bagi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dahulu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Rompin hendak bercakap? Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dahulu, selepas itu Yang Berhormat bagi Rompin, selepas itu Yang Berhormat bagi Batang Lupar, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Seorang Ahli: Kalau Kedah ada hendak jawab?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak, tidak. Sila Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi [Disampuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dahulu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Tanpa menggunakan pembesar suara]* Selalunya orang Kelantan dia tidak bezakan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak mengapa Yang Berhormat.

4.25 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya difahamkan Ahli Parlimen bagi Ulu Langat telah menjadi Ahli Parlimen ini sejak 1995. Mengapakah sekarang beliau mengambil kesempatan untuk membahaskan, mengungkitkan apa yang telah beliau untkitkan jika tidak beliau didorong oleh perasaan politik yang tertentu.

Saya merujuk kepada 02800 – Rancangan Pembangunan Pengurusan Hutan dan 060000 – Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia. Dalam perbahasan sebelum ini saya telah menyatakan kebimbangan saya tentang menurunnya kawasan berhutan di seluruh Semenanjung. Tahun demi tahun pada dasarnya kawasan berhutan menjadi semakin mengecil. Bagi seluruh Semenanjung dalam tempoh lapan tahun iaitu 1990-1998, keluasan kawasan berhutan menurun sebanyak 431,037 hektar iaitu daripada 6,269,897 hektar pada tahun 1990 kepada hanya 5,838,860 hektar pada tahun 1998. Dari jumlah kawasan berhutan ini, keluasan hutan simpan kekal berjumlah 4,866,470 hektar pada tahun 1990, dan telah berkurangan sebanyak 136,264 hektar dalam masa lapan tahun kepada 4.7 juta hektar pada tahun 1998.

Jika kita tinjau keluasan hutan mengikut negeri pula, kita dapati taburan yang sangat tidak sekata. Ada negeri yang meneroka kawasan hutan mereka sebegitu luas sehingga peratusan kawasan berhutan menjadi begitu kecil. Contoh yang paling ketara ialah Johor di mana kawasan berhutan cuma tinggal 22.74% pada tahun 1999 berbanding 25% pada tahun 1990, Melaka hanya 3.72%, 7.03% bagi Pulau Pinang, 15% bagi Perlis dan 0.525% bagi Wilayah Persekutuan. Dari sejumlah 12 buah negeri dan wilayah di Semenanjung, hanya dua buah negeri sahaja lagi yang masih mempunyai kawasan keluasan hutan melebihi 50% iaitu Kelantan, ucap tahniah kepada Kelantan - 59.89% dan Pahang, ucap tahniah kepada Yang Berhormat bagi Rompin – 57.59%.

Dari statistik ini menunjukkan negara kita telah tidak menetapkan keluasan minimum kawasan berhutan mengikut negeri. Masing-masing negeri bebas menentukan keluasan negeri mereka yang berhutan dan keluasan kawasan yang hendak diubah menjadi bandar, penempatan dan ladang. Jika ini dibiarkan berlaku, tidak mustahil tiap-tiap negeri suatu masa nanti menjadi seperti Pulau Pinang atau pun Melaka atau pun Johor, iaitu kurang dari 10% negeri masih berhutan. Jika ini berlaku sekali lagi, apakah akibatnya kepada ekologi atau *eco-system* negara kita?

Tarikan untuk perkara ini berlaku adalah kuat. Bagi pembalakan sahaja walaupun kebanyakan negeri menunjukkan pembukaan kawasan pembalakan yang menurun keluasannya bagi tahun 1999 berbanding tahun 1990, Johor dan Terengganu pula menunjukkan peningkatan yang sangat ketara. Bagi Negeri Johor pada tahun 1990 seluas 18,729 hektar dibuka untuk tujuan pembalakan tetapi meningkat dengan ketaranya kepada 30,000 hektar pada tahun 1996, 24,491 hektar pada tahun 1997, 19,000 hektar pada tahun 1998, 23,504 hektar pada tahun 1999. Bagi Terengganu pula menunjukkan peningkatan dari 22,715 hektar pada tahun 1990 kepada 27,601 hektar pada tahun 1997, 32,520 hektar pada tahun 1998, 23,605 hektar pada tahun 1999. Perlu diingat, Terengganu dalam tempoh itu dikuasai oleh Barisan Nasional tetapi kita tidak mendengar apa-apa teguran dari Kementerian ini.

Selain dari trend penurunan kawasan berhutan yang berterusan, tiap-tiap negeri yang masih luas hutan mereka juga akan dipaksa akhirnya mengikuti jejak Johor dan Melaka atau Pulau Pinang untuk maju, iaitu lebih banyak kawasan ladang akan dibuka, lebih banyak hutan akan ditukar menjadi kawasan perkilangan dan bandar baru. Tidak ada sebab bagi mereka untuk menyimpan hutan jika hasil akan bertambah

dengan menebang hutan masing-masing. Satu-satunya ukuran yang paling berkuasa ialah hasil.

Bagi memaksa negeri-negeri yang masih luas hutan mereka terus menyimpan hutan dengan nisbah sekarang adalah juga tidak adil. Mereka menyimpan hutan untuk negara tetapi negeri lain telah pun menebang hutan masing-masing. Oleh itu satu mekanisme perlu dirumuskan oleh kementerian ini. Berapakah keluasan minimum hutan yang diperlukan untuk kemantapan cuaca, kestabilan ekologi dan sumber air kita untuk jangka panjang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jika kita telah menemui tahap minimum yang kita perlukan, mana-mana negeri sanggup mengekalkan hutan mereka sebagai sumber kepada jumlah simpanan kawasan berhutan negara harus diberikan ganjaran dan ganti rugi sebagai ganti pendapatan melepas mereka daripada Dana Persekutuan yang ditubuhkan khas untuk perkara ini. Dengan cara ini sahajalah negeri-negeri akan tetap mendapat hasil dari hutan sekali pun mereka tidak menggondolkan hutan mereka. Dengan itu kita terpaksa menyimpan hutan yang lebih luas sebagai taruhan untuk generasi akan datang.

Tuan Pengerusi, pengurangan kawasan berhutan juga boleh ditinjau dalam konteks berkurangnya hutan simpan kekal bila beberapa negeri telah mengambil keputusan mengeluarkan hutan simpan kekal yang telah diwartakan. Jika tindakan Terengganu mengeluarkan 4,000 hektar hutan simpan kekal baru-baru ini dijadikan isu politik, mengapakah pada sepanjang tahun 1999, sejumlah 6,541 hektar yang telah dikeluarkan daripada hutan simpan kekal tidak dipolitikkan. Ini termasuk bagi Negeri Sembilan yang telah begitu kecil kawasan hutannya, masih lagi mengeluarkan sejumlah 909 hektar dan Perak sejumlah 4,470 hektar pada tahun tersebut.

Selain itu saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian tentang langkah-langkah yang diambil oleh kementerian terhadap negeri-negeri yang belumewartakan kawasan ganti hutan simpan kekal yang sepatutnya diganti mengikut akta perhutanan yang telah dikeluarkan seluas 233,564 hektar sehingga tahun 1999, meliputi negeri-negeri Johor 38,306 hektar, Kedah 35,567 hektar, Pahang 136,588 hektar, Selangor 11,270 hektar dan Terengganu pada waktu itu 10,192 hektar. Kesemua ini secara tidak langsung menunjukkan jumlah kawasan hutan simpan kekal yang telah dikeluarkan tetapi sampai hari ini gantinya belum diwartakan dan sebarang tindakan tegas daripada kementerian tidak kelihatan.

Selain itu saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian mengenai pemantauan yang telah dijalankan oleh kementerian terhadap penetapan kadar premium dan royalti pembalakan. Saya bertanya begini kerana beberapa negeri tertentu kadarnya adalah begitu rendah dan meragukan menyebabkan hasil negeri dari pembalakan juga menjadi terlalu rendah. Bagi negeri Terengganu umpamanya bagi tahun 1999 sebelum Barisan Alternatif berkuasa, purata hasil yang diperolehi daripada aktiviti pembalakan hanya RM648 satu hektar berbanding hasil sejumlah RM1,369 hektar bagi negeri Perak dan 3,286 hektar bagi negeri Pahang. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada negeri Pahang. Purata pendapatan Terengganu adalah yang paling rendah, Johor juga mencatatkan purata hasil yang sangat rendah iaitu RM917.00 sehektar. Semua negeri lain di seluruh Semenanjung mencatat RM1,300 ke atas bagi satu hektar.

Lebih pelik lagi Terengganu dicatatkan mengeluarkan kayu yang sangat bermutu tinggi dan mahal harganya, seperti cengal 17,347 metrik tan dengan harga pasaran pada waktu itu RM1,048 semeter persegi dan meranti merah 143,489 metrik tan. Mengikut buku yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan, kadar-kadar royalti yang dipungut oleh negeri Terengganu adalah yang paling rendah umpamanya bagi cengal kadar royaltinya ialah RM18.00 satu metrik tan sedangkan bagi negeri Kedah yang dipungut ialah RM147.00 bagi satu metrik tan, satu jurang yang sangat besar.

Kadar purata premium Terengganu berbanding keluasan pembalakan yang diluluskan juga menjadi paling rendah iaitu RM188.00 sehektar berbanding kadar tertinggi yang diperolehi oleh Kedah sejumlah RM2,601.00 bagi satu hektar. Jika Kerajaan Negeri Terengganu yang baru dapat meningkatkan kadar hasil pembalakan pada masa yang akan datang, sudah pasti akan mengesahkan sesuatu yang tidak

kena telah berlaku dengan begitu lama bagi Kerajaan Negeri Terengganu dan pada waktu itu kita tidak mendengar apa-apa suara daripada kementerian ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada Butiran 06300 – Pembangunan Hutan Paya Gambut iaitu mengenai kedudukan hutan paya bakau dan paya gambut. Hutan paya bakau, paya laut dan paya gambut bagi kebanyakan orang adalah hutan kelas dua yang kurang dipedulikan. Atas sebab ini barangkali keluasan hutan simpan kekal dari jenis paya laut di Semenanjung berkurang tahun demi tahun. Dalam tempoh sembilan tahun hutan simpan kekal paya laut atau paya bakau mengalami kemerosotan seluas 10,896 hektar atau purata 1,210 hektar setahun.

Dari sejumlah 97,329 hektar pada tahun 1990, hutan simpan kekal paya laut turun menjadi hanya seluas 86,433 hektar bagi tahun 1999. Dalam keadaan ini juga beberapa negeri sehingga hari ini tidak mempunyai hutan simpan kekal paya bakau dan paya laut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sudah bertukar orang sudah. Kepentingan hutan.....sudah hendak gulung. Kepentingan hutan bakau kepada ekologi adalah sangat menarik oleh kerana masa yang sempit saya tidak dapat mengulas kepentingan hutan paya bakau dan paya laut dari segi kepentingan ekologi.

Dalam kesempatan ini akhir sekali saya mengambil kesempatan ini ialah berkenaan mutu hutan bandar. Walaupun Yang Berhormat bagi Kepong berkata bahawa di kawasan Kepong masih ada hutan tetapi saya yakin sebahagian daripada hutan dalam Institut Penyelidikan Perhutanan di Kepong sendiri telah pun ditebang untuk dijadikan kawasan perumahan. Saya tidak sempat untuk membincangkan perkara ini kerana kesempatan masa tetapi hutan bandar adalah satu jenis hutan yang sangat perlu untuk kita memberikan perhatian bagi pemuliharaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin.

4.38 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya Tuan Pengerusi, mengambil kesempatan untuk beberapa minit sahaja menyentuh dua isu Butiran 010100, 010200 dan Butiran 020000 - Perhutanan, dua perkara. Satu isu kemajuan industri komoditi dan yang kedua sedikit tentang perhutanan.

Saya mengucapkan syabas kepada rakan saya Yang Berhormat bagi Hulu Langat kerana pada hari ini beliau begitu sensitif dari segi isu hutan, tidak semacam Yang Berhormat bagi Kepong, dia tidak ada pengalaman tetapi bercakap sahaja, tindakannya tidak ada. Yang Berhormat bagi Hulu Langat menunjukkan sensitif beliau kepada isu hutan di mana kita sebagai wakil rakyat di sini memberikan contoh yang baik bahawa kita betul-betul...

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hendak balik dah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Ketawa] Beri saya habis dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu Yang Berhormat bagi Rompin, di Rompin satu institut hutan pun tidak ada, dia hendak cakap apa? Ha, inilah...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, sebab itu Yang Berhormat walau pun institut itu berada di kawasan Yang Berhormat, saya tidak tahu kali yang terakhir saya difahamkan Yang Berhormat pergi sepuluh tahun dahulu melawat kawasan tersebut. Selalu Yang Berhormat membawa kereta sahaja, itu menunjukkan hanya pada kata bukan pada tindakan.

Saya hendak bertanya satu perkara kepada Dato' Timbalan, ini syabas kepada kerajaan dan isu kemajuan industri komoditi tentang membela rakyat negara kita terutama sekali peneroka-peneroka kelapa sawit dan juga mereka di luar bandar yang bergantung sumber pendapatan daripada kelapa sawit.

Baru-baru ini bila harganya turun satu, usaha yang baik daripada kerajaan sehinggakan membelanjakan RM1 bilion untuk membantu dan memastikan harga itu pada paras yang memberikan satu garis pendapatan yang boleh diterima oleh masyarakat di luar bandar, syabas kepada kerajaan. Saya minta juga supaya pertama, apakah dan suasana sekarang ini harganya baik tetapi belum pada tahap yang kita harapkan. Adakah usaha-usaha ini diteruskan. Yang keduanya, setakat mana usaha-usaha perancangan kita yang akan datang. Yang kedua dari segi dasar usaha kerajaan untuk mempelbagaikan penggunaan minyak kelapa sawit ini dari segi pembentukan dan pembangunan industri hiliran supaya digunakan sendiri di dalam negara kita, minyak kelapa sawit ini daripada kita bergantung besar kepada eksport minyak ini ke luar negara. Dua perkaralah dapat sedikit Dato' Timbalan Menteri memaklumkan kepada sidang Dewan yang mulia ini.

Pertama dari isu usaha kita memastikan harga itu boleh tahan pada kaedah yang boleh diterima oleh rakyat. Memastikan sekurang-kurangnya pendapatannya boleh selesa kepada rakyat di luar bandar. Yang kedua bagaimana usaha kita untuk meningkatkan lagi pembangunan industri hiliran, penggunaan kelapa sawit. Itu dua perkara yang saya ingin sentuh.

Berkenaan dengan hutan-hutan ini, saya sekali lagi kalau kita hendak tunjukkan, walaupun rakan-rakan saya cuba hendak membela kawan dia, tetapi dia tunjuk sahaja. Yang sebenarnya orang Kelantan dia membela Kelantan. Yang Perak itu dia kata tidak apalah, kalaulah kalah kerusi itu besok dia hantar calon yang baru daripada Kelantan pula.

Begitu juga Yang Berhormat daripada Kelantan tadi ada mengatakan bahawa Barisan Alternatif, sudah tidak ada, tidak ada barisan PAS dengan DAP berpecah, ini Parti Bersatu Sabah sudah masuk Barisan Nasional, tidak ada barisan sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keluar daripada tajuk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keluar daripada tajuk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Keluar tajuk tetapi hendak bercakap.. [Ketawa] Susah. Malas hendak mengusik lebih sikit, bulan puasa tetapi oleh kerana Yang Berhormat menggunakan satu takrif yang tidak benar, itu saya hujah sedikitlah. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupar dan lepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, keputusan sudah dibuat. [Disampuk] Batang Lupar teruskan.

4.41 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya di Jeli bukan banyak hutan tu. Tengok Batang Lupar banyak hutan.

Walaupun saya bersetuju dengan Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 020000 – Perhutanan, saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Ia banyak merapu tetapi ada sikitlah perkara yang dia sebut betul juga. Kadang-kadang kalau dia sebut 100, ada dua, tigalah yang betul itu. Persoalan yang disebut tadi iaitu masalah *shifting cultivation* yang dia sebut tadi dan macam mana untuk mengawalinya.

Jadi, dalam keadaan yang sama kalau berbangkit sesuatu pembangunan berlaku di Sarawak yang mana orang-orang kampung yang mengamalkan... [Disampuk] *Shifting cultivation* ini...Ada mental tu sikit – puasalah. [Ketawa] Jadi,

berlakulah pihak-pihak pembangkang kadang-kadang menghalang, melarang kerajaan membawa umpamanya masyarakat Penan mengikut aliran pembangunan kerajaan, mendidik masyarakat ini, membawa mereka ke suatu aliran yang baru, pekerjaan yang baru, cara hidup yang baru.

Adalah pihak pembangkang yang melarangkan bahkan menggalak umpamanya secara tidak langsung menggalak pihak Penan yang membuat *shifting cultivation* ini berleluasa. Tetapi pada hari ini nampaknya Yang Berhormat bagi Kepong telah berubah sedikit sebagaimana biasa, besok cakap lain, hari ini cakap lain.

Shifting cultivation ini memang satu masalah yang besar, yang mana berlaku apabila kelompok, dahulunya kita lihat kaum Penan kalau dia bercucuk tanam di satu tempat dan kesuburan di satu tempat yang tertentu tidak baik lagi untuk mereka bercucuk tanam, tanam ubi ataupun padi, mereka berpindah ke satu tempat lagi dan akan menebang, menebas dan untuk menanam ubi dan padi untuk di satu tempat lagi.

Dengan keadaan yang sedemikian, berterusanlah keadaan *shifting cultivation* ini berlaku dan Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan supaya ini diberhentikan. Tetapi persoalannya, ini adalah satu yang dibudayakan oleh masyarakat setempat dan kawalannya memanglah satu masalah yang agak rumit sedikit tetapi persoalannya Tuan Pengerusi, di sini kita lihat benda yang dihalalkan bahawa kalau kita lihat pencurian balak, walaupun ini dikatakan haram tetapi masalahnya ialah penguatkuasaan. Pihak-pihak yang menguatkuasakan undang-undang daripada kecurian dan sebagainya itu tidak berkuasa, tidak berupaya mengatasi masalah kecurian balak di hutan-hutan belantara.

Jadi, biasanya keadaan sedemikian, gengster-gengster yang curi balak di hutan itulah bermaharajalela lela yang mencuri balak di tiap-tiap kawasan hutan dan menjual balak sewenang-wenang dan apabila balak dijual, pihak berkuasa tempatan umpamanya pihak perhutanan terus cop sahaja iaitu menghalalkan benda-benda curian ini.

Bahkan sepatutnya boleh diselidik, berapa banyak kayu yang boleh dikeluarkan dalam satu hektar dalam tiap-tiap hutan tersebut dan apabila pengeluarannya berlebihan daripada produk yang sepatutnya keluar daripada hutan itu, pihak berkuasa sedemikian sepatutnya jangan menghalalkan benda-benda curian ini.

Jadi, persoalan saya, apakah tindakan kementerian supaya membawa semua agensi seperti polis dan askar umpamanya, supaya menguatkuasakan undang-undang kerana mungkin pihak pegawai hutan ini takut dengan gengster-gengster dalam hutan itu. Gengster sekarang bukan sahaja duduk di bandar yang curi, rompak bank tetapi rompak hutan pun ada.

Tuan Pengerusi, kita kena jaga benda, perkara ini daripada berlaku. Oleh kerana kalau kesalahan yang dibuat, orang lain dapat duit tetapi kerajaan tidak dapat apa-apa dan hutan kita habis dilanyak oleh orang yang tidak bertanggungjawab ini. Jadi, kita kena melihat perkara ini, pihak kementerian harus mengambil satu sikap supaya membawa pihak polis, askar dan siapa sahaja pihak agensi penguat kuasa bertindak bersama untuk mengatasi masalah kecurian hutan yang dibuat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kalau tidak percaya, Tuan Pengerusi, tanya dengan Yang Berhormat bagi Selangau, dia boleh bagi tahu. *[Disampuk]* Dia bercakap, ya, ya dari belakang tu. *[Ketawa]* Jadi, baiklah kawasan saya di Batang Lupar. Di kawasan saya mempunyai 85 ribu hektar hutan simpanan dan tidak ada kecurian berlaku kerana dia bimbang buaya besar.

Satu lagi Tuan Pengerusi, kecurian di hutan ini, berlakulah satu pencemaran alam yang berleluasa. Kita bimbang, umpamanya ikan terubuk di Batang Lupar, adalah salah satu sungai yang di mana terubuk boleh *spawning*... *[Disampuk]* Membiak, boleh membiak dan ini satu-satunya sungai di Malaysia yang di mana terubuknya boleh membiak.

Kalau Batang Lupar ini tercemar

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Selangau bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Sambil memberi isyarat tangan minta tunggu*]Oleh kerana pembalakan hutan haram yang tidak diiktiraf oleh pihak kerajaan ini, melakukan pencemaran di Batang Lupar dengan sendirinya terubuk itu akan pupus juga. Terima kasih.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada kawan saya Yang Berhormat bagi Batang Lupar, adakah Yang Berhormat sedar syarikat pembalok itu bukan sahaja gengster atau samseng. Bila mereka telah diberi permit dalam satu-satu kawasan tetapi sebenarnya mereka mengambil balak, mencuri balak di tempat yang lain. Itulah sebabnya kadang-kadang kuasa yang diberi oleh kerajaan untuk menebang balak itu atau menebas balak itu 2 tahun tetapi balak yang diambil lebih daripada itu. Adakah Yang Berhormat setuju supaya pemantauan lebih rapi dibuat di mana-mana tempat. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya mengetahui perkara ini secara peribadi, Tuan Pengerusi. 8000 ekar tanah di sempadan Indonesia dan Sarawak, tidak berapa jauh kurang lebih 20 kilometer daripada stesen Tebedu di Bahagian Kuching. Kawasan ini diberi lesen pada tahun 1980, sampai tahun 1995 kayu dalam kawasan 8000 ekar ini belum habis lagi.

Jadi, apabila surat janjinya dibuat salah seorang daripada orang yang terlibat bertanya kepada saya, kenapa tanah hutan ini 8000 ekar, katanya, tetapi sampai sekarang sudah 15 tahun, hutan tidak habis-habis. Saya kata, janganlah tanya saya, saya tidak pergi ke hutan. Tanyalah pejabat perhutanan. Apabila diselidiki oleh seorang jurutera *surveyor*, dia pergi ke hutan itu, nampak rupa-rupanya semua yang menyeberang sempadan ke Indonesia, masuk ke dalam, ke belakang, ke kiri, ke kanan, semua sudah ditebang sudah, hampir semua berpuluh-puluh ribu ekar, di keliling hutan itu semua sudah ditebang tetapi yang dalam itu satu pun tidak terjejas.

Mereka sudah menggunakan lesen yang satu ini untuk mencuri kawasan di sekeliling itu, menghalalkan operasi mereka menerusi kawasan hutan ini.

Jadi, ini pihak pemantauan tidak cukup rapi. Dan kalau ada pemantauan yang khusus mungkin pegawai yang datang itu hanya bawa tukul satu sahaja untuk ketuk, dia tidak berani buka mulut. Kalau tidak buka mulut mungkin kena ketuk kepala dengan tukul yang lain pula. Jadi oleh kerana itu pihak polis mesti tolong orang-orang macam ini. Kalau tidak ada arahan yang khusus, pihak polis akan kata "Kita punya tugas ialah menangkap penjenayah di bandar, orang yang merompak bank, yang mencuri, yang menyamun di kampung dan di pekan, tetapi yang di hutan ini pihak hutanlah buat". Tetapi dalam keadaan yang sedemikian, pencurian yang di hutan itu lebih besar daripada pencurian yang berlaku di dalam bank atau yang berlaku di pekan-pekan dan yang merompak orang. Ia lebih besar lagi, Tuan Pengerusi. Ya, Datuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bertanya sedikit sahaja. Apakah kerana hutan ini tidak dijaga dengan rapi ataupun pegawai-pegawainya telah dijaga dengan rapi? Ha itu, siapa yang rapi, siapa yang tidak rapi? Sama ada hutan itu tidak dijaga dengan rapi oleh pihak yang berkenaan atau pihak berkenaan sudah dijaga dengan rapi oleh orang-orang yang mahu kerja-kerjanya dilihat dengan rapi? Ha, itu macam mana itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulunglah ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, saya akan menggulung dengan jawabannya sekali, Dato'.

Sebenarnya hutan adalah satu khazanah negara ini, mempunyai bio-diversity yang besar, bagus, baik dan memberi kemungkinan industri bio-diversity yang berbilion-bilion harganya Tetapi dalam konteks persoalan yang dibangkitkan oleh Sri Gading tadi, saya mungkin boleh membuat satu andaian bahawa ada berkemungkinan pihak-pihak yang terlibat, oleh kerana "I tak boleh lawan dia, baiklah ikut dia". Jadi lebih baik macam itu sahaja, oleh kerana agensi-agensi penguat kuasa ini bukan membawa senjata, dan agensi yang membawa senjata tidak hendak masuk.

Jadi, yang tidak bawa senjata itu pun bila kena gaduh, dia kena pukul, ataupun dia kena bunuh. Jadi kalau perkara macam ini berlaku, biarlah dia mengikut sahaja, mungkin dia akan dijaga dengan rapi dan baik-baik oleh pihak yang mencuri.

Jadi, yang penting,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, yang pentingnya ialah Kementerian yang berkuasa mestilah mengawal pegawai-pegawai yang boleh menguat kuasa ini supaya jangan dijaga rapi oleh pihak pencuri-pencuri sedemikian.

Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya telah dibuat keputusan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Lima minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okaylah, lima minitlah dan lepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

4.53 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera Ahli-ahli Dewan sekalian.

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 020300 – Pembangunan Hutan. Kita bimbang kerana akhir-akhir ini keluasan kawasan-kawasan hutan semakin berkurangan, bahkan maklumat yang kita perolehi setakat penghujung 1999 negeri di Semenanjung Malaysia yang masih mengekalkan kawasan hutan melebihi 50% ialah Kelantan – 59.89%, manakala Pahang – 57.59%; manakala negeri-negeri lain selain daripada dua negeri ini sudah berada di bawah paras 50%.

Jadi, sebab itu saya memikirkan bahawa sudah sampai waktunya Kementerian memikirkan satu kaedah dan juga memperhebatkan gerakan pembangunan hutan ini untuk mencari spesies baru yang bakal menggantikan bila mana spesies ini dipotong, bila mana hutan-hutan simpan nanti akan diperluaskan dan dipotong, maka sudah tentu kawasan-kawasan yang akan terlibat dengan kawasan perhutanan akan semakin berkurangan.

Saya masih teringat lagi bahawa pada sekitar 80'an, pihak Jabatan Perhutanan Persekutuan telah mengenal pasti 30 atau 40 kawasan untuk ditanam dengan ladang-ladang hutan, dan sekarang ini sudah hampir 17 atau 18 tahun. Jadi kita hendak mengetahui apakah status dan progress lebih dari 30 kawasan-kawasan yang telah ditanam dengan pokok-pokok hutan ini dan apakah pihak jabatan berpuas hati dengan progress kemajuan pokok-pokok hutan yang telah ditanam.

Ini memandangkan Kerajaan Kelantan sangat prihatin tentang hal ini di mana Kerajaan Kelantan di kawasan jajahan Gua Musang telah meluluskan lebih daripada 20,000 hektar kepada pemaju-pemaju untuk dibangunkan terutama di jajahan Gua Musang. Ladang-ladang hutan ini tidak dibenarkan sama sekali dimajukan melainkan ladang hutan walaupun dirayu untuk menanam kelapa sawit. Tetapi pemaju-pemaju ini memberitahu bahawa sehingga hari ini, belum diketemui spesies yang sesuai untuk ditanam dengan ladang-ladang hutan.

Jadi, oleh sebab itu saya memohon pihak Kementerian janganlah mengambil sikap give up dan meneruskan usaha-usaha kajian dan juga research agar kita dalam masa 10 hingga 20 tahun lagi tidak rasa bimbang tentang kawasan-kawasan hutan kita semakin hari semakin pupus.

Kemudian saya pergi kepada 050000 – Lembaga Getah Malaysia. Saya merasa sedih kerana kita lihat bahawa industri getah kita sudah digambarkan sebagai "sunset industry". Saya berkata begitu kerana kita perhatikan bahawa fokus kajian Lembaga Getah Malaysia walaupun objektifnya ialah untuk memaju dan membangunkan industri getah Malaysia tetapi apa yang berlaku ialah fokus kepada sektor hiliran masih lagi sarung tangan getah, tayar dan juga sepatu.

Tetapi apakah pihak Kementerian sedar bahawa baru-baru ini sebuah syarikat yang terkemuka di Amerika Syarikat yang telah beroperasi lebih daripada 100 tahun telah menemukan satu kaedah dengan hanya menggunakan 5% getah asli yang lainnya getah tiruan tetapi kemampuan dan teknologinya mampu bertahan 50 kali ganda lebih baik daripada yang sedia ada.

Kalau benar-benar teknologi ini berjaya maka kita akan dapati bahawa banyak syarikat gergasi kita yang terlibat dengan sektor pembuatan tayar seperti mana Lion di bawah Silverstone dan Sime Darby di bawah Goodyear akan menghadapi masalah yang besar kerana pada waktu itu, sudah semestinya pembeli-pembeli akan membeli produk-produk tayar yang dikeluarkan oleh syarikat yang saya sebutkan tadi. Bahkan penemuan juga didapati oleh syarikat ini sendiri bahawa kapal terbang dan jet-jet pejuang pun boleh mengguna pakai tayar yang dikeluarkan ini.

Kalau ini benar-benar berlaku, maka sudah tentulah sektor getah asli terutama tayar yang dibuat daripada getah asli akan menghadapi jalan buntu dan akan terpaksa tutup industri tersebut. Dan bila mana industri-industri tersebut ditutup, maka kita akan menjangkakan lebih daripada 10,000 pekerja di sektor ini akan terpaksa dibuang kerja.

Di samping itu juga, kita perhatikan walaupun kita berbangga dengan sektor eksport getah, tetapi eksport getah kita hanya berkisar kepada sarung tangan getah dan sarung getah ini merupakan teknologi yang rendah dan hanya memerlukan kepada bilangan pekerja yang ramai. Sektor getah ini dalam sedikit masa lagi, kita akan perhatikan Thailand dan Indonesia akan menggantikan dan mendahului kita dalam sektor pengeluaran sarung tangan getah.

Sebab itu, kerajaan dan pihak kementerian hendaklah serius tentang bagaimana hendak membangunkan getah ini, kerana getah ini pada satu ketika dahulu Malaysia merupakan pengeluar getah terbesar di dunia tetapi sekarang ini sudah berada di tempat ketiga di belakang Thailand dan Indonesia.

Dan tidak menghairankan dalam sedikit masa lagi, kemungkinan kita akan berada di belakang Thailand, Indonesia, Vietnam dan juga Sri Lanka, bahkan China itu sendiri.

Sebab itulah kita rasakan bahawa kita tidak ada pilihan yang lain, kerana orang-orang kampung masih lagi terpaksa menanam getah, mereka fokus kepada penanaman getah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh ...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Satu minit. Mereka masih lagi fokus kepada penanaman getah. Ladang-ladang sudah merubah daripada getah kepada kelapa sawit, tetapi orang-orang kampung masih lagi menanam getah, dan teknologi pengeluaran getah itu sudah berkurangan. Kalau dahulu susu, kemudian getah sekeping tetapi sekarang getah skrap. Ini bermakna getah skrap ini value-added adalah yang paling rendah. Sepatutnya peredaran masa, semakin teknologi berkembang, pengeluaran getah dan hasil getah semakin bermutu. Tetapi rata-rata di pasaran hasil produk daripada getah itu, pengeluar terbesar sekarang ini ialah petani-petani, bukan lagi ladang-ladang.

Jadi, saya minta pihak kementerian hendaklah benar-benar mengkaji di samping memberi perhatian yang khusus tentang projek pembangunan rotan, pembangunan buluh dan juga penanam produk herba yang hanya menggunakan belanja yang terlalu kecil, yang diberikan oleh kerajaan. Saya fikir kalau dengan jumlah belanja tidak sampai setengah juta setiap satu ini, nampak macam kita buat program untuk melepas batuk di tangga.

Jadi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

5.00 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terutama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menimbulkan beberapa perkara yang melibatkan Kementerian Perusahaan Utama dan yang pertamanya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat iaitu Dasar Perhutanan Negara dan tentang kemotivasi milik Sabha Total Training Centre Sdn. Bhd. Sebenarnya Yang Berhormat, tapak kemotivasi Sabha Total Training Centre Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali adalah termasuk dalam compartment 46 - Hutan Simpan Sungai Lalang Selangor. Walaupun permit penggunaan bagi kawasan

yang termasuk dalam hutan simpan adalah dikeluarkan oleh pihak berkuasa negeri tetapi tarikhnya telah pun luput pada 31.12.1998.

Ini bermakna semenjak tahun 1999, pihak Sabha Total Training Centre Sdn. Bhd. telah menduduki hutan simpan berkenaan secara haram dan melanggar seksyen 32(1) Akta Perhutanan Negara 1984. Mengikut peruntukan di seksyen 32(2) Akta Perhutanan Negara 1984, pemilik kem motivasi ini boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-dua denda dan penjara. Mengikut seksyen 17(2) Akta Perhutanan Negara 1984 pula, kerajaan negeri tidak perlu membayar ganti rugi atas bangunan yang didirikan dalam hutan simpan tersebut apabila permit penggunaan dibatalkan. Di samping itu, mengikut seksyen 39 Akta Perhutanan Negara 1984, semua harta alih yang ditinggalkan di kawasan permit selepas melebihi 90 hari dari tarikh permit luput boleh dilupuskan oleh Jabatan Perhutanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Datuk Anifah Aman: Silakan.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Bolehkan dapat penjelasan sebab apakah permit yang telah dikeluarkan selama lebih kurang 5 tahun, 6 tahun, kemudian tidak dikeluarkan, apakah sebabnya tidak diperbaharui? Sekian.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Kedudukan dan luas kawasan yang dipohon ialah kompartment 46 seluas 6.5 hektar. Nombor permit penggunaan telah pun diberikan, maksud permit penggunaan - untuk perkhemahan bagi latihan lasak, tempoh permit penggunaan - tempoh asal 26.5.1998 kepada 31.12.1994 dan telah pun diberi sambungan daripada 1995, tiap-tiap tahun sampai 1998. Dan permohonan tersebut iaitu pada tahun 1999 dan 2001 tidak diluluskan atau belum lagi diluluskan. Dan kuasa untuk meluluskan adalah tertakluk kepada kerajaan negeri dan saya berpendapat bahawa barangkali satu daripada puncanya kenapa Yang Berhormat itu beralih daripada masuk ke Parti PAS barangkali kemungkinan ianya tidak diluluskan dan saya kurang faham. Barangkali ini adalah puncapunca utama, walau bagaimanapun, ini adalah kuasa kerajaan negeri untuk meluluskan dan bukan semua permohonan itu seharusnya diluluskan. Banyak faktor yang diambil kira dan saya percaya bahawa pemohon itu memang arif dan maklum tentang kedudukan yang sebenarnya. Dan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita faham kedudukan ini iaitu kawasan ini telah pun diluluskan pada satu tempoh yang tertentu. Kemudian oleh sebab-sebab yang tertentu dan boleh jadi sebab-sebab politik, permohonan ini belum lagi diluluskan, bukan kata ia tidak dilulus langsung. Iaitu bermakna bahawa kerajaan negeri sampai hari ini secara rasmi belum menolak permohonan ini. Ini pokoknya. Kalau permohonannya belum ditolak, mengapakah perkara ini dijadikan satu isu? Kerajaan negeri secara rasmi perlu menolak permohonan ini, barulah syarikat ini boleh mengosongkan kawasan ini. Kalau secara rasmi belum ditolak macam mana dia hendak kosongkan, mungkin masih dalam pertimbangan kerajaan negeri.

Datuk Anifah Aman: Yang Berhormat, sebenarnya sama ada ianya diluluskan ataupun belum diluluskan yang penting sekali bahawa ianya tidak mendapat kelulusan untuk meneruskan. Perbezaan di antara tidak mendapat kelulusan untuk meneruskan kem motivasi itu. Walau bagaimanapun, tuan empunya kem itu haruslah menghormati perundangan yang telah pun tertakluk dalam syarat-syarat yang dikenakan. Dan kalau orang yang sama iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali yang begitu lantang menyorok dalam Dewan yang mulia ini tentang adanya pelanggaran daripada segi undang-undang maka kenapakah beliau memohon supaya ianya dikecualikan daripada akta yang saya sebutkan tadi. Oleh itu, tidak ada *excuse* dengan izin, ataupun tidak ada alasan untuk Yang Berhormat berdolak-dalik dalam hal yang seperti ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Datuk Anifah Aman: Silakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Nampaknya kerajaan tidak berlaku adil dalam hal ini. Tiap-tiap satu bangunan yang telah didirikan dengan izin, sebelum dia telah diperintah secara rasmi untuk keluar, macam mana orang hendak keluar. Pelaburan telah dilakukan, kecuali kerajaan negeri mengambil satu langkah secara rasmi mengarahkan beliau keluar, barulah kita boleh tuduh dia melanggar undang-undang. Jangan kita tidak berlaku adil begitu. Biarlah isu ini dilihat secara yang *proper*, yang profesional, yang tidak diasaskan kepada sebab-sebab politik. Dan saya minta Yang Berhormat Hulu Langat kalau dia betul berani, Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali telah melakukan perkara yang salah dari seri undang-undang, saya minta dia ulang di luar Dewan ini.

Datuk Anifah Aman: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak harus emosi. Yang nyata itu harus nyata, jangan membela semata-mata oleh kerana Ahli Yang Berhormat secara kebetulan adalah anggota Parti PAS. Yang Berhormat, undang-undang tidak memilih sama ada dia anggota Parti PAS ataupun Barisan Nasional dan lain-lain. Yang Berhormat juga kalau silap dari segi undang-undang juga boleh diambil tindakan. Untuk mencabar, Yang Berhormat

Tuan Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Datuk Anifah Aman:duduk dulu, nanti saya beri laluan, biar saya jawab sekejap. Yang Berhormat, ini adalah undang-undang yang dikenakan, sekiranya ianya tidak memenuhi atau tidak mengikut syarat undang-undang itu maka tindakan harus diambil. Sama ada tindakan itu berbau politik, itu adalah di luar dari bidang kementerian saya danya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, sekarang jawapan andaian. Kalau dia betul-betul langgar undang-undang, kita minta Kerajaan Pusat, minta Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Daerah robohkan semua kerana dia telah melanggar undang-undang. Kalau tindakan tidak ada dibuat, ini main politik. Kalau betul-betul dia langgar undang-undang, kita sokong. Kita sokong tindakan meroboh kalau syarikat itu melanggar undang-undang. Boleh arah Kerajaan Negeri Selangor untuk bertindak begitu?

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita Kerajaan Barisan Nasional, kita tidak membuat sedemikian dengan sewenang-wenangnya. Bukan oleh kerana Yang Berhormat itu secara kebetulan ahli anggota PAS, maka kita mengambil tindakan yang tidak menurut lunas undang-undang. Katakan kita mengikut semua cara peraturan, yang nyata sekali bahawa kelulusan tidak diberikan. Jadi, mengikut - saya bacakan akta undang-undang tadi bahawa sekiranya ianya bercanggah dengan undang-undang maka ia boleh diambil tindakan, sama ada didenda, ataupun dipenjarakan ataupun kedua-duanya sekali. Jadi, tidak usahlah Yang Berhormat mencabar sama ada kita mahu mengambil.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ...
Datuk Anifah Aman: Itu tidak payah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hulu Langat bangun.

Datuk Anifah Aman: Okay Hulu Langat, silakan.

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya tetapi dengan gambaran lain tentang kesalahan ini. Adakah apabila kita melakukan satu kesalahan itu perlu kementerian beritahu dahulu baru dikatakan salah. Umpamanya kalau kita tengok lesen memandu kita dengan JPJ, tamat tempohnya 31 Disember, kalau kita tidak diperbaharui kita salahlah. Adakah ini bermakna kita hendak tunggu surat daripada Menteri Pengangkutan atau Ketua Pengarah JPJ mengatakan Yang Berhormat Kubang Kerian, 31 Disember lesen sudah mati, sekiranya tidak diperbaharui, ini satu kesalahan. Sebab dia bertanyakan tadi ini, kerana kerajaan negeri tidak memberitahu itu satu kesalahan, tidak beritahu penolakan, jadi ia bukan satu kesalahan. Bagaimana perundangan Jabatan Hutan ini, Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Hulu Langat memang bijak orangnya [Ketawa] dan saya percaya itu yang paling senang dimengertikan oleh pihak Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan juga Kubang Pasu. Walau bagaimanapun,

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun menegur dan bercakap tanpa pembesar suara kerana kawasannya salah disebut]*

Datuk Anifah Aman: Kubang Kerian, Kubang Kerian, Kubang Kerian. Minta maaf Yang Berhormat. Kubang Kerian, Kuala Kedah, Kuala Kedah. Bagi saya, orang Kuala Kedah ini sepatutnya saya tidak boleh lupa, tetapi agaknya bulan puasa ini lupa juga. *[Ketawa]* Jadi, Yang Berhormat saya mengharap sangatlah jangan undang-undang itu juga dari segi agama diinterpretasikan untuk kepentingan sendiri dan itu nyata sekali. Oleh itu, sekiranya ianya melanggar undang-undang, kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya.

Juga Tuan Pengerusi, kebanyakan dari Ahli Yang Berhormat telah pun menimbulkan perkara-perkara yang kebanyakannya terdiri daripada tentang perhutanan. Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Mambong, Sri Aman, Kepong, Kubang Kerian Rompin, Batang Lupar dan Jeli juga telah membangkitkan tentang status pengurusan hutan secara berkekalan di Malaysia ini.

Ini memanglah satu daripada khazanah negara yang begitu penting sekali dan pengurusan sumber hutan tropika secara berkekalan serta kestabilan alam sekitar di antara isu utama dibincangkan semasa United Nation Conference On Environment and Development ataupun UNCED yang telah pun diadakan di Rio de Janeiro, Brazil dengan izin pada Jun 1992. Malahan kedua-dua isu ini masih merupakan isu yang sering dihubungkan dan dibangkitkan oleh negara-negara maju di dalam forum antarabangsa hingga ke hari ini terutamanya sekali mengenai kadar pembalakan hutan tropika yang tinggi serta amalan pengurusan hutan yang dianggap tidak berkekalan.

Dalam hubungan ini, Malaysia sebagai pengeluar utama kayu-kayan tropika di dunia telah didakwa oleh pencinta-pencinta alam di negaranegara maju sebagai salah satu negara yang tidak mengamalkan pengurusan hutan yang tidak mengikut ciri-ciri pengurusan hutan secara berkekalan.

Dengan yang demikian, usaha-usaha telah diambil oleh pihaknya untuk memboikot import kayu-kayan daripada Malaysia melalui Kempen Anti Kayu Tropika yang dilancarkan pada awal tahun 1980-an dan usaha tersebut diteruskan pada masa ini dalam bentuk keperluan pensijilan pengurusan hutan.

Usaha-usaha ini adalah juga oleh kerana kita menyedari kepentingan sektor perhutanan khasnya di dalam konteks pembangunan sosioekonomi negara, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Malaysia bukan sahaja untuk menangani tekanan dari impak globalisasi bahkan juga memenuhi tanggungjawab sebagai *custodian* hutan supaya sumber-sumber hutan diurus secara berkekalan bagi manfaat generasi kini dan akan datang.

Usaha-usaha ini adalah selaras dengan inisiatif Malaysia sebagai penggerak utama dalam bidang perhutanan tropika di peringkat antarabangsa serta kedudukan Malaysia sebagai Ahli Pertubuhan Kayu-kayan Tropika Antarabangsa atau pun dengan izin *International Tropical Timber Organization* ataupun ITTO yang bersetuju kepada pencapaian objektif ITTO tahun 2000.

Di samping itu Malaysia juga telah memberi persetujuan kepada *None Legally Mining Authoritative Statements of Principle for Global Consensus Management* dengan izin, *conservation and sustainable development of all types of forest* dan kepada *The Inter-Governmental Panel and Forum on Forest - IPF* ataupun IFF - *Proposal for Action* yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong tadi untuk memastikan pengurusan hutan secara berkekalan.

Sementara itu Malaysia juga telah pun menandatangani dua konvensyen iaitu *Convention on Biological Diversity* dengan izin, semasa *United Nations Conference on Environment and Development* atau UNCED dengan izin di Rio de Janeiro, Brazil pada 5 Jun 1992 dan *Framework Convention on Climate Change* di Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong.

Dan bagi *Convention on Biological Diversity* yang telah pun berkuat kuasa di Malaysia ialah pada 22 September 1994....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Seri Gading.

Datuk Anifah Aman: Izinkan saya habiskan... Manakala *The Framework Convention on Climate Change* yang juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat pula, mula berkuat kuasa pada 11 Oktober 1994. Silakan Seri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz : Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Hutan memang suatu yang amat berharga tetapi kita tidak dapat hendak menahan kemajuan dan pembangunan. Sebab itu kalau kita kaji peratus baki hutan di sebelah Pantai Barat berbeza dengan sebelah Pantai Timur.

Sebab itu Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, dia membangga-banggakan Kelantan kerana baki hutan masih 50% ke atas. Tetapi dia lupa satu perkara kerana di Pantai Timur, pembangunannya sudahlah kebelakangan dan ia sebenarnya baru diteroka dibandingkan dengan negeri-negeri sebelah Pantai Barat. Itu sebabnya macam Pulau Pinang tinggal beberapa peratus sahaja? Di Wilayah Persekutuan, Johor peratusnya memang rendah kerana kita sudah lama bertamadun ini, pembukaan ladang-ladang, ladang getah, ladang kelapa sawit ya memakan kawasan hutan. Tetapi kalau kerana Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dia pandai hendak memperagakan politik PAS ini dan hendak menghalalkan pula pembukaan pemberian hutan di Terengganu, jadi cuba hendak mempermainkan perkara-perkara ini sebagai satu seolah-olah 'mengkondemkan'...

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Mana ada bahasa itu... [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bahasanya apa yang betul ya? Maknanya macam memperkecil atau mempertidakkkan Kerajaan Barisan Nasional mempermainkan atau menghina kerana ada unsur politik. Jadi kita tak dapat elaklah bahawa kerana tuntutan masa tuntutan pembangunan kemajuan. Hutan, hutan simpan *forestry reserve*, tidak dapat dielakkan kita akan menggunakan kerana kehidupan manusia itu juga menjadi perkarayang penting dan berharga.

Cuma saya hendak tanya, adakah kementerian ada angka bagaimana pengurusan hutan, pengurusan bestari hutan-hutan ini apabila telah ditebang, macam Yang Berhormat bagi Mambung tadi kata, kalau diurus dengan betari, 30 tahun akan datang, kita boleh datang semula ke kawasan itu untuk mengambil hutannya balik. Maknanya walaupun ditebang, walaupun diganti dengan pembangunan lain ..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bukan buat ucapan ya..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya bukan buat ucapan. Ini bertanya kerana bertanya ini harus juga dengan satu mukadimah dan penerangan yang jelas supaya Timbalan Menteri begitu jelas maksud saya supaya tidak terkeliru terhadap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan beliau ini seorang ahli politik yang pandai. Saya puji dia. Memang PAS beruntung dapat dia. Dia punya permainan. Itu yang kadang-kadang wartawan-wartawan pun terpengaruh dengan dia punya silat ini, kan, PAS dapat kredit atas Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Kubang Kerian ini patut jadi Timbalan atau pun Naib

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya, saya, saya hendak masuk pertanyaan ya? Kerana hari pun sudah petang [Ketawa].

Jadi peratus negeri-negeri pula, apakah Kelantan dan Terengganu umpamanya di bawah pemerintahan PAS, peratus menjaga hutan yang telah pun dibinasakan ataupun ditebang ataupun dipotong kayu balak ini begitu baik pula jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Ya, itu saya tak tahu? Dan apa agaknya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, satu soalan dua minit, panjang sangat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bertanya Datuk, jadi Timbalan Menteri ini pun sahabat saya, saya suka sangat dia menjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Faham, Timbalan Menteri faham. Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, ya, ya. Bagaimana agaknya peratus yang telah ada kepada kementerian tentang negeri-negeri yang memulihkan

balik. Susah hendak mengeluarkan percakapan ini ya? Maknanya dipulihkan semua, ditanam semula, dijaga semula. Apakah Terengganu dan Kelantan agaknya peratus lebih baik daripada Johor ataupun daripada Pahang ataupun negeri-negeri yang lain atau pun daripada Sarawak dan Sabah agaknya. Saya minta sedikit penjelasan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading yang begitu prihatin tentang keadaan hutan kita di negara yang kita cintai ini. Walau bagaimanapun apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi akan saya jawab dan biar saya beri sedikit pengertian kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan Ahli Yang Berhormat yang lain tentang kepentingan pengurusan hutan secara berkekalan dan insyaAllah saya akan beri angka-angka atau peratusan-peratusan iaitu kawasan hutan simpanan kekal di Malaysia dan juga kawasan-kawasan hutan yang telah pun dimansuhkan dan kawasan hutan yang diwartakan dan juga termasuk di negeri Kelantan dan Terengganu dan juga negeri-negeri lain di negara kita ini.

Tuan Pengerusi pengurusan hutan secara berkekalan adalah satu proses dalam mengurus kawasan hutan atau tanah hutan kekal untuk mencapai satu atau lebih objektif pengurusan bagi keperluan pengeluaran barangan dan perkhidmatan secara berterusan yang telah pun ditentukan dengan jelas tanpa mengurangkan nilai dan produktiviti serta tanpa mendatangkan kesan yang tidak diingini ke atas persekitaran sosial dan fizikal.

Sehubungan dengan itu hutan yang merupakan warisan negara yang boleh diperbaharui perlu diurus secara berkekalan untuk kepentingan-kepentingan seperti berikut:

- (i) menjamin dan memperluaskan pasaran dan keluaran kayu-kayuan serta keluaran hutan lain di pasaran antarabangsa selaras dengan ketetapan objektif ITTO tahun 2000 di mana perdagangan kayu tropika di pasaran antarabangsa dihadkan kepada bekalan yang diperolehi dari kawasan hutan yang diurus secara berkekalan sahaja. Tambahan pula ianya juga selaras dengan usaha dan inisiatif kerajaan Malaysia dalam proses pensijilan pengurusan hutan yang semakin ditekankan oleh pengguna kayu-kayuan di negara maju melalui pelaksana kriteria, petunjuk aktiviti dan piawaian pelaksanaan bagi pengurusan hutan secara berkekalan di Malaysia ataupun MCNI, dengan izin. Kegagalan Malaysia melaksanakan pensijilan ini boleh menyebabkan eksport kayu-kayuan di negara di pasaran antarabangsa terjejas khususnya di pasaran Eropah;
- (ii) memastikan juga negara terus mendapat bekalan air bersih yang mencukupi bagi kegunaan domestik, pertanian dan perindustrian serta pemeliharaan alam sekitar terutamanya pencegahan hakisan tanah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

Datuk Anifah Aman: Boleh, boleh.. Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tadi Datuk menyebut banyak treaty dan perjanjian yang telah kita buat di antara negara-negara kita dan negara-negara lain yang maju dan sebagainya. Tapi, apa yang saya pandang kebanyakan ini menguntungkan negara maju dan menekan negara membangun, terutama sekali negara kita sendiri. Umpamanya dalam *Montreal Protocol* kalau tak salah saya, di mana-mana dunia di negara ini kerugian oleh kerana mengikut treaty-treaty yang tertentu terutama sekali mengikut apa yang disebutkan ITTO dan sebagainya itu, landas dan garis panduan yang diberi oleh ITTO, kita berhak meminta ganti berlandaskan apa yang disebut di dalam *Montreal Protocol*. Sampai sekarang ini negara maju belum mewujudkan dana ataupun mengeluarkan dana untuk menggantikan kerugian. Umpamanya pada tahun 1995, Malaysia menurunkan daripada 18,000 cubic tan padu pengeluaran sampai ke 92 cubic tan. Kita tidak

mendapat apa-apa gantian daripada pihak ini. Apakah tindakan kerajaan supaya a treaty ini tidak berat sebelah, menekankan kepada kita dan untung kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat dari Batang Lupar. Memanglah treaty yang saya sebutkan telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang begitu profesional sekali iaitu Yang Berhormat daripada Mambong. Kebanyakan daripada treaty-treaty ini memanglah kadangkalanya daripada mereka dan membebankan kita. Dan negara kita Malaysia yang satu daripada negara pengeluar utama yang saya katakan kayu-kayuan tropika tadi memanglah memantau segala tekanan-tekanan yang dikenakan oleh negara maju.

Ini nyata sekali bahawa daripada segi pensijilan kayu-kayuan kita, kita telah pun menghadapi beberapa masalah daripada beberapa NGO's termasuk juga NGOs daripada dalam negeri yang begitu menimbulkan masalah-masalah yang akan merugikan negara kita daripada segi pengeluaran kayu-kayuan kita. Walau bagaimanapun, treaty-treaty seumpama ini yang telah pun ada di antaranya kita tandatangani, terpaksa kita menghormati dan kita mencari jalan tentang macam mana pengurusan hutan yang berkekalan ini dapat kita uruskan dengan sempurna. Oleh kerana apa yang hendak saya terangkan di sini, banyak pertanyaan tentang hutan-hutan ataupun cara kita menguruskan hutan kekal maka Yang Berhormat

Dr. James Dawas Mamit [Mambong]: [bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Mambong bangun.

Datuk Anifah Aman: Ya. Silakan Mambong

Dr. James Dawas Mamit: Terima kasih Timbalan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Tadi Timbalan Menteri menyebut tentang pensijilan kayu di negara kita bahawa ia sekarang menghadapi masalah-masalah NGO. Apakah kaedah yang digunakan oleh negara kita bagi menentukan agar pensijilan ini dapat diterima pakai oleh negar-negara yang mengimport kayu-kayuan kita? Seperti kaedah *Forest Stewardship Council* dan sebagainya, kaedah manakah yang diguna? Kaedah *Netherlands* ke ataupun kaedah *FAC*? Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Yang Berhormat soalan-soalan yang Yang Berhormat ini memang teknikal sekali. Walau bagaimanapun, kita telah pun mengadakan perundingan *Forest Stewardship Council* di mana MTCC atau *Malaysian Timber Certification Council* telah pun mengadakan perundingan dengan FAC di mana kita cuba untuk menyamakan kriteria-kriteria yang telah pun digunakan dan beberapa negeri di Malaysia ini iaitu kalau tidak silap saya Pahang, Terengganu dan Selangor telah pun menggunakan MC&I (*Malaysian Criteria And Indicators*) itu. Walau bagaimanapun, apa yang saya katakan tadi bahawa kita masih lagi ditentang oleh beberapa NGO's dan juga kerjasama yang kita wujudkan dengan FAC daripada sejak aw al-aw al lagi nampaknya tidak begitu membawa satu kesan untuk kita mengadakan hubungan dengannya.

Dalam hubungan ini MTCC dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah pun mengenal pasti, Yang Berhormat, iaitu 171 aktiviti iaitu di bawah 7 kriteria dan 56 petunjuk untuk memastikan hutan di Malaysia ini diurus secara berkekalan di peringkat unit pengurusan hutan FMU selaras dengan *ITTO Criteria and Indicators of Sustainable Forest Management of natural and tropical forests* dengan izin. Jadi buat ketika ini, kita masih menggunakan FAC, dan oleh itu untuk kita telah pun meneruskan usaha-usaha terancang untuk kita melaksanakan pelaksanaan dan pemantauan pengurusan hutan mengikut kriteria dan petunjuk aktiviti dan piawaian pelaksanaan bagi pengurusan hutan secara berkekalan ini dengan menggunakan pensijilan kita sendiri.

Juga beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang catuan tebang tahunan. Catuan tebang tahunan telah ditetapkan dengan tujuan untuk memastikan pengamalan pengurusan hutan secara berkekalan. Dalam proses yang sama ianya juga memastikan industri perhutanan di negara ini terus wujud serta berkembang seterusnya menyumbangkan pendapatan hasil kepada negara di negeri secara berkekalan. Dalam hubungan ini catuan tebang untuk hutan simpan kekal yang ditetapkan bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu 1996 dan 2000 adalah

1,380,200 hektar terdiri dari 230,200 hektar di Semenanjung Malaysia, 300,000 di Sabah dan 850,000 hektar di Sarawak.

Dari segi pelaksanaan didapati kadar pengusahahasilan hutan secara keseluruhan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh adalah tidak melebihi catuan yang ditetapkan kecuali di negeri Sabah yang telah pun melebihi kawasan seluas 62,798 hektar atau sebanyak 20.9%. Sementara itu di Semenanjung Malaysia kadar pengusahahasilan adalah seluas 177,010 hektar iaitu 53,190 hektar atau 23.1% kurang daripada catuan yang ditetapkan manakala bagi negeri Sarawak pula kadar pengusahahasilan adalah seluas 512,180 hektar iaitu 337,818 hektar atau 39.7% lebih rendah daripada catuan yang ditetapkan. Bagi Rancangan Malaysia Yang Kelapan iaitu tahun 2001 hingga 2005, catuan tebangan yang dicadangkan untuk Malaysia adalah seluas 272,870 hektar setahun iaitu masing-masing 42,870 hektar, 60,000 hektar dan 170,000 hektar bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pengusahahasilan hutan simpan kekal hendaklah dilaksanakan secara sistematik dan tidak melebihi catuan tebangan yang ditetapkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup, boleh sambung besok.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan pada jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

